



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**



## K A N D U N G A N

<b>PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 25)
Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong <i>[YB Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah]</i>	(Halaman 26)



**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
2. " Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali Bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
3. " Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
4. " Tuan Ak Nan A/L Eh Took (Dilantik)
5. " Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee. (Dilantik)
6. " Datuk Paul Igai (Dilantik)
7. " Datuk John Ambrose (Dilantik )
8. " Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
9. " Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
10. " Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
11. " Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
12. " Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
13. " Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
14. " Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
15. " Puan Susan Chemeraai Anding. (Dilantik)
16. " Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
17. " Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
18. " Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
19. " Dato' Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
20. " Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
21. " Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
22. " Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
23. " Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
24. " Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
25. " Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
26. " Datuk Dr. Ras Adiba Binti Mohd Radzi (Dilantik)
27. " Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
28. " Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)
29. " Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik)
30. " Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)
31. " Puan Noorita Binti Sual (Dilantik)

**AHLI HADIR (samb/-)**

32. Yang Berhormat Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik)
33. “ Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu)
34. “ Dato’ Haji Husain Bin Awang (Terengganu)
35. “ Tuan Haji Aziz Bin Ariffin (Perlis)
36. “ Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis)
37. ” Dato’ Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
38. “ Dato’ Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan)
39. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
40. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan)
41. “ Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan)
42. “ Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah)
43. “ Tuan Musoddak Bin Ahmad (Kedah)
44. “ Dato’ Ajis Bin Sitin (Pahang)
45. “ Dato’ Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang)
46. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
47. “ Puan Noraini Binti Idris (Sabah)
48. “ Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
49. “ Dato’ Ahmad Bin Dato’ Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
50. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
51. “ Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
52. “ Dr. Lingeswaran A/L Dato’ Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
53. “ Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang)
54. “ Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
55. “ Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
56. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik)

**AHLI TIDAK HADIR**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. “ Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
3. “ Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]

**AHLI TIDAK HADIR (*samb/-*)**

4. Yang Berhormat Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
5. “ Dato’ Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
6. “ Dato’ Sri Anifah Bin Aman @ Haniff Amman (Wilayah Persekutuan Labuan)

**TIDAK HADIR  
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri]
2. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker. (Dilantik)
3. “ Dato’ Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor)

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu [Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Kota Raja)
2. “ Tuan Chang Lih Kang [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Tanjong Malim)
3. “ Dato Sri Tiong King Sing [Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Bintulu)
4. “ Puan Fadhlina Binti Sidek [Menteri Pendidikan] (Nibong Tebal)
5. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi)] (Bukit Gelugor)
6. “ Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kewangan I] (Pontian)
7. “ Datuk Siti Aminah Binti Aching [Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi] (Beaufort)
8. “ Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
9. “ Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan] (Johor Bahru)
11. “ Dato’ Sri Abdul Rahman Bin Haji Mohamad [Timbalan Menteri Kerja Raya] (Lipis)
12. Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)

**HADIR BERSAMA (*samb/-*)**

13. Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Yusof Bin Apdal [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Lahad Datu)
14. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Pensiangan)
15. “ Puan Aiman Athirah Binti Sabu [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Sepang)
16. “ Dato' Sri Huang Tiong Sii [Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] (Sarikei)
17. “ Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital] (Kulai)
18. “ Tuan Mustapha @ Mohd Yunus Bin Sakmud [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Sepanggar)
19. “ Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)



**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGGAJ KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA  
Isnin, 27 Mac 2023**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan selamat sejahtera. Selamat kita bersidang semula, dan bagi memulakan atur cara Dewan, dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

**1. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, apa inisiatif kerajaan dalam memajukan Tasek Bera yang merupakan tasik air tawar yang terbesar di Malaysia sebagai sebuah produk pelancongan.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Seri Tiong King Sing]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi soalan nombor 1, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas hingga Rancangan Malaysia Kedua Belas, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah meluluskan sebanyak RM19.5 juta bagi melaksanakan 38 buah projek kepada negeri Pahang.

Berdasarkan jumlah tersebut, MOTAC telah memperuntukkan sejumlah RM245 ribu di bawah program pelancongan, kebudayaan dan warisan, atau juga dikenali sebagai kerja-kerja pemuliharaan, pemeliharaan ubah suai dan naik taraf. Bagi membiayai satu projek di Bera iaitu kerja-kerja menaik taraf infrastruktur pelancongan dan kerja-kerja berkaitan di Kompleks Resort Tasek Bera pada tahun 2022.

Yang Berhormat Senator, kalau boleh saya hendak mencadangkan, kalau apa-apa projek kalau dinaiktarafkan di kawasan kita, bolehlah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pahang. Selepas itu, kita akan berbincang bersama-sama mana kita boleh bantu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya berkesempatan melihat sendiri secara dekat Tasek Bera beberapa bulan yang lepas. Saya lihat kemudahan dan ada, ada chalet-nya tetapi chalet sudah reput, sudah lama sangat tidak digunakan. Ada jeti yang baharu, mungkin *multimillion* punya jeti, dengan izin.

Akan tetapi, apa masalah- sebab saya rasa Tasek Bera ini adalah tasik warisan khazanah kita yang dihuni oleh lebih 200 spesies burung-burung, 90 lebih spesies ikan, 50 lebih spesies mamalia? Akan tetapi malangnya, ia sudah terbiar begitu lama. Jadi, macam mana mungkin Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya boleh *revise* balik, dengan izin? Ini sebab inilah khazanah kita yang ada, tasik air tawar yang terbesar di Malaysia yang kita pernah ada. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, memang saya setuju. Dalam sektor pelancongan, seni dan budaya banyak tempat kita mahu dinaiktarafkan. Baru minggu yang lepas saya ada berjumpa Menteri Ekonomi, kita berbincang di bajet tahun depan, kita minta lebih sikit untuk menaiktarafkan beberapa buah tempat.

Itulah tadi saya kata, kalau boleh kita berbincang bersama Kerajaan Negeri Pahang, kita berbincang mana paling mustahak untuk negeri. Perbincangan itulah kita boleh masukkan- pergi ke Kementerian Ekonomi, mendapat peruntukan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, suruh berunding.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Satu sahaja lagi sebab kita dapati terlampau sedikit bilangan soalan yang dijawab. Justeru, satu soalan kita beri dua soalan tambahan. Silakan.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan pertama saya Yang Berhormat Menteri pernah kah pergi ke Tasek Bera ini? Ini soalan pertama.

Soalan kedua, bagaimanakah pihak kementerian bekerjasama dengan kerajaan negeri ini untuk menjaga supaya ekosistem di tempat tersebut tidak terancam? Bagaimanakah pula untuk kita mengekalkan para pelancong ini supaya mereka kekal untuk berkunjung ke Tasek Bera ini? Bagaimana untuk hendak mengekalkan ekosistem itu sebab kalau kita lihat di Tasek Bera ini dan juga seperti di Tasik Chini juga, banyak kawasan di kawasan di sekitar tersebut, banyak yang telah diteroka dan tercemar? Jadi, apakah pandangan pihak kementerian? Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Inilah serupa tadi saya soalkan, kita hendak- isu-isu kita tadi sudah dipersoalkan, kita mestilah mahu bekerjasama dengan kerajaan negeri. Barulah kita lihat dan mencadangkan apa sepatutnya kita mahu buat.

#### ■1010

Antara aktiviti yang telah dijalankan bagi kemajuan sektor pelancongan, khususnya di kawasan Tasik Bera. Penganjuran bengkel pembangunan bagi produk-produk pelancongan Daerah Bera- dari 16 Ogos 2022 hingga 18 Ogos 2022 melibatkan 33 orang peserta yang terdiri daripada Agensi Pelancongan Pahang, pakar pengusaha *homestay*, produk pelancongan Daerah Bera, dan juga lain-lain.

Banyak lagi produk-produk yang kita akan buat. Itulah, saya selepas ini- Dewan Negara bersama Dewan Rakyat, kita akan melawat negeri ke negeri untuk mendapatkan penyelesaian, mana yang sepatutnya boleh diselesaikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Manolan, puas hatikah dengan jawapan itu? Jangan tembak itik kena ayam pula.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Boleh buat lawatan ke Tasik Bera, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehlah. Gembiralah itu. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tempat saya itu.

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*. Tuan Robert Lau Hui Yew.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam Malaysia MADANI. Soalan saya nombor 2.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua "Salam MADANI". Sila, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

**2. Tuan Robert Lau Hui Yew** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah rasional dan mekanisme menentukan kadar cukai jalan terkini; dan
- (b) apakah pelan tindakan kerajaan dalam menambah baik sistem cukai jalan supaya ia betul-betul mencerminkan kos penyelenggaraan jalan berbanding dengan jenis kenderaan terlibat.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, seksyen 15, Akta Pengangkutan 1987 [Akta 333] telah menetapkan bahawa; tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan digunakan sesebuah kenderaan motor di atas jalan raya sekiranya tiada sesuatu lesen kenderaan motor (LKM) dikeluarkan di bawah akta tersebut.

Suatu LKM akan dikeluarkan setelah permohonan dibuat dengan mematuhi semua prosedur, syarat dan membayar fi yang ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959. Kadar fi LKM yang dikutip akan menjadi hasil kerajaan dan dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Disatukan. Perkiraan kadar fi LKM pada masa ini adalah ditentukan dengan mengambil kira pemboleh ubah seperti kapasiti enjin, jenis bahan bakar, jenis ataupun kod badan kenderaan, jenis pemilikan, jenis kegunaan dan mengikut kawasan pengisytiharan kenderaan tersebut akan digunakan.

Mengenai pertanyaan berkaitan pelan kerajaan untuk menambah baik sistem perkiraan fi LKM, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pengangkutan bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah secara berterusan melaksanakan penelitian semula ke atas kaedah perkiraan sedia ada bagi memastikan ia senantiasa relevan berdasarkan kepada keperluan dan dasar semasa.

Namun begitu, perkara ini memerlukan kajian yang terperinci melibatkan pelbagai pihak berkepentingan serta memerlukan tempoh masa untuk dimuktamadkan. Kementerian Pengangkutan dari semasa ke semasa memaklumkan sebarang perubahan kepada kadar perkiraan fi LKM sekiranya ada untuk perhatian semua pihak pada masa hadapan.

Selain itu, perlu juga ditekankan bahawa hasil kutipan fi LKM akan menjadi kutipan hasil kerajaan secara keseluruhan dan tiada ketetapan di bawah Akta 333 yang menyatakan semua kutipan fi LKM hanyalah boleh digunakan bagi tujuan penyelenggaraan jalan sahaja.

Semua hasil kutipan kerajaan dari pelbagai sumber termasuk daripada kutipan fi LKM apabila dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Disatukan akan digunakan bagi tujuan semua jenis perbelanjaan kerajaan yang diluluskan kelak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Soalan tambahan. Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya ialah rasionalkah sekarang untuk hasil kutipan ini, ialah untuk memperbaiki jalan?

Dengan izin, *for repairing of the road*. Soalan saya ialah, bolehkah kerajaan mencadangkan untuk mengira cukai jalan ke atas faktor lain seperti pelepasan gas *carbon dioxide*, dan umur alat kenderaan, iaitu tempoh sesuatu kenderaan digunakan di jalan, dan berat kenderaan? Kira faktor lain. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Berkaitan untuk mengkaji semula, sebagaimana yang saya jawab tadi, iaitu sekiranya ada apa-apa kajian yang perlu dibuat untuk melihat perubahan- sekarang ini, *we talk about*, dengan izin...

**Tuan Yang di-Pertua:** "Kita bercakap tentang..."

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Kita bercakap tentang karbon dan sebagainya, ini ialah benda-benda yang baharu. Perkara-perkara yang baharu sekarang ini; *emission* dan sebagainya. Pelepasan karbon dan sebagainya.

Semua perkara ini akan diambil kira, termasuklah umur kenderaan ini. Mungkin juga berat kenderaan. Saya tahu, seperti di Sarawak dan di Sabah, *loading* ataupun keberatan kenderaan berbeza untuk *loading* kenderaan di Semenanjung dan *loading* di Sarawak, khususnya, sebagai contoh.

Jadi, perkara ini memang akan dikaji berterusan. Malahan sekarang ini, kita sudah ada kenderaan elektrik, ini pun juga sudah dalam kajian sekarang tentang bagaimana untuk dikaji tentang *road tax*, atau cukai jalan ini. Semua diambil kira sebenarnya, tetapi belum ada yang menyeluruh dikeluarkan lagi. Terima kasih.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Satu soalan tambahan.

**Datuk Noraini binti Idris:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

**Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair:** Bagi golongan emas yang tidak mempunyai literasi digital, mereka berdepan dengan kesukaran untuk memperbaharui cukai jalan, lebih-lebih lagi warga emas yang tinggal berseorangan di kawasan kampung dan desa.

Soalan tambahan saya, apa usaha yang sedang digerakkan oleh kementerian untuk mewujudkan capaian, atau *accessibility*, dengan izin, kepada segmen pengguna jalan raya tersebut, untuk bersama-sama memanfaatkan kaedah pembaharuan cukai jalan secara digital? Sekian.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Pertama sekali, terutamanya tentang paparan *road tax*, dan sebagainya, cukai jalan ini. Ia tidak wajib. Pemaparan adalah tidak wajib, sama ada kita masih hendak lekat di situ, pergi ke JPJ hendak ambil secara manual, ataupun kita gunakan *apps* sekarang ini.

Jadi ertinya di sini, bukanlah hanya berkenaan OKU sahaja, tetapi penduduk desa, di mana capaian Internet belum lagi pada tahap yang boleh memuaskan. Jadi, ini pun dikecualikan juga, dan macam-macam kaedah dibuat. Jadi ertinya, seperti apa yang dibenarkan untuk *print out*, kita pergi ke bandar minta tolong untuk dimasukkan, dipaparkan, di-*screenshot* ataupun di-*print out*, simpan dalam kereta, semua ini.

Jadi, ia tidak menjadi masalah sebenarnya. Kalau betul-betul tidak dapat, balik kepada yang biasa. Ia masih lagi; belum lagi menjadi suatu yang mesti atau wajib. Walaupun ada orang kata nanti kena saman dan sebagainya, rasanya ia tidak akan berlaku. Pada masa ini, belum lagi. Ia belum wajib untuk memaparkan.

Kita boleh sama ada, saya ulangi, seperti dahulu ataupun *apps* yang ada sekarang. Pilihan kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada tadi soalan, silakan.

**Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris:** Soalan tambahan. Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kita sedia maklum bahawa infrastruktur jalan-jalan raya, terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak ini belum diselenggarakan dengan baik. Ada jalan yang daif, ada jalan yang tidak bertar, ada jalan yang berlubang-lubang menyebabkan kereta rosak, tayar pancit, dan sebagainya.

Jadi soalan saya, adakah pihak kementerian boleh mempertimbangkan permintaan untuk pengecualian cukai terhadap kenderaan-kenderaan yang digunakan di kawasan pedalaman ini, mengambil kira keadaan infrastruktur jalan raya? Terima kasih.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Rasanya permintaan itu boleh difikirkan atau ditimbangkan. Saya pun dari luar bandar juga. Bukan jalan batu lagi, jalan tanah. Jadi, bagaimanakah? Dengan becaknya, bayar cukai yang sama.

Jadi saya rasa, ini boleh sesuatu yang bagi saya, sesuatu yang positif. Mungkin boleh difikirkan untuk sementara waktu sebelum jalan dinaiktarafkan. Terima kasih. Itu jawapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sementara fikir itu, elok terus bawa supaya dipertimbangkan pula. Terima kasih.

Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

#### ■1020

**3. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta Menteri Komunikasi dan Digital menyatakan, bila jaringan 5G dapat dicapai untuk seluruh Malaysia memandangkan terdapat banyak kawasan yang liputan internet masih rendah, dan tiada langsung jaringan internet.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Dr. Nuing Jeluing pada 3 April 2023 iaitu soalan bernombor 43.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih, 'Datuk' Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** "Tuan Yang di-Pertua"...

**Puan Teo Nie Ching:** Tuan Yang di-Pertua. Pembangunan rangkaian 5G oleh Digital Nasional Berhad (DNB) telah mula dilaksanakan pada suku ke-tiga tahun 2021, dan telah mula dapat diakses oleh pengguna pada tahun yang sama.

Sebagai permulaan, pembangunan 5G bertumpu kepada kawasan-kawasan yang mempunyai aktiviti ekonomi berimpak tinggi. Perluasan liputan 5G ke kawasan lain akan dilaksanakan secara berperingkat pada tahun-tahun yang berikutan. Setakat 28 Februari 2023, sebanyak 4,363 buah tapak daripada 7,509 buah tapak 5G telah siap dibangunkan oleh DNB di seluruh negara.

Dengan jumlah tersebut, ketersediaan rangkaian 5G telah mencapai 54.7 peratus liputan di kawasan berpenduduk, *coverage of populated area* (COPA), dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jumlah peratusan ini adalah termasuk tapak-tapak pemancar 5G yang telah diaktifkan oleh DNB tetapi belum boleh diakses oleh pengguna kerana syarikat penyedia perkhidmatan masih dalam proses *on boarding*, dengan izin. Jika dilihat pada tapak 5G yang boleh diakses pengguna sahaja, ketersediaan perkhidmatan 5G berada pada 46.9 peratus liputan di kawasan berpenduduk.

Seperti mana pengetahuan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2023, liputan perkhidmatan 5G disasarkan akan mencapai 80 peratus liputan di kawasan berpenduduk menjelang penghujung tahun 2023. Selain itu, kerajaan juga sedang mempertimbangkan teknologi seperti *broadband wireless access*, dengan izin, *fixed wireless access*, dengan izin, dan teknologi satelit sebagai kaedah untuk memastikan capaian internet ke seluruh negara terutamanya ke kawasan-kawasan berpenduduk di pedalaman dan sangat terpencil yang sukar dicapai melalui infrastruktur 4G atau 5G. Sekian, jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Soalan tambahan. Sila.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Soalan tambahan saya. Singapura ialah negara yang mempunyai kelajuan internet paling tinggi iaitu 225.71 *megabit*, manakala Emiriah Arab Bersatu, paling laju iaitu 153.09 *megabit*. Purata internet jalur lebar di Malaysia ialah 92.69 *megabit*, manakala kelajuan purata internet mudah alih pula ialah 43.67 *megabit*. Ini menunjukkan bahawa Malaysia masih lagi jauh ketinggalan dengan negara-negara yang lain. Apakah usaha kerajaan untuk memastikan bahawa kelajuan internet di Malaysia akan berjaya ditingkatkan setanding dengan negara-negara yang lain? Sekian.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pencapaian JENDELA Fasa 1 iaitu setakat suku ke-empat tahun 2022, purata kelajuan muat turun mudah alih Malaysia, negara kita, ialah setinggi 116.03 *Mbps*.

KKD percaya bahawa mengikut perluasan 5G secara berperingkat, kelajuan ini boleh menjadi semakin tinggi kerana sasaran 5G ialah kita hendak pastikan bahawa kelajuan muat turun 100 *Mbps* di pinggir sel liputan. Maksudnya iaitu di kawasan di mana kekuatan isyarat 5G berada pada tahap yang minimum.

Pagi tadi, saya telah buat satu *speed test* atau pun ujian internet kerana di Parlimen sekarang sudah ada liputan 5G. Ini menunjukkan bahawa untuk *download*, kelajuan *download* di Dewan yang mulia ini ialah setinggi 859 untuk *download*, dan untuk *upload* ialah setinggi 139. Ini ialah kelajuan yang kita nampak selepas 5G diperluaskan di seluruh negara.

Jadi, saya percaya bahawa kalau kita dapat mencapai sasaran kita iaitu liputan 5G di 80 peratus kawasan berpenduduk di seluruh negara, saya percaya bahawa kelajuan internet kita akan menjadi semakin tinggi. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab Timbalan Menteri telah membuat pengumuman katanya ada 859 *Mbps*, petang ini kita uji. Tengok betul tidak jawapan itu. Kalau tidak betul, minggu hadapan kita arah beliau tampil ke muka.

**Puan Teo Nie Ching:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Saya guna pakai *Ookla Speedtest*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta, sila. Tadi sudah berdiri.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Menteri sudah beritahu bahawa dengan bantuan satelit, dan semua kaedah yang terbaharu, kita boleh buat pencapaian 80 peratus menjelang akhir tahun. Saya berpendapat kalau itu suasananya, patutnya kita boleh dapat cepat lagi daripada itu.

Jadi, soalan saya, adakah antara yang menyebabkan sedikit kelambatan ini ialah kerana kita tidak buka sistem ini kepada banyak syarikat, dan tidak dimonopoli oleh satu buah syarikat DNB? Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak jelaskan sedikit di sini bahawa *speed test* itu kita guna pakai satu *apps* yang dipanggil Ookla. Jadi, saya memang mengalu-alukan semua Ahli Yang Berhormat Senator untuk *download speed test* ini dalam *handphone* anda supaya data itu boleh dikongsi dengan syarikat Ookla...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ujian laju.

**Puan Teo Nie Ching:** Ujian laju- boleh dilaksanakan di merata-rata tempat dan supaya SKMM boleh dapat kelajuan ini dengan lebih tepat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebenarnya perluasan 5G telah dipercepatkan di bawah oleh sebab sasaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau ikut rancangan asalnya, liputan 5G di 80 peratus kawasan berpenduduk sepatutnya mencapai 80 peratus pada tahun hadapan.

Akan tetapi, kami telah mencuba sedaya upaya untuk mempercepatkan satu tahun lebih awal iaitu hujung tahun ini kami boleh mencapai 50 peratus kawasan berpenduduk.

Setakat ini, model DNB masih dikaji oleh Jemaah Menteri, dan selepas Jemaah Menteri buat satu keputusan terhadap liputan 5G ini, saya harap bahawa ia boleh dijalankan secara lancar dan dilaksanakan dengan begitu cepat supaya lebih ramai rakyat Malaysia boleh menikmati kelajuan internet yang lebih tinggi. Sekian sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Menjawab pun laju macam 5G juga... [Ketawa]

**4. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, berapa jumlah- statistik graduan doktor falsafah di Malaysia, dan apa bidang paling tinggi yang tidak mendapat peluang pekerjaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Mohammad Yusof bin Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff atas soalan yang diajukan.

Secara keseluruhannya, jumlah graduan pemegang PhD Warganegara di Malaysia bagi tempoh 2011 hingga 2022 ialah seramai 25,014 orang. Berdasarkan data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) Kementerian Pendidikan Tinggi, bilangan graduan Warganegara bagi peringkat Pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) bagi tahun 2022 adalah seramai 2,872 orang.

Berkenaan dengan bidang yang merekodkan jumlah graduan yang mendapat pekerjaan terendah, data untuk tahun 2022 menunjukkan tiga bidang dengan kadar graduan mendapat pekerjaan terendah adalah seperti berikut:

Bil.	Bidang	Peratusan (%)	Bil. graduan (orang)
1.	kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	25.6	38
2.	perniagaan, pentadbiran dan perundangan	21.0	30
3.	sains semula jadi, matematik dan statistik	19.6	28

Sekian, terima kasih.

■1030

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Adakah usaha kerajaan untuk membantu para graduan PhD ini yang masih tidak mendapat peluang pekerjaan, yang tidak dinaikkan pangkat dalam jawatan, dan juga yang bekerja di luar bidang pengajian masing-masing? Terima kasih.

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Pusat Kerjaya IPT sentiasa membantu graduan terutamanya PhD ini bagi mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan akademik mereka. Salah satu usaha yang diadakan secara berterusan iaitu melalui perbincangan dengan industri yang berkaitan dengan kerjaya.

KPT juga sentiasa prihatin dalam memastikan graduan IPT mempunyai kebolehpasaran yang tinggi melalui kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan dan pihak industri dalam merangka serta melaksanakan program serta inisiatif bagi memperkasakan pembangunan bakat untuk memenuhi keperluan industri, sekali gus membantu pembangunan ekonomi negara.

KPT akan mengkaji cadangan atau inisiatif baharu yang boleh dilaksanakan dalam membantu graduan PhD khususnya ini mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan akademik mereka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu lagi.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melainkan MQA dan juga penetapan yang ketat oleh universiti, soalan saya ialah bagaimana kementerian memastikan daya saing bagi graduan doktor falsafah itu dalam universiti terkemuka antarabangsa? Tambahan pula, kita tahu sekarang kita ada doktor kejuruteraan, kita ada DBA dan seterusnya.

Saya pun hendak tanya bahawa adakah pelan kementerian itu kembalikan Program MyBrain15 untuk menggalakkan lebih banyak masyarakat melanjutkan pelajaran mereka dalam *postgraduate*, dengan izin? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), menjalankan proses jaminan kualiti program pengajian tinggi berdasarkan kepada pematuhan kepada kerangka kelayakan Malaysia iaitu, dengan izin, *Malaysian Qualifications Framework* (MQF), *the standard program* yang berkaitan.

Untuk makluman, program ijazah kedoktoran (PhD) yang melalui penilaian kualiti MQA perlu mematuhi standard ijazah sarjana dan kedoktoran dengan edisi terkini, terbitan tahun 2021 yang merupakan dokumen rujukan dalam menawarkan dan mengakreditasi program pasca siswazah di Malaysia. Sebagai usaha memastikan kualiti program ijazah kedoktoran sentiasa kekal seiring dengan perkembangan semasa dan keperluan antarabangsa, pembangunan standard dan semakan semula telah dilaksanakan dengan melibatkan panel pakar akademik dan industri.

Antara keperluan standard yang khusus bagi program ijazah kedoktoran adalah keperluan untuk memenuhi tempoh lazim pengajian dari tiga hingga empat tahun; penghasilan tesis dinilai oleh sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa dalam bidang penyelidikan yang mana salah satunya adalah pemeriksa luar; pemeriksa yang dilantik juga perlu mempunyai pengalaman dalam penyelidikan dan penerbitan bidang yang berkaitan; penghasilan tesis memenuhi hasil pembelajaran program bagi tahap kedoktoran tempatnya; IPT yang menawarkan program ijazah kedoktoran perlu menyediakan garis panduan dan prosedur berkaitan struktur dan format penyediaan tesis berdasarkan keperluan standard program yang berkaitan; dan kelima, pelantikan penyelia yang berkelayakan dan mencukupi serta mematuhi nisbah penyelia kepada pelajar seperti yang dikehendaki dalam standard program.

Secara keseluruhannya, sebanyak 967 program kedoktoran telah berjaya mencapai status akreditasi penuh dan disenaraikan dengan izin, dalam *Malaysian Qualifications Register* (MQR). Manakala sebanyak 154 program masih berstatus akreditasi sementara.

Kementerian akan terus memantau kualiti pengajian tinggi bagi memastikan program yang ditawarkan oleh IPT tempatan mencapai piawaian yang ditetapkan agar graduan ijazah kedoktoran yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.



Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh.

**5. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh** minta Menteri Perladangan dan Komoditi menyatakan, tindakan jangka pendek dan panjang berhubung masalah kekurangan serta kebergantungan tenaga buruh asing yang tinggi dalam sektor perladangan khususnya perladangan sawit.

**Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi [Datuk Siti Aminah binti Aching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah kekurangan dan kebergantungan kepada tenaga buruh di sektor perladangan sawit berlaku berikutan kurangnya penglibatan tenaga buruh tempatan terutamanya bagi aktiviti penuaian dan pemungutan buah tandan segar. Aktiviti tersebut sangat penting dan memerlukan lebih ramai tenaga kerja berbanding aktiviti lain di ladang sawit dan juga aktiviti tersebut kini telah dikuasai oleh tenaga kerja asing.

Sehubungan itu, usaha bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing ini sentiasa menjadi agenda utama kerajaan bagi memastikan sumbangan sektor sawit kepada ekonomi negara terus signifikan. Untuk jangka masa pendek, kita mesti memerlukan tenaga kerja asing. Untuk itu, Kementerian Perladangan dan Komoditi telah mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri untuk mempercepatkan dan mempermudah urusan kemasukan pekerja asing bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh pihak ladang.

Sektor perladangan juga telah disenaraikan di antara lima sektor kritikal yang memerlukan tenaga buruh asing yang tinggi dalam pelaksanaan Program Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing. Melalui program ini yang mula dilancarkan sejak 17 Januari 2023, sebanyak lima sektor termasuk sektor perladangan telah diberi keutamaan untuk mendapatkan tenaga buruh asing dengan kelonggaran kepada majikan untuk menggaji pekerja asing dari 15 buah negara sumber tanpa melalui pra syarat kelayakan penggajian serta kelayakan kuota.

Menurut data KSM, setakat 8 Mac 2023, sebanyak 20,970 kuota penggajian pekerja asing telah pun diluluskan untuk sektor perladangan yang diproses melalui Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing. Pelan ini dilihat mampu memenuhi baki keperluan tenaga kerja asing yang diperlukan.

Bagi strategi jangka masa panjang, kerajaan sedang memperkasakan peranan Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP) yang telah dilancarkan pada tahun 2021 bagi menggalakkan penyelidikan dan pengkomersialan teknologi mekanisasi serta automasi di ladang sebagai tindakan jangka masa panjang.

Melalui penubuhan konsortium ini, kerajaan menyasarkan peningkatan penggunaan teknologi dan mekanisasi serta automasi di ladang bagi mengurangkan penggunaan tenaga buruh dan meningkatkan produktiviti di ladang. Suasana kerja yang kondusif juga perlu diwujudkan bagi menarik minat warga tempatan untuk bekerja di sektor perladangan.

Minta sikit lagi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh.

**Datuk Siti Aminah binti Aching:** Satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus. Sudah habis.

**Datuk Siti Aminah binti Aching:** Selain itu, pihak Kementerian Perladangan dan Komoditi..., boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ayat akhir sahaja.

**Datuk Siti Aminah binti Aching:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sebab tidak berkaitan dengan soalan itu sepenuhnya.

**Datuk Siti Aminah binti Aching:** Okey. Baik.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Betul Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambah lagi Yang Berhormat Tan Sri Fatmi.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan saya. Itu pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul... [Ketawa]

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Saya ada soalan tambahan lagi. Soalan utama pun belum jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Akan tetapi soalan kedua, soalan tambahan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Elok juga Yang Berhormat Tan Sri nyatakan aspek mana yang dia tidak jawab tadi itu...

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Soalannya *simple*, yang senang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mudah.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Iaitu apa perancangan kerajaan jangka pendek dan panjang untuk mengelak daripada ketidakcukupan tenaga kerja terutamanya dalam perladangan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sahabat dengar juga macam tadi, jawab lain sikit.

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** *It is a simple question*, itu sahaja. Bukan lain-lain kursus atau apa semua, tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, tambahan.

#### ■1040

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu kalau boleh Dewan yang mulia ini dikongsikan, jumlah secara agregat kerugian negara semasa- terutama semasa pandemik COVID-19, apabila ketidakadaan tenaga kerja dan buah-buah sawit tidak dapat dikutip- banyak dan lama. Selama dua tahun kita ada masalah itu dan sehingga hari ini daripada dahulu sampai sekarang, bolehkan ia di-*detail out*- berapakah kerugian negara?

Untuk mengelak keadaan seperti ini berlaku lagi, adakah perancangan kerajaan untuk menggalakkan orang tempatan, rakyat tempatan untuk bekerja dalam lapangan perladangan ini? Kalau Yang Berhormat Menteri kata tadi banyak kita kebergantungan kepada tenaga pekerja asing, apa perancangan kita untuk galakkan- *encourage our boys and girls* untuk bekerja dalam bidang perladangan ini, supaya tidak hadapi masalah yang berulang kali. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Tan Sri Mohamad Fatmi, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jawapan.

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerugian satu, yang kedua orang tempatan.

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching:** Okey, untuk- terima kasih Yang Berhormat yang bertanya.

Pertama mengenai kerugian itu, saya akan bagi secara detilnya- ia secara bertulis yang Yang Berhormat, dan saya minta maaf kalau soalan pertama pun tidak menepati jawapan, jadi saya juga mohon supaya dihantar melalui bertulis.

Jawapan untuk soalan yang ketiga pula iaitu mengenai dengan penglibatan anak-anak tempatan kita. Jadi, kita telah memikirkan juga- kita ingin supaya anak-anak tempatan kita ini akan bergiat dalam sektor perladangan ini. Jadi, kita telah merancang ataupun ada program-program khusus yang dibuat melalui latihan atau kursus-kursus untuk memberikan mereka pendedahan mengenai dengan kerja-kerja ladang ini dan mudah-mudahan mereka akan mengambil peluang ini untuk mempelajari- supaya anak-anak muda kita ini akan dapat masuk dalam sektor perladangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila-sila, siapa yang dahulu Puan Rita- Yang Berhormat Senator.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Bukan saya, kah?

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang kelonggaran yang diberikan untuk memohon permit kerja. Jadi, untuk pekebun-pekebun kecil yang kurang upaya untuk memohon permit sedemikian kerana rata-rata mereka kurang berpendidikan, adakah kerajaan akan menimbangkan untuk membenarkan sama ada persatuan bagi pekebun-pekebun kecil atau pun koperasi bagi pekebun-pekebun kecil memohon permit kerja bagi pihak ahli-ahlinya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Mengena ini juga kita akan menjawab secara detil Yang Berhormat ya, sebab dia memang kita akan jawab secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bertulis. Oleh sebab Datuk Dr. Dominic, soalan akan datang, saya terus pergi kepada Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

**6. Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bagaimana kementerian melalui garis panduannya akan mengutamakan penilaian daripada perspektif keselamatan berhubung dengan penguatkuasaan penjualan mercun dan bunga api yang telah mendapat perkenan kerajaan seperti insiden kecederaan atau kematian disebabkan mercun dan bunga api.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia mengawal selia pengimportan dan penjualan mercun dan bunga api berdasarkan Akta Bahan Letupan 1957, Peraturan-peraturan Bahan Letupan 1923 dan Garis Panduan Pengimportan dan Peniaga Bunga Api jenis *happy bomb* dan pop-pop untuk jualan umum sahaja sempena musim perayaan.

Pihak kementerian membenarkan sebanyak 45 item bunga api dan mercun untuk diimport, disimpan dan diniagakan oleh syarikat-syarikat yang berkeelayakan. Kelulusan hanya diberi setelah sesebuah syarikat memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu mempunyai tempat simpanan selamat bahan letupan, magazin dan dibenarkan mengimport sebanyak 45 jenis item bunga api dan mercun yang telah diuji nilai dan disahkan selamat oleh pihak Polis Diraja Malaysia sahaja.

Daripada segi penguatkuasaan dan keselamatan, PDRM sentiasa menjalankan pemeriksaan operasi bunga api musim perayaan dan membuat tangkapan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Bahan Letupan 1957 dan Akta Kesalahan Kecil 1955. Berkaitan mercun, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pula memastikan hanya syarikat yang diberi kelulusan sahaja dibenarkan untuk mengimport mercun dan bunga api yang dibenarkan. Manakala Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga bertanggungjawab dalam memastikan premis perniagaan untuk jualan mercun dan bunga api adalah selamat dan bersesuaian. PBT juga memastikan hanya peniaga yang telah diberikan kebenaran permit, lesen, kupon, surat rasmi sahaja dibenarkan untuk berniaga mercun dan bunga api. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mercun dan bunga api.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengenai- minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa kerana kita ada akta seksyen 7, dan seksyen 8, Akta Bahan Letupan 1957 kerana akta itu tidak dikuatkuasakan sepenuhnya atau mempunyai kelonggaran oleh itu kerajaan mencari jalan mudah dengan memberi kebenaran kepada penjualan mercun dan bahan api. Saya pun hendak minta Menteri yang berkaitan mengeluarkan kenyataan kelonggaran itu, adakah kajian penyelidikan yang terperinci diadakan sebelum mengeluarkan kenyataan kelonggaran mercun dan bunga api. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam soal keselamatan, pihak kementerian tidak kompromi bagi menjaga kepentingan awam dan negara. Bagi Akta Bahan Letupan 1957, akta ini berkenaan dengan pengilangan, penggunaan, penjualan, penyimpanan, pengangkutan, pengimportan dan pengeksportan bahan api dan letupan.

Kita sentiasa patuh dan apa sahaja keputusan yang dibuat oleh kementerian mesti berasaskan kepada peraturan dan undang-undang yang ada. Apatah lagi kementerian ini merupakan kementerian yang bertanggungjawab untuk memastikan segala undang-undang dipatuhi. Sama ada pengimport, peniaga kecil mesti mematuhi undang-undang dan mana-mana pihak yang melanggar peraturan-peraturan ini akan dikenakan mengikut akta yang bersesuaian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Seruandi bin Saad:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Fasal mercun dan bunga api ini mustahak, sila.

**Tuan Seruandi bin Saad:** Adakah syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan yang dikuatkuasakan oleh pihak kementerian dan PDRM berhubung penjualan mercun serta berapakah jumlah pemeriksaan dan tangkapan yang dibuat oleh pihak Polis Diraja Malaysia semasa operasi bunga api pada musim perayaan, yang dijalankan...?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak jawab itu?

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Jawab Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menjawablah.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Bila sudah tanya kena jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Tidak jawab, tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi ada data itu, boleh bagi?

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Kalau tidak boleh jawab, saya bagi jawapan bertulis, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada garis panduan dalam soal kita membenarkan syarikat-syarikat atau pihak-pihak yang ingin terlibat dalam perkara ini. Jadi, garis panduan menetapkan syarat-syarat berikut.

Antaranya ialah, penjualan mercun dan bunga api hanya dibenarkan ketika musim perayaan sahaja, tidak boleh dibuat pada masa lain. Keperluan mendapatkan permit jualan mercun dan bunga api mesti daripada PDRM. Keperluan mendapatkan permit berniaga daripada PBT, itu beza. Kemudian, keperluan untuk selamat mesti kita ada tempat yang selamat untuk penyimpanan bahan-bahan letupan dan kita hanya membenarkan import untuk 45 item sahaja yang dibenarkan dan sehingga setakat ini, sebanyak 27 buah syarikat yang dibenarkan untuk mengimport dan menjual mercun dari Negara China.

Berkaitan dengan jumlah pemeriksaan dan tangkapan yang telah dibuat oleh pihak PDRM, semasa operasi bunga api musim perayaan yang dijalankan, dari tahun 2020 hingga tahun 2022, data yang ada di tangan saya, pihak PDRM telah menjalankan sebanyak 820 pemeriksaan bagi operasi bunga api musim perayaan dan membuat sebanyak 85 tangkapan. Bagi tempoh yang sama bagi kesalahan di bawah seksyen 8, Akta Bahan Letupan 1957, berkaitan perbuatan ataupun pemilikan bahan api letupan dalam keadaan yang menimbulkan syak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1050

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab menjawab dengan tepat.

Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah.

**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Mencari jawapan dalam Dewan,  
Khasiat berzaman geliga lipan;  
Ada harapan masa hadapan,  
Soalan nombor tujuh mohon jawapan.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. *Mal vasi bisawab*; Sila jawab.

7. **Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apa status terkini mengenai pelaksanaan menyeluruh bagi gaji minimum RM1,500 ekoran peningkatan kos sara hidup.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Untuk makluman Dewan yang mulia, Perintah Gaji Minimum 2022 telah berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022 dengan kadar gaji minimum RM1,500 sebulan untuk semua sektor tanpa mengira wilayah bagi majikan yang mengajikan lima orang pekerja atau lebih, dan tanpa mengira bilangan pekerja bagi majikan yang menjalankan suatu aktiviti profesional yang di kelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2020.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah membuat keputusan untuk melanjutkan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2022 bagi majikan yang menggaji kurang lima orang pekerja yang menjalankan aktiviti bukan profesional daripada 1 Januari 2023 ke- 1 Julai 2023 di seluruh negara. Keputusan penangguhan ini dibuat adalah kerana kerajaan prihatin kepada usahawan perniagaan mikro yang masih belum pulih sepenuhnya ekoran perniagaan yang terjejas semasa pandemik COVID-19.

Selain itu, kerajaan juga mengambil kira memorandum daripada pelbagai pihak yang terlibat yang menyatakan bahawa mereka terpaksa menanggung kos tambahan akibat daripada pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2022.

Pelanjutan tambahan selama enam bulan ini diharap dapat memberikan peluang untuk majikan, perniagaan mikro, menyelaraskan dan mengimbangi keperluan kewangan yang sedikit sebanyak akan membantu memulihkan kedudukan ekonomi syarikat.

Berkaitan dengan isu majikan yang masih menggunakan gaji minimum lama, terutama bagi pekerja keselamatan dan pembersihan, untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kewangan telah mengadakan perbincangan berkaitan dengan isu tersebut. Kebanyakan majikan telah pun membuat pelarasan kontrak mengikut Perintah Gaji Minimum 2022. Sekiranya terdapat pekerja yang masih belum menerima gaji minimum RM1,500, pekerja boleh membuat aduan di Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah ya.

**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah:** Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pelaksanaan gaji minimum di bandar seperti Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Johor dan sebagainya saya lihat tidak dapat menampung kos sara hidup yang semakin tinggi. Dalam keadaan RM1,500, apa pandangan kementerian gaji RM1,500 ini di bawah kadar kemiskinan, bawah B40.

Sepatutnya kementerian perlu melihat lebih positif untuk masa hadapan kerana hari ini apabila kerajaan kata di bawah kadar kemiskinan RM2,208 tetapi gaji minimum rakyat kita masih di bawah kadar RM1,500. Jadi apa penjelasan dan apa penyelesaian dalam isu gaji minimum untuk rakyat, terutama dalam keadaan kos sara hidup yang makin meningkat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita lihat gaji yang sekarang ini pun tidak mencukupi. Oleh yang demikian kajian sedang dibuat untuk mengkaji semula gaji kehidupan wajar atau dengan izin, *living wages*. Ini yang sedang dibuat. Kerajaan dalam usaha untuk meneliti cadangan dari Bank Negara berkaitan gaji kehidupan wajar ini.

Berdasarkan laporan Bank Negara Malaysia pada tahun 2018, kadar gaji sara hidup seorang individu adalah berjumlah RM2,700. Bagi pasangan tanpa anak pula kadarnya adalah sebanyak RM4,500 dan pasangan dengan dua orang anak- RM6,500. Itu kajian dari Bank Negara.

Sehubungan itu kerajaan perlu mengkaji dan mengenal pasti model yang sesuai dan terbaik untuk negara ini. Gaji minimum juga merupakan gaji yang terendah yang dibenarkan untuk pekerja-pekerja yang ini yang tanpa kemahiran Yang Berhormat Senator. Itu adalah untuk yang gaji untuk yang tanpa kemahiran. Yang ada kemahiran, yang ada sijil, yang itu pun sebenarnya ada polisi supaya gaji mereka adalah melebihi daripada gaji minimum. Sekian, terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Di sebelah sini tadi ada. Silakan ya.

**Dato Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, sejauh manakah penguatkuasaan pihak majikan yang tidak melaksanakan gaji minimum?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tidak bayar?

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Yang tidak bayar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Mustapha @ Mohd Yunus bin Sakmud:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk mana-mana pihak yang gagal untuk melaksanakan Perintah Gaji Minimum ini Jabatan Tenaga Kerja sentiasa membuat pemantauan.

Untuk makluman, setakat ini kita telah- Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah membuat pemeriksaan berkanun terhadap semua premis majikan sebanyak 28,722, dan setakat ini kita sudah keluarkan syor pematuhan sebanyak 2,659. Sudah ada kes pendakwaan juga dibuat, sebanyak 33 kes, dan kompaun telah dikeluarkan sebanyak RM35,700.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jika sabit kesalahan di bawah Perintah Gaji Minimum 2022 ini, majikan boleh dikenakan tindakan pendakwaan dan kompaun dengan denda maksimum sehingga RM10,000 yang akan dikenakan.

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup. Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad sekarang.

**8. Tuan Seruandi bin Saad** minta Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, adakah usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi mengatasi permasalahan air tidak terhasil atau *non-revenue water* (NRW) yang begitu tinggi di Perlis iaitu sekitar 70 peratus.

**Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Dato' Sri Huang Tiong Sii]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Antara punca kadar air tidak berhasil, *non-revenue water* (NRW) yang tinggi iaitu kehilangan fizikal dan komersial.

Merujuk kepada data Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kehilangan fizikal, kebocoran paip dan penyambungan paip yang tidak sempurna mewakili 75 peratus. Kehilangan komersial, kecurian air dan bacaan meter yang tidak tepat mewakili 20 peratus dan faktor-faktor lain penyelenggaraan dan kegunaan bermacam kepakaran mewakili lima peratus kadar NRW. Kadar NRW di negeri Perlis bagi tempoh tiga tahun sebelum ini adalah dalam trend menurun iaitu 64.9 peratus.

Pada tahun 2020, 63.3 peratus pada tahun 2021 dan 61.5 peratus pada tahun 2022. Perkembangan positif ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh Program NRW Kebangsaan. Di bawah Program NRW Nasional melalui Pendekatan 1 bagi negeri Perlis sebanyak RM39.8 juta telah diluluskan secara geran yang melibatkan skop kerja seperti berikut:

- (i) penggantian meter *System Input Volume* (SIV);
- (ii) penggantian meter pengguna;
- (iii) pembangunan *Geographic Information System* (GIS); dan
- (iv) penggantian atau pembaikan tangki.

Program NRW Pendekatan 1 Negeri Perlis ini telah bermula pada 20 Februari 2020 dan siap sepenuhnya pada 15 Disember 2022 dan telah diserahkan kepada Syarikat Air Perlis (SAP). Pada 16 Januari 2023 faedah projek ini kepada SAP ialah:

- (i) meningkatkan ketepatan, pengukuran kadar NRW;
- (ii) meningkatkan kemudahan pemetaan;
- (iii) mengurangkan kadar kebocoran tangki air;
- (iv) mengawal limpahan air- *overflow* dengan menggunakan sensor kabel; dan
- (v) mengurangkan aduan tekanan rendah di samping meningkatkan tekanan air dalam paip terutama di kawasan *critical point* (CPs).

## ■1100

Sekian, terima kasih.

**Tuan Seruandi bin Saad:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Seruandi.

**Tuan Seruandi bin Saad:** Kita tahu bila berlaku kebocoran air dalam tanah, maka kawasan tersebut akan berlaku kelembapan dan kita tahu benda ini amat berbahaya untuk masa depan. Apakah kementerian melakukan pemeriksaan berkala kepada kawasan-kawasan yang berisiko untuk jangka masa panjang mungkin akan berlaku tanah runtuh dan kemungkinan-kemungkinan bencana yang lain? Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sentiasa mengawal selia dan memantau operasi operator air melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655].

Kerja-kerja pemantauan dan pengesanan paip pecah dan bocor merupakan operasi runding/rutin yang dilaksanakan secara berkala oleh Operator Air. Kerja-kerja tersebut dilaksanakan melalui beberapa kaedah seperti:

- (i) *active leakage control* (ALC);
- (ii) pemantauan menerusi *district meter area* (DMA); dan
- (iii) melalui aduan paip pecah dan bocor yang dilaporkan oleh pengguna.

Selain itu, program pengurusan tekanan melalui kawalan injap juga turut dilaksanakan oleh operator air bagi meminimumkan kadar alir kebocoran paip.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SPAN telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berkaitan kerja-kerja pembaikan paip yang perlu dicapai. Ini bagi mengukuhkan kecekapan operator air dalam membaiki kerosakan paip dan pemulihan gangguan bekalan air. KPI-KPI tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pembaikan dan pemulihan kerosakan paip penghubung dalam masa 24 jam;
- (ii) pembaikan dan pemulihan bekalan air bagi sesalur awam bersaiz di bawah 200 milimeter dalam masa 24 jam;
- (iii) pembaikan dan pemulihan bekalan air bagi sesalur awam bersaiz 200 milimeter hingga 600 milimeter dalam masa 36 jam; dan
- (iv) pembaikan dan pemulihan bekalan air bagi sesalur awam bersaiz melebihi 600 milimeter dalam masa 48 jam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa dah sampai.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, soalan tambahan.

**Tuan Akanan a/l Ehtook:** Terima kasih. Kita tahu bahawa air merupakan keperluan asas dan setiap rumah di negara ini, disambungkan ke paip air kerajaan. Jadi, adakah kementerian mempunyai satu bentuk *war room* untuk memastikan bahawa apa Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi, tempoh-tempoh untuk membaiki paip dan sebagainya dipantau? Ini kerana kita dapati, saya rasa setiap Yang Berhormat sini ada kompelin di kawasan masing-masing tentang paip dan sebagainya. Adakah ada bentuk pemantauan yang sedemikian? Terima kasih.



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Aklan a/l Ehtook tadi bertanya *war room*.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator.

Dalam saya punya fikiran, saya pun banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang amat prihatin dalam hal ini. Saya akan berbincang bersama pegawai-pegawai saya di kementerian saya. Nanti saya kasi itu- izinkan saya, saya mohon izinkan saya kasi jawapan bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah, walaupun Yang Berhormat Senator Aklan sebut tadi, *war room* itu, tak usahlah gementar.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Ya... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Saya nak berbincang dahulu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Berbincang untuk mengatasi masalah bersama.

**Dato' Sri Huang Tiong Sii:** Ya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi, sila.

**9. Datuk (Dr.) Ras Adiba Mohd Radzi** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa status semasa pemansuhan Akta 309 Kanun Keseksaan iaitu bunuh diri sebagai kesalahan jenayah, serta berapakah jumlah rakyat yang telah menerima manfaat menerusi Pusat MENTARI 2012-2022, dan nyatakan tindakan serius kerajaan dalam mengatasi isu kesihatan mental.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Lukanisman bin Awang Sauni]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas keprihatinan menyoal tentang isu-isu berkaitan masalah kesihatan mental. Berhubung status dekriminialisasi bunuh diri kerana masalah kesihatan mental, kerajaan sedang memuktamadkan ketetapan dasar dan juga beberapa rang undang-undang yang berkaitan dalam usaha ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, isu mengenai dekriminialisasi bunuh diri adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) telah menjawab isu yang sama di Dewan Rakyat pada 22 Mac 2023 yang lalu.

Walaupun demikian, selari dengan pemansuhan seksyen 309 Kanun Keseksaan, terdapat keperluan kepada pindaan seksyen 11 Akta Kesihatan Mental 2001 bagi pengurusan kes percubaan membunuh diri. Cadangan pindaan kepada seksyen 11(2) Akta Kesihatan Mental 2001 *[Akta 615]* akan memberikan kuasa kepada Pegawai Intervensi Krisis untuk membawa mereka yang dipercayai bercelaru mental yang berbahaya kepada dirinya dan orang lain atau harta, termasuk individu yang cuba membunuh diri ke fasiliti kesihatan bagi mendapatkan rawatan kaunseling dan pemulihan.

Sejak akhir tahun 2022, kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan sebanyak 10 sesi libat urus dan mesyuarat bersama pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga Kementerian Dalam Negeri Singapura bagi meneliti dan menyelesaikan isu-isu perundangan yang berbangkit. Memorandum Jemaah Menteri berkenaan usaha ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri pada masa yang terdekat untuk kelulusan dan rang undang-undang berkenaan akan dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan.

Berkenaan tentang pertanyaan MENTARI, pada tahun 2019, KKM telah merekodkan sebanyak 40,573 kedatangan pesakit ke seluruh MENTARI di Malaysia. Semasa pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan 2021, perkhidmatan psikiatri terjejas kerana ramai petugas terlibat dalam penempatan ke wad-wad COVID-19 menyebabkan banyak perkhidmatan psikiatri dan MENTARI yang terpaksa ditangguhkan. Pada tahun 2021, data sebanyak 38,549 kedatangan pesakit direkodkan dan sebanyak 41,687 pada tahun 2022.

Bagi memperkukuhkan lagi perkhidmatan kesihatan mental untuk masyarakat, KKM telah mengambil beberapa tindakan proaktif seperti:

- (i) memperluaskan perkhidmatan kaunseling di peringkat kesihatan primer melalui penempatan 200 kaunselor secara kontrak;
- (ii) perkhidmatan Talian Krisis Kesihatan Mental Kebangsaan iaitu Talian HEAL 15555;
- (iii) memperkukuhkan program sokongan kesihatan mental dan psikososial di peringkat komuniti dan juga implementasi Kempen *Lets TALK* Minda Sihat merentas agensi, pemerkasaan komuniti setempat dalam usaha mengendalikan isu permasalahan kesihatan mental dan tingkah laku bunuh diri secara bersepadu; dan
- (iv) digitalisasi kesihatan mental, KKM telah memulakan perkhidmatan saringan kesihatan mental melalui aplikasi MySejahtera bagi tujuan mengesan awal individu-individu yang mempunyai kesihatan mental dan memerlukan bantuan; dan
- (v) perkhidmatan MENTARI IT System dan portal di [mentari.moh.gov.my](http://mentari.moh.gov.my) juga telah disediakan untuk rakyat melakukan saringan sendiri dan mendapatkan temu janji di mana-mana MENTARI yang terdekat.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain kali diminta supaya jawapan ikut masa.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Buat beberapa bentuk acuan. Jadi, acuan pertama katalah yang telah ditetapkan oleh Parlimen. Kedua, lebih singkat daripada biasa. Ambil patinya sahaja.

Silakan Datuk (Dr.) Ras Adiba, soalan.

**Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak bertanya ini. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan itu tadi.

Namun begitu, kajian telah dilakukan oleh Institut Penyelidikan Tingkah Laku Kesihatan KKM bersama dengan UNICEF dan ia telah mendapati 13.49 peratus kanak-kanak yang tinggal di PPR Lembah Klang mempunyai kecenderungan membunuh diri akibat tekanan hidup yang dialami.

■1110

Jadi, saya hendak tahu daripada program-program yang KKM telah pun persiapkan dan rancang itu, bagaimanakah ia boleh membantu anak-anak ini? Ini adalah kerana selepas COVID-19, tentu sekali masalah mental begitu tinggi.

Sebenarnya di Malaysia, kita tidak mempunyai pusat MENTARI yang cukup banyak. Jadi, bagaimanakah Yang Berhormat Menteri Timbalan Menteri? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Selain daripada MENTARI, kita juga turut mempunyai sebilangan 1,161 buah klinik kesihatan yang melaksanakan perkhidmatan saringan dan rawatan kesihatan mental. Berkenaan tentang pertanyaan Yang Berhormat Senator tentang kajian yang dibuat oleh Pusat Kesihatan Mental Negara dan UNICEF, saya baru-baru ini mengadakan aktiviti di PPR Pinggiran Bukit Jalil di mana kami menghimpunkan perkhidmatan dan juga NGO-NGO yang berkaitan tentang masalah kesihatan mental untuk mengadakan sesi libat urus yang lebih kerap.

Kebimbangan dalam kalangan anak-anak PPR ini; memang terdapat kecenderungan untuk membunuh diri. Kami menyediakan satu talian HEAL iaitu 15555 untuk orang awam mendapatkan nasihat ataupun mendapatkan bantuan daripada khidmat kaunselor-kaunselor yang disediakan melalui talian tersebut. *Insyallah*, kita akan dapatkan lagi kerjasama NGO-NGO yang terlibat di seluruh negara untuk pergi ke tempat-tempat yang mempunyai kebarangkalian yang agak tinggi untuk mentaklimatkan berkenaan tentang kecenderungan membunuh diri dalam kalangan masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Rita.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah Kementerian Kesihatan memantau isu kesihatan mental dalam kalangan pelajar-pelajar di IPTS dan IPTA memandangkan terdapat insiden di mana berlakunya membunuh diri dan juga berhenti daripada belajar akibat daripada tekanan belajar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam kalangan pelajar.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Dalam kajian yang dilakukan oleh Pusat Kesihatan Mental Negara dan juga UNICEF, memang kita meletakkan kecenderungan membunuh diri dan kesihatan mental itu dalam kalangan kanak-kanak dan juga remaja. Kita mengakui bahawa bebanan pelajaran di IPTA-IPTA dan juga di IPTS adalah sangat tinggi ketika ini. Kecenderungan untuk terlibat di dalam pelbagai aktiviti memberi tekanan kepada anak-anak muda ini.

Sememangnya kita mempunyai program-program yang terperinci untuk mendekati anak-anak muda di IPTA seperti program *Let's TALK* Minda Sihat yang diadakan melalui klinik-klinik kesihatan dan juga kita akan memasuki universiti-universiti untuk menerangkan lebih lanjut berkenaan tentang permasalahan kesihatan minda. Oleh sebab itulah, kita memperkenalkan digitalisasi kesihatan mental melalui aplikasi MySejahtera supaya anak-anak muda ini boleh melakukan saringan berkenaan tentang kesihatan mental.

Untuk makluman tambahan Dewan, sekiranya kita mempunyai dua gejala ini, seperti sedih yang berpanjangan, resah, perasaan kekosongan yang berterusan, hilang minat terhadap aktiviti dahulunya diminati dan menyeronokkan melebihi dua minggu, saya menasihatkan agar kita segerakan untuk mendapatkan khidmat psikososial di MENTARI, di klinik-klinik kesihatan ataupun kaunselor-kaunselor yang bertaualiah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, kembali. Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Soalan saya nombor 10.

**10. Datuk Razali bin Idris** minta Menteri Komunikasi dan Digital menyatakan, apa kaedah dan tindakan memerangi berita bohong di media sosial tetapi dalam masa yang sama tidak menyekat kebebasan bersuara.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Azhar bin Ahmad pada 28 Mac 2023 iaitu soalan bernombor 27.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, setiap warganegara dijamin hak kebebasan bersuara. Namun, harus difahami bahawa hak yang dimiliki adalah bukan bersifat penuh dan mutlak. Ia harus dilaksanakan secara bertanggungjawab, beretika, dan mengambil kira kepelbagaian budaya dan agama yang mencorakkan masyarakat Malaysia.

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) komited dan sentiasa bekerjasama secara kolektif dengan jabatan dan agensi di bawahnya dalam mencegah dan menyekat penularan maklumat serta kandungan palsu di media sosial bagi menjamin keharmonian dan ketenteraman awam di negara ini. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian adalah seperti berikut.

Pertama, penguatkuasaan undang-undang di bawah perundangan sedia ada seperti seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] akan terus dilaksanakan untuk membendung berita tidak benar atau mana-mana kandungan yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat dan keadaan yang tidak baik untuk keselamatan dan kesejahteraan awam serta kestabilan negara.

Kedua, kolaborasi yang telah sedia terjalin dengan pihak platform media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Google* dan lain-lain sentiasa diperkukuh dan diperkasakan terutamanya dalam usaha menurun atau memadamkan kandungan yang menyalahi peruntukan undang-undang sedia ada. Dari tahun 2020 sehingga 15 Mac 2023, sebanyak 1,367 bahan kandungan meliputi berita dan kandungan palsu telah diturunkan di platform media sosial. Ini selari dengan piawaian komuniti yang telah ditetapkan oleh pihak platform media sosial yang berpangkalan di luar negara.

Ketiga, *task force* menangani berita palsu yang berfungsi bagi memantau berita palsu yang mempunyai kesan negatif terhadap sistem politik, ekonomi, sosial, agama, budaya, keselamatan dan kedaulatan negara. Sejak penubuhan *task force*, KKD telah mengesan sebanyak 104 berita yang tidak ditentukan kesahihannya yang melibatkan isu 3R iaitu *royalty*, *religion* dan *race*, dengan izin, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta pentadbiran. Ada banyak langkah lagi tetapi oleh sebab kesuntukan masa, jadi langkah-langkah yang lain saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Razali bin Idris:** Soalan tambahan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Datuk Razali, ya.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya dahulu... [Ketawa] Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya, berita bohong, *fake news* yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh kepada seluruh rakyat Malaysia malah dunia, sama ada media sosial ataupun media arus perdana, iaitu menuduh Yang Berhormat Tan Sri Mahiaddin Yassin menyeleweng dana COVID-19 sebanyak RM600 bilion. Turun kepada RM530 bilion, diturunkan lagi RM92.5 bilion dan akhirnya RM4.5 bilion. Sedangkan tujuh buah pertuduhan di mahkamah langsung tidak ada kaitan dengan dana COVID-19.

Soalan saya, apakah tindakan kerajaan terhadap pembohongan bersiri ini? Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator dan juga Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya rasa kes ini masih di bawah siasatan SPRM. Kementerian saya tidak ada maklumat tambahan untuk menjelaskan sama ada kes ataupun tuduhan yang lain akan dibawa ke mahkamah. Akan tetapi, sebagai seorang individu, seseorang kalau rasa bahawa mereka telah difitnah, mereka boleh ambil tindakan undang-undang terhadap orang yang memfitnah mereka. Jadi, sama saya percaya Yang Berhormat Pagoh, Tan Sri Mahiaddin Yassin mempunyai hak tersebut juga. Kalau beliau memang rasa bahawa beliau telah difitnah, beliau bolehlah menggunakan kuasanya sebagai seorang individu...

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang ini soalan saya. Soalan saya terhadap *fake news*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh berbahas semasa bersoal jawab. Benarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri habiskan jawapan...

**Datuk Razali bin Idris:** Akan tetapi, dia tersasar kepada Yang Berhormat Pagoh. Itu soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Benarkan dahulu jawapan itu. Selepas itu, mungkin boleh dibangkitkan. Sila.

**Puan Teo Nie Ching:** Ini adalah kerana anggapan Yang Berhormat Senator adalah itu ialah tuduhan palsu.

#### ■1120

Akan tetapi, seperti yang saya sebut, kes ini masih disiasat oleh SPRM. Jadi, saya tidak boleh jawab di sini sama ada siasatan sudah lengkap atau tidak. Kalau sudah lengkap, mungkin ada tuduhan yang baharu yang akan dibawa ke mahkamah. Jadi, saya nak cakap di sini bahawa dalam situasi ini, KKD tidak dapat kenal pasti sama ada tuduhan itu merupakan berita palsu atau tidak. Akan tetapi, sebagai seorang individu warga Malaysia, sesiapa yang rasa mereka telah difitnah, mereka boleh ambil tindakan undang-undang terhadap orang yang memfitnah mereka. Sekian, jawapan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh sedikit lagi tambah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh.

**Datuk Razali bin Idris:** Oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri kata belum ada keputusan- Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut 1,367.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nak mengingatkan supaya soalan asal relevan kepada tanggungjawab kementerian.

**Datuk Razali bin Idris:** Relevan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Razali bin Idris:** Relevan. Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab 1,367 berita palsu telah digugurkan daripada media sosial. Jadi, soalan saya sekarang ini, kenapa yang disebut, yang dituduh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih berlegar dalam media sosial?

**Puan Teo Nie Ching:** Tentang?

**Datuk Razali bin Idris:** Tentang tadilah. Soalan asal, soalan asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya sebut tadi, sama ada tuduhan terhadap Yang Berhormat Pagoh itu merupakan berita palsu atau tidak, itu bukan dalam bidang kuasa saya.

Apa yang saya boleh nyatakan, bagi contoh, kalau ada pihak tertentu yang menuduh bahawa kerajaan ini sedang mengkaji untuk *downsize* ataupun untuk kurangkan jumlah penjawat awam, itu merupakan satu berita palsu kerana setakat ini Jemaah Menteri tidak pernah buat apa-apa perbincangan terhadap perkara tersebut. Oleh sebab itu, saya boleh cakap itu berita palsu.

Akan tetapi, sama ada seseorang telah menyalahgunakan kuasa mereka, itu perlu pihak berkuasa untuk jalankan siasatan dan bukan untuk kementerian saya untuk membuat satu keputusan bahawa, "Ya, ini satu tuduhan yang palsu," dan sebab itu saya minta platform *provider* ataupun penyedia platform media sosial itu untuk padamkan *content* tersebut. Jadi, dalam kes ini, kalau itu tuduhan yang palsu, kenapakah Yang Berhormat Pagoh tidak ambil tindakan undang-undang untuk menyaman orang tersebut?

Jadi, sebab itu saya cakap di sini bahawa sama ada tuduhan itu berasas atau tidak, itu terpulang kepada pihak berkuasa seperti PDRM, SPRM untuk jalankan siasatan. Itu bukan bidang kuasa KKD ataupun SKMM untuk menyatakan bahawa tuduhan itu tidak berasas dan sebab itu ia berita palsu, dan saya pergi minta *Facebook* ataupun *TikTok* ataupun *Twitter* untuk padamkan kandungan tersebut. Saya harap bahawa Yang Berhormat Senator faham. Terima kasih.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Soalan tambahan.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Senator Robert.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapa kes telah dibawa ke mahkamah di bawah akta berkaitan kerana berita palsu atau berita bohong? Berapa banyak yang mengakibatkan dengan *conviction*, dengan izin?

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah istilah "berita bohong" dalam Akta Komunikasi 1998? Setahu saya, "palsu" atau "yang tidak benar". Sila. Sila jawab.

**Puan Teo Nie Ching:** Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah KKD, kami ada sebuah agensi yang dipanggil SKMM. SKMM bolehlah mengambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia. Sejak tahun 2020 hinggalah 2023, setakat 21 Mac, kes yang kita siasat adalah berjumlah 27 dan kes yang kita bawa ke mahkamah iaitu 11. Kes yang kita bagi kompaun adalah satu dan 33 kes di mana kita beri surat amaran dan 50 kes adalah tiada tindakan lanjut (NFA).

Untuk kes yang kita bawa ke mahkamah, ada enam kes yang sudah dapat keputusan, lima kes lagi yang masih berjalan. Untuk enam kes yang dapat keputusan itu, denda yang dikenakan secara keseluruhan RM8,300.

Akan tetapi, saya juga nak tambah sedikit di sini bahawa pihak polis juga boleh ambil tindakan di bawah seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia. Akan tetapi, untuk pihak polis, kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah di bawah akta tersebut, saya tiada butiran di sini kerana itu bukan di bawah bidang KKD.

Sekian sahaja jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**11. Datuk Paul Igai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah kes jenayah yang melibatkan anggota keselamatan bersenjata, dan adakah kes ini semakin meningkat.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Dalam Negeri sentiasa memandang serius dan akan mengambil tindakan segera, tidak ada kompromi, terhadap sebarang kes jenayah yang melibatkan anggota keselamatan bersenjata.

Merujuk kepada soalan ini, sepanjang tempoh 2019 sehingga Februari 2023, statistik jumlah kes jenayah yang melibatkan anggota keselamatan bersenjata dan penguat kuasa sebanyak 2,681 kes. Ini statistik yang melibatkan anggota PDRM dan penjawat awam seperti tentera dan juga APMM.

Tahun	Bilangan (kes)
2019	730
2020	687
2021	656
2022	537
2023 (setakat 28 Februari)	75

Maknanya, berdasarkan statistik dari tahun 2019 sehingga terkini, menunjukkan penglibatan anggota keselamatan dan juga penguat kuasa, data ini menunjukkan berlaku penurunan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Paul Igai:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambahan

**Datuk Paul Igai:** Berasas kepada isu *perception* orang awam dan pelabur asing, saya terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini berita yang bagus. Akan tetapi, apakah puncanya dahulu insiden itu berlaku? Apakah langkah yang sudah diambil yang saya fikir menurunkan kes-kes macam ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Tuan Yang di-Pertua, tentulah kes-kes ini menurun kesan daripada langkah-langkah proaktif yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri dan PDRM. Antaranya, tentulah kita meningkatkan integriti anggota keselamatan dan bekerjasama dengan semua anggota keselamatan penjawat awam yang lain. Tentulah dari semasa ke semasa kita terus meningkatkan disiplin anggota, selain daripada melakukan kursus-kursus dan juga maklumat-maklumat tentang tanggungjawab sebenar yang perlu dilakukan oleh anggota keselamatan.

Kalau kita rujuk kenapa kes ini berlaku, mungkin disebabkan oleh masalah peribadi dan juga masalah-masalah lain. Ini perkara-perkara yang ringkas yang saya boleh maklumkan berdasarkan soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Terima kasih. Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berita dari *London Metropolitan Police* hilang kepercayaan orang ramai terhadap mereka kerana mereka tidak mengambil serius laporan-laporan, aduan-aduan salah laku mereka. Jadi, apakah mekanisme dalaman di PDRM yang diwujudkan bagi memastikan segala rungutan dan laporan itu dapat ditangani supaya kekal orang mempercayai PDRM? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini keluar daripada tajuk. Walau bagaimanapun, saya ingin menafikan bahawa tuduhan atau anggapan bahawa polis tidak mengambil apa-apa tindakan berasaskan laporan-laporan yang dikemukakan oleh orang awam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Berasaskan pada statistik yang kita ada, begitu banyak laporan, dan rakyat mudah untuk buat laporan di mana-mana balai polis yang ada di seluruh negara. Mungkin tindakan itu mengambil masa sedikit. Ia berasas kepada kes-kes yang dilaporkan. Apa pun, saya nak sebut bahawa kita serius. Sebarang laporan, kita ambil tindakan dan rakyat digalakkan untuk membuat aduan kepada pihak polis dan juga KDN. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

*[Soalan No. 12 – YB. Dato' Ajis bin Sitin tidak hadir]*

**13. Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, jumlah enrolmen dalam kolej komuniti berbanding dengan kapasiti yang sedia ada di seluruh negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri Pendidikan Tinggi.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Mohammad Yusof bin Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dr. Nelson. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat sebanyak 105 buah kolej komuniti di seluruh negara. Pada tahun 2022, secara keseluruhannya enrolmen pelajar sepenuh masa di kolej komuniti adalah seramai 16,025 orang berbanding kapasiti kolej komuniti seramai 32,805 orang.

Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan selain daripada menyediakan program pengajian sepenuh masa, kolej komuniti sebenarnya turut menawarkan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang menyasarkan peningkatan kemahiran dan pengetahuan, seterusnya berupaya meningkatkan kualiti hidup. Justeru, lebih ramai peserta menyertai kolej komuniti di bawah Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) selain pelajar sedia ada.

Bermula dari Januari 2023 hingga Februari 2023, seramai 33,807 orang peserta telah menyertai 1,914 program PSH di kolej komuniti di seluruh negara. Program PSH di kolej komuniti ditawarkan secara jangka pendek dalam 22 bidang kemahiran. Antaranya ketering dan sajian, komputer dan teknologi maklumat, perniagaan dan keusahawanan, pembangunan diri, motivasi, serta grafik dan multimedia. Program PSH kolej komuniti terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang disasarkan kepada komuniti setempat yang terdiri daripada belia, warga emas, golongan B40, orang kurang upaya (OKU), Orang Asli, ibu tunggal dan pelajar tahfiz. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan tambahan akhir ya sebab kita hendak beralih kepada usul. Silakan.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh KPT untuk menggalakkan atau mendorong murid-murid sekolah menengah untuk menceburi diri dalam bidang TVET? TVET dalam Bahasa Malaysia sekarang Tuan Yang di-Pertua, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, jadi PLTV daripada TVET.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Beritahu kepada kementerian, ubahlah sedikit.

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Inilah dia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Bagus.



**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan. Soalan tambahan yang dikemukakan Yang Berhormat ini merupakan satu soalan tidak ada kaitan dengan soalan asal ini. Makanya, saya rasa saya tidak perlu jawab Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu...

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam peraturan, jika Yang Berhormat Menteri mendapati soalan itu tidak berkaitan, itu adalah...

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:** Bukan. Murid-murid yang belajar di kolej komuniti belajar program apa, bukan TVET?

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Bukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sudah beralih...

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Ya, kita jawab tadi awal itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Silakan Usul.

*[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]*

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.35 pg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan pada jam 1, tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai giliran Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjawab ke atas Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 28 Mac 2023.”

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hajah Raj Munni binti Sabu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.* Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

## USUL

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Majlis Parlimen Yang Kelima Belas.”” [24 Mac 2023]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, dijemput Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi untuk mula menjawab. Masa diberi 20 minit bagi setiap kementerian khususnya. Sila.

**11.36 pg.**

**Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi [Datuk Siti Aminah binti Aching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemera Anding; Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran; Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail; Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit. Saya harap semua Yang Berhormat ini ada ya, berada di Dewan pada pagi ini- yang telah berbahas serta memberi soalan cadangan serta pandangan masing-masing yang melibatkan perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perladangan dan Komoditi dalam sesi perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Soalan yang dilontarkan serta cadangan, pandangan atau idea yang dikemukakan amat dihargai dan akan digunakan oleh KPT bagi menambah baik tata urus sektor agrikomoditi dalam meningkatkan sumbangan kepada sosioekonomi negara dan kesejahteraan rakyat khususnya pekebun kecil. Sila izinkan saya mewakili Kementerian Perladangan dan Komoditi untuk menggulung mengikut topik-topik yang menyentuh isu berkaitan getah, kelapa sawit dan agrikomoditi yang lain.

Sektor agrikomoditi sebagai penyumbang kepada pembangunan luar bandar. Cadangan untuk sektor agrikomoditi bertindak sebagai penyumbang kepada pembangunan luar bandar telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemera Anding. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi meningkatkan sosioekonomi pekebun kecil getah, kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah menjalankan penyelidikan dalam kesesuaian kebun getah dengan tanaman makanan.

Hasil penyelidikan LGM mendapati bahawa tanaman jagung bijian, nanas, pisang dan cili adalah sesuai untuk dijalankan dalam ekosistem getah. LGM mencadangkan pelaksanaan integrasi tanaman kontan menggunakan sistem tanaman jarak berpagar dan tanaman *off-farm*. Program integrasi tanaman ini perlu dijalankan secara *zoning-kawasan*, dan *clustering* kelompok pekebun kecil bagi memberi kesan yang lebih baik kepada rantai ekonomi. Pelaksanaan tanaman integrasi ini melibatkan agensi pelaksana seperti RISDA, Jabatan Pertanian dan sebagainya.

Memandangkan tanaman integrasi ini dilaksanakan semasa aktiviti tanam semula pekebun kecil, maka pelaksanaan sebarang program integrasi perlu mendapat persetujuan RISDA selaku agensi yang bertanggungjawab ke atas pekebun kecil. Selain itu, LGM dan MARDI akan memberi bantuan khidmat nasihat teknikal. Syarikat swasta juga digalakkan untuk menyertai usaha sama ini sebagai rakan kongsi.

Selain itu, program insentif penanam kenaf diperkenalkan bertujuan untuk mengurangkan jurang pendapatan dan kadar kemiskinan. Dalam hal ini, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) menyediakan insentif penanaman daripada segi penyediaan tanah, baja, racun dan biji benih untuk pengeluaran batang kenaf dan pengeluaran biji benih kenaf.

LKTN juga mengadakan aktiviti pengembangan dan pemindahan teknologi kenaf sepanjang tahun seperti perjumpaan kumpulan sasaran penanam, kursus kumpulan sasaran penanam, pertunjukan cara dan kaedah, bicara kenaf, kempen khas, promosi serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada usahawan bakal penanam dan masyarakat setempat mengenai penanam, pemasaran dan juga pemprosesan kenaf.

#### ■1140

Lembaga Koko Malaysia (LKM) juga telah melaksanakan Program Rangsangan Pengeluaran Hasil Koko (RPHK) di seluruh negara bagi memperkasa kumpulan sasaran koko di peringkat hulu. Pekebun kecil koko terdiri daripada masyarakat luar bandar yang secara tradisionalnya terlibat dalam sektor hulu.

Aktiviti dan insentif, yang diberikan merupakan pakej penanaman koko berkelompok dengan tanaman integrasi serta pembinaan mini pemprosesan koko bagi menyokong pengeluaran koko premium dalam negara. Sebagai contoh, pelaksanaan kelompok tani koko di Kesang Laut, Johor di bawah RPHK merupakan pembinaan fasiliti mini pemprosesan koko yang bernilai RM42,500.

Sehingga kini fasiliti ini telah digunakan bagi proses pengeluaran koko premium kepada pembuat coklat, artisan ataupun buatan tangan. Sumber bagi koko basah diterima dari dalam kalangan peserta kelompok sendiri dan juga kelompok-kelompok sekitar.

Program pembangunan rantai kluster koko juga telah dilaksanakan untuk kemampuan pengeluaran koko tempatan dengan menggunakan konsep *farm-to-table* bagi membangunkan kelestarian kelompok koko di Malaysia. Mereka kini diberi peluang dan pendedahan untuk menyertai aktiviti di sepanjang rantai nilai koko.

Menerusi program ini pekebun koko di sekitar lokasi program kluster akan membekalkan biji koko untuk diproses menjadi produk coklat di kompleks kluster. Oleh itu infrastruktur juga dibangunkan bagi memberikan kemudahan untuk memproses biji koko yang dikeluarkan oleh para pekebun kecil.

Sebanyak tiga buah kompleks kluster koko telah dirancang untuk pembinaan di bawah program ini iaitu di Kota Samarahan, Sarawak; di Ranau, Sabah; dan di Nilai, Negeri Sembilan. Kompleks Kluster Sarawak merupakan kompleks yang pertama yang telah siap dibina. Pengurusan kompleks ini dilaksanakan oleh Koperasi Kluster Koko.

Satu daripada aktiviti koperasi yang telah dimulakan iaitu pembelian biji koko kering hasil pekebun kecil koko Sarawak. Koperasi ini mampu membantu petani koko di Sarawak dengan menawarkan harga pembelian yang lebih tinggi daripada harga semasa. Keahlian koperasi adalah terbuka kepada pemain industri koko seperti penanam koko dan usahawan koko.

Koperasi akan menjalankan aktiviti agar para pekebun terutamanya dapat menceburkan diri atau aktiviti di sepanjang rantai nilai pengeluaran dan juga penghasilan produk koko dan juga coklat. Keuntungan daripada aktiviti-aktiviti ini akan dipulangkan kepada ahli-ahli koperasi.

LKM juga melaksanakan aktiviti pemindahan teknologi melalui kursus dan juga perjumpaan petani serta khidmat nasihat teknologi. Para belia dan generasi kedua peserta program digalakkan menyertai dalam kursus-kursus yang dianjurkan.

Kementerian melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) sedang mengambil beberapa strategi tertentu agar taraf sosioekonomi mereka dapat terus dipertingkatkan. Antaranya adalah dengan strategi menggalakkan pekebun menghasilkan lada premium seperti lada putih kering dan lada bebas racun. Lada premium seperti ini dapat memberi pulangan harga yang lebih tinggi kepada pekebun berbanding lada gred biasa.

Bagi merealisasikan strategi ini, MPB sedang menyediakan bantuan di bawah Projek Pembangunan Pengeluaran Lada Premium di mana pekebun layak menerima bantuan alat pemprosesan seperti pelera lada, *spiral separator*, pengayak lada dan lain-lain.

Selain itu, MPB juga turut menggalakkan pekebun kecil menanam dalam skala ekonomi yang besar iaitu sekurang-kurangnya satu hektar ke atas untuk membolehkan pekebun mencapai skala ekonomi ataupun *economic of scale*.

Bagi menjayakan inisiatif ini, MPB melaksanakan Sistem Tanaman Lada Baharu atau STLH yang membolehkan pekebun lada meluaskan kawasan tanaman dan Skim Tanaman Lada Matang (STLM) yang boleh membantu mereka menyelenggarakan kawasan tanaman lada di samping membantu mengurangkan bebanan yang dihadapi dengan kos import pertanian yang tinggi.

Untuk makluman sejumlah, RM46,000 sehektar disalurkan di bawah STLH untuk tempoh dua tahun dan sejumlah RM25,000 sehektar untuk tempoh setahun di bawah STLM.

Pada masa ini MPB turut memperkenalkan inisiatif tanaman integrasi yang sesuai untuk ditanam bersama lada. Untuk memastikan pekebun lada mempunyai pendapatan tambahan selain daripada hasil tanaman lada.

Antara tanaman yang telah dikenal pasti ialah nanas dan jagung yang sesuai dijadikan sebagai tanaman selingan dengan lada bagi menambah pendapatan pekebun secara konsisten.

Bagi meningkatkan penglibatan generasi muda yang menjadi pewaris kepada pekebun lada yang kebanyakannya sudah berusia. MPB sedang melaksanakan beberapa strategi proaktif seperti berikut:

- (i) melaksanakan program dan kursus insentif bagi melahirkan usahawan-usahawan lada di peringkat hulu dan hilir termasuk kepada golongan belia; dan
- (ii) juga memperkasakan penggunaan teknologi untuk meningkatkan produktiviti tanaman lada melalui kaedah *smart farming*.

Usaha kerajaan dalam membina jalan ladang- Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemera Anding yang telah membangkitkan isu berkenaan jalan ladang.

KPK telah diperuntukkan dana semenjak tahun 2013 hingga sekarang bagi pelaksanaan menaik taraf, membina baharu, selenggaraan Jalan Ladang Pekebun Kecil atau JLPK persendirian di bawah sektor komoditi sawit, getah, lada, koko dan kenaf di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebagai kemudahan infrastruktur serta bantuan kerajaan kepada rakyat untuk mengurangkan beban kewangan pekebun kecil persendirian terutamanya dalam kalangan B40.

Bagi pelaksanaan jalan ladang yang bukan untuk sektor komoditi, lazimnya permohonan dipanjangkan kepada kementerian ataupun jabatan yang berkenaan untuk penyesuaian dan tindakan susulan.

Di bawah RMKe-11 sebanyak RM63.441 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 261 buah projek JLPK bagi jarak sepanjang 524 kilometer di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di bawah RMKe-12 sebanyak RM15.6 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 64 buah JLPK dan jarak 125 kilometer pada tahun 2021 dan juga tahun 2022. Bagi tahun 2023 pula, projek JLPK hanyalah diluluskan peruntukan sebanyak RM2.1 juta.

Peruntukan projek JLPK adalah sangat terhad jika dibandingkan dengan keperluan JLPK di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, keutamaan pelaksanaan projek adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:

- (i) kesesuaian lokasi di atas tanah rizab;
- (ii) program JLPK yang memberi manfaat kepada bilangan pekebun kecil yang ramai;
- (iii) anggaran kos bernilai RM500 ribu ke bawah supaya dapat dilaksanakan segera pada tahun semasa.

KPK juga akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran bagi memastikan projek JLPK dilaksanakan dengan baik. Projek ini juga akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia yang akan datang, memandangkan ia adalah *touchpoint* kepada pekebun kecil dan sentiasa mempunyai keperluan di lapangan.

KPK berharap permohonan peruntukan bagi jalan ladang mendapat perhatian dan dipertimbangkan oleh Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan (MOF) kerana ini dapat membantu pekebun kecil komoditi di kawasan pedalaman, menaik taraf, membina dan termasuk penyelenggaraan JLPK.

#### ■1150

Sektor agrikomoditi sebagai pemerksaan ekonomi tempatan. Saya ingin memanjangkan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraja I Chandran yang telah menyentuh berkenaan cadangan sektor agrikomoditi sebagai pemerksaan ekonomi tempatan. Di Pahang, LKTN telah melaksanakan tanaman kenaf bersama Koperasi Usaha Tani Merchong Pekan Berhad.

Koperasi ini mengumpulkan 107 orang penanam kenaf serta menjalankan aktiviti perniagaan untuk perkhidmatan, bekalan serta aktiviti perladangan yang dapat meningkatkan pendapatan ahli. Antara lain, koperasi ini melaksanakan kerja secara berkelompok untuk pemajakan tanah, meracun, menuai dan lain-lain yang melibatkan semua aktiviti pertanian sama ada berkaitan dengan kenaf atau pun bentuk perniagaan yang berkaitan. Oleh itu, LKTN sentiasa terbuka untuk menerima kerjasama dari pelbagai pihak untuk menambah aktiviti yang dilaksanakan.

Kementerian juga telah memperkenalkan Projek Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET) bertujuan untuk meningkatkan pendapatan secara kluster pekebun kecil getah dengan cara memendekkan rantaian bekalan melalui penglibatan kluster pekebun dalam rantaian industri getah atau pun integrasi menegak.

Melalui penjualan getah krip atau pun getah separa proses yang dihasilkan melalui program TARGET ini, pekebun kecil getah akan menerima hasil jualan yang lebih tinggi berbanding dengan getah skrap. TARGET telah mula diperkenalkan sejak tahun 2021 dan pada tahun 2022 sebanyak dua buah koperasi dan empat orang usahawan getah telah dikenal pasti oleh LGM bagi memulakan program ini. Lima orang peserta di Kedah dan satu orang peserta dari Pahang.

LGM menyasarkan untuk membangunkan sebanyak 20 Pusat Pemprosesan Getah Krip (PPGK) di seluruh negara menjelang 2025 termasuk Sabah dan Sarawak. Sebagai peserta rintis program TARGET, mereka akan diberikan kursus, latihan dan percubaan secara insentif. Selain pembinaan PPGK, peserta daripada kumpulan sasar koperasi getah juga akan diberikan pinjaman modal pusingan bagi memulakan projek.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apendi bin Mohamad:** Minta penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh?

**Datuk Siti Aminah binti Aching:** Boleh saya minta habiskan dulu?

**Tuan Sr. Haji Mohd Apendi bin Mohamad:** Okey. Sila.

**Datuk Siti Aminah binti Aching:** Terima kasih, Yang Berhormat. LKM melalui sebuah syarikat swasta telah berjaya mengorak langkah bersama dalam mengadakan inisiatif dan juga merealisasikan pembangunan ladang koko berskala besar seluas 100 ekar berkonsepkan ladang pintar yang pertama di Mantin, Negeri Sembilan.

Pembangunan ladang koko ini akan menyumbangkan kepada peningkatan keluasan dan pengeluaran koko untuk sekurang-kurangnya menampung kepada permintaan biji koko tempatan, terutamanya koko *single origin* dan *fine flavor*.

Selain itu, salah satu kebaikan dan kelebihan dalam kerjasama strategik dalam syarikat berkenaan dengan LKM adalah, daripada segi penggunaan teknologi ladang pintar. Ladang ini mampu menjadi ladang contoh dengan penggunaan teknologi pintar yang berkeupayaan menarik lebih ramai pelabur, syarikat perladangan dan generasi muda untuk mengusahakan tanaman koko. Pembangunan ladang koko ini mampu membuka peluang pekerjaan kepada kira-kira 100 orang penduduk tempatan dan sekitarnya untuk mengusahakan tanaman koko milik syarikat ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, melalui Program Pembangunan Keusahawanan Lada, MPB sedang dalam usaha untuk menubuhkan dua buah koperasi pekebun lada menjelang 2025. Melalui penubuhan koperasi ini, pekebun lada dapat dikelompokkan secara teratur dan sistematik. Dengan perwujudan koperasi, MPB dapat memberi bimbingan dan melahirkan pekebun lada sebagai agropreneur ladang menjelang 2025.

Subsidi tersasar dan penyediaan tapak bagi tanaman sawit. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol dan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit telah mencadangkan agar subsidi bersasar, penyediaan tapak dan satu mekanisme mengurangkan harga baja dan racun untuk sawit diperkenalkan semula.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian sentiasa komited dan prihatin terhadap keperluan bagi melaksanakan aktiviti penanaman sawit. Walaupun tiada kemudahan penyediaan tapak bagi tanaman kelapa sawit pada hari ini, kerajaan masih menyediakan kemudahan di bawah Skim Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit dan Skim Pembiayaan Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) melalui Agrobank.

Dengan adanya bantuan tersebut, sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pekebun kecil sawit. Sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh teruskan.

**Datuk Siti Aminah binti Aching:** Terima kasih. Sektor agrikomoditi sebagai penyelesaian kepada isu keterjaminan makanan. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail telah membangkitkan isu berkenaan sektor agrikomoditi khususnya, sektor sawit sebagai penyelesaian kepada isu keterjaminan makanan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, isu berkaitan bekalan dan harga minyak masak adalah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Pada masa ini, kerajaan sedang dalam proses untuk mengenal pasti mekanisme kawalan harga minyak masak bagi penggunaan atau pun kegunaan pasaran tempatan secara bersasar.

Produk komoditi kenaf juga boleh membantu dalam keterjaminan makanan melalui pengeluaran makanan ternakan. Antara program yang boleh dilaksanakan melalui penanaman kenaf untuk pengeluaran makanan dalam bentuk *fodder*, *silage*, dan *pallets*. Sehingga kini, permintaan tanaman kenaf untuk membangun pembangunan industri makanan ternakan kenaf semakin mendapat sambutan dan LKTN telah melaksanakan pengedaran biji benih kenaf bagi tujuan percubaan kepada mereka yang berminat.

Sehingga kini, kementerian sedang meneroka alternatif berkaitan dengan persoalan keterjaminan makanan dan telah mengadakan perbincangan bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan selain merancang untuk menyelesaikan perkara ini dengan penglibatan semua pihak.

Produk koko coklat merupakan sumber makanan yang selamat dan berkhasiat bagi memenuhi keperluan *dietary* bagi kehidupan yang aktif dan sihat. Bagi memastikan kelangsungan penghasilan produk-produk coklat dan koko, industri hiliran koko di Malaysia bergantung kepada sumber bekalan bahan mentah dan juga biji koko kering yang diimport bagi memenuhi keperluan pengisaran yang menjangkau lebih kurang 350,000 tan metrik setahun.

Aktiviti pengisaran dapat memberi nilai tambah kepada penghasilan produk separa siap seperti coklat dan konfeksi untuk keperluan domestik dan eksport. Fasilitasi pengeksporan biji koko kering daripada pelbagai negara mampu meningkatkan daya saing dan menampung kapasiti pengisaran koko di Malaysia.

Perkara ini merupakan faktor penting untuk menjadikan Malaysia adalah sebagai hab perdagangan koko dan coklat di peringkat antarabangsa. Sikit lagi ya, penutup, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan,

**Datuk Siti Aminah binti Aching:** Terima kasih. Sekor agrikomoditi telah sekian lama menjadi nadi kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Selama beberapa dekad, sektor ini telah membantu rakyat Malaysia keluar dari kepompong kemiskinan menyumbang ke arah pembangunan dan pertumbuhan sosioekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Di sebalik pelbagai cabaran yang kita hadapi dalam sektor agrikomoditi, kerajaan sentiasa komited untuk mendukung sektor agrikomoditi menerusi pelbagai usaha sebagaimana yang telah saya sampaikan sebentar tadi. Bagi memastikan produk agrikomoditi sentiasa berdaya saing, aspek pembangunan dan pengkomersialan teknologi akan terus diberikan penekanan.

#### ■1200

Dengan ini, saya yakin bahawa semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan menjunjung kasih Titah Diraja yang menyentuh bidang kuasa KPK telah pun saya jawab. Seterusnya, pihak kementerian akan mengambil tindakan dan susulan sewajarnya terhadap semua sasaran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat agar industri agrikomoditi negara terus kukuh, berdaya saing dan makmur.

Selain itu, saya juga mengucapkan jutaan terima kasih atas pelbagai pandangan, cadangan serta saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang sangat prihatin terhadap isu berkaitan agrikomoditi negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Siti Aminah binti Aching, Timbalan Menteri Perlindungan dan Komoditi atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Kementerian Kewangan. Dipersilakan.

**12.01 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 11 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia Dewan Rakyat, dari 21 Mac 2023 sehingga 23 Mac 2023 di Dewan Negara yang antara lain telah menyentuh portfolio Kementerian Kewangan.

*Berseri laman berbunga selasih,  
Rumah taman hujung benua;  
Dirakam ucapan terima kasih,  
Atas soalan pandangan semua.*

Isu inflasi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya dan Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee. Kerajaan terus melaksanakan pemberian subsidi kepenggunaan serta kawalan harga bagi barangan keperluan terpilih sebagai langkah mengawal inflasi dalam jangka pendek. Melalui pendekatan tersebut, kadar inflasi negara pada 2022 telah merekodkan 3.3 peratus oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Pada 2022 juga menunjukkan kadar inflasi Malaysia boleh melebihi 10 peratus sekiranya kerajaan menghapuskan semua subsidi yang dinikmati rakyat pada waktu ini.

Bantuan sosial juga masih diberikan oleh kerajaan termasuk bantuan tunai kepada kumpulan sasar bagi mengurangkan kos sara hidup yang lebih tinggi antaranya berpunca daripada kesan inflasi. Antara bantuan sosial yang diberikan ialah Sumbangan Tunai Rahmah yang akan memanfaatkan hampir 9 juta orang rakyat dengan peruntukkan hampir RM8 bilion pada tahun 2023. Itu merupakan satu jumlah yang cukup besar.

Dari sudut ringgit dan kesannya terhadap inflasi import, harga pengguna berubah disebabkan oleh banyak faktor dan bukan sahaja disebabkan oleh pergerakan nilai ringgit. Perubahan harga komoditi global contohnya minyak mentah, gandum, gas asli, kos pekerja serta keadaan permintaan dan penawaran juga boleh memberikan kesan terhadap harga pengguna.

Berdasarkan data terkini, kadar inflasi Malaysia pada Februari 2023 ialah 3.7 peratus, lebih rendah berbanding negara maju dan serantau lain seperti United Kingdom 10.4 peratus, Amerika Syarikat 6 peratus, Filipina 8.6 peratus, Singapura 6.3 peratus, Indonesia 5.5 peratus, Vietnam 4.3 peratus, Thailand 3.8 peratus, Malaysia 3.7 peratus.

Isu mengenai pengeluaran wang KWSP secara bersasar dan cadangan kerajaan agar wang simpanan KWSP boleh dijadikan cagaran pinjaman bank telah dibangkitkan oleh Senator Tuan Balasubramaniam dan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

Kerajaan tidak akan mempertimbangkan sebarang pengeluaran tambahan baharu simpanan KWSP kerana wang persaraan hari tua rakyat telah pun berada pada tahap kritikal. Pengeluaran pra persaraan yang dibenarkan semasa pandemik adalah berdasarkan situasi luar jangka pada ketika itu bagi menghadapi cabaran kewangan untuk keperluan mendesak pada ketika itu. Kini, memandangkan ekonomi sudah semakin pulih, adalah tidak wajar untuk terus membenarkan pengeluaran khas yang akan menjejaskan lagi tahap simpanan persaraan ahli KWSP.

Walau bagaimanapun, bagi memberi ruang kepada ahli KWSP yang masih mempunyai baki simpanan dalam KWSP tetapi terdesak untuk mendapatkan sumber kewangan tunai, kerajaan telah mengumumkan untuk memperkenalkan inisiatif program *facility* sokongan akaun dua bagi membolehkan ahli mendapatkan bantuan kewangan tanpa menjejaskan simpanan persaraan mereka. Inisiatif ini akan memberi kemudahan kepada ahli untuk menggunakan baki simpanan dalam akaun dua sebagai sandaran bagi mendapatkan pembiayaan daripada institusi perbankan.



Keputusan ini dibuat bagi mengimbangi keperluan kewangan semasa dan kepentingan simpanan masa hadapan ahli yang semakin jejas. Kerajaan juga akan berusaha untuk mengurangkan beban peminjam dengan kadar faedah konvensional atau kadar keuntungan Islamik yang akan dikenakan oleh institusi perbankan yang terlibat dengan inisiatif ini, dijangkakan 4 hingga 5 peratus.

Pada ketika ini, Kementerian Kewangan sedang meneliti dan memperincikan pelaksanaan kemudahan ini bersama-sama Bank Negara Malaysia dan pihak bank yang lain. Kita akan mengumumkan dari semasa ke semasa tentang perkara itu. Akan tetapi untuk sementara itu, ahli KWSP masih boleh mengeluarkan pinjaman mereka untuk simpanan akaun dua untuk tujuan perumahan, membina, membeli rumah, mengurangkan atau menyelesaikan baki pinjaman perumahan, membayar ansuran pinjaman perumahan, untuk tujuan kesihatan, perbelanjaan perubatan penyakit kritikal, pembelian peralatan perubatan kesihatan, rawatan kesuburan diri sendiri dan pasangan, rawatan ibu bapa atau anak-anak.

Boleh juga dikeluarkan untuk pendidikan, membayar yuran pendidikan tinggi bagi diri sendiri, pasangan, ibu bapa atau anak-anak dan pelan perlindungan ahli bagi insurans penyakit kritikal dan hayat. Semuanya masih lagi boleh dikeluarkan KWSP.

Kita tidak memberikan kebenaran itu antaranya ialah penyusutan tahap simpanan ahli di bawah umur 55 tahun. Boleh dilihat kalau kita melihat daripada segi kaum, median simpanan bagi ahli bumiputera merosot dengan ketara daripada RM15,541 pada April 2020 kepada hanya RM4,937 pada bulan Disember 2022.

Kalau kita lihat simpanan masyarakat Melayu menyusut daripada RM16,938 kepada hanya baki RM5,529. Bumiputera lain, daripada RM10,591 merosot kepada hanya RM3,302. Untuk masyarakat lain, masyarakat India menyusut daripada RM25,724 kepada RM14,929. Masih banyak lagi masyarakat India tetapi yang paling banyak baki masyarakat Cina daripada RM45,756 menyusut hanya sedikit, sekarang tinggal RM45,162.

Masyarakat Cina masih lagi kukuh simpanan mereka dalam KWSP. Akan tetapi pada masyarakat yang banyak ingin mengeluarkan ini masyarakat bumiputera dan juga Melayu, simpanan mereka hanya sedikit daripada segi median iaitu RM5,529 dan RM3,302. Jadi, itu sebab punca kita tidak benarkan lagi.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada soalan tambahan sedikit. Saya ada beberapa pertanyaan. Kementerian ada tentukan had atau tidak. Kalau mana-mana pihak yang mempunyai baki yang tertentu maka mereka diizinkan untuk memohon. Ada buat had tidak untuk simpanan mereka dalam itu atau masih belum buat ketetapan tentang had yang boleh dimohon sekiranya mereka ada baki. Ada *limitation* nya, atau tidak? Dengan izin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ini mengenai pinjaman ya? Mengenai pinjaman itu kita panggil Inisiatif Program Fasiliti Sokongan Akaun untuk menjadikan sandaran.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Bukan yang pinjaman, yang keluar *direct*. Pinjaman itu teruk sangat saya tengok sekarang. Beribu-ribu saya dapat mesej. Yang hendak keluar *direct* bukan bercagar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang hendak keluar *direct* ini saya sudah sebut tadi. Yang keluar *direct* hanya atas sebab-sebab yang saya sebut tadi. Oleh sebab perumahan, kesihatan, pendidikan, pelan perlindungan ahli. Akan tetapi yang *direct* lain sudah tidak ada keluar dah.

Okey, subsidi bersasar ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli dan Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran. Bagi mengimbangi tanggungan subsidi dengan keperluan untuk terus memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat, kerajaan sedang meneroka langkah menambah baik pemberian subsidi secara lebih bersasar bagi mengurangkan ketirisan dalam masa yang sama supaya penjaminan subsidi dapat digunakan bagi mengoptimumkan perbelanjaan pada program dan projek memberi nilai tambah kepada ekonomi rakyat dan ekonomi negara.

Untuk makluman, satu pasukan petugas khas telah diwujudkan di bawah Kementerian Kewangan untuk bekerjasama dengan kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat bagi meneliti keperluan dan kebolehlaksanaan pemberian subsidi secara bersasar dan mengenal pasti kaedah yang bukan sahaja berkesan malah menjimatkan masa serta memberi implikasi kewangan yang paling minimum pada kerajaan.

#### ■1210

Kita juga sedang mengkaji pelaksanaan pemberian subsidi secara bersasar berasaskan kepada model yang bersesuaian dan kebolehlaksanaan. Pelaksanaan subsidi secara bersasar ini akan dibuat secara berperingkat tertakluk kepada ketersediaan serta mengekalkan fokus kerajaan.

Tadi di Dewan Rakyat, saya menjawab bahawa kita telah memulakan subsidi bersasar ini untuk bekalan elektrik bermula pada bulan Januari hingga bulan Jun ini, penjimatannya kira-kira RM4.1 bilion. Penjimatan itu boleh kita gunakan untuk program rakyat yang lain. Sementara itu, untuk subsidi bersasar diesel, kita baru menyiapkan kaedahnya tetapi daripada segi sistem perisiannya belum siap dan kita menjangkakan pada suku ke-dua tahun ini baru boleh siap. Sementara itu, subsidi bersasar untuk petrol RON 95 itu masih lagi belum ada kelihatan masa bila hendak dilaksanakan.

Isu mengenai *scam* kewangan...

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, sila.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, terima kasih. Hal yang besar subsidinya, yang kita nampak ialah subsidi untuk RON 95 ini. Jadi, kalau kita boleh menyasarkan subsidi diesel, apakah masalahnya kalau kita boleh terjemahkan kaedah atau modul yang sama untuk petrol dan boleh disegerakan? Ini adalah kerana itu boleh membantu penjimatan wang negara. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tiga item yang utama iaitu subsidi gas, subsidi diesel dan subsidi RON 95, jumlahnya pada tahun lepas Tuan Yang di-Pertua, jumlahnya RM50 bilion, lebih kurang, RM50 bilion, bayangkan. Peruntukan pembangunan untuk tahun ini RM99 bilion. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bayangkan betapa beratnya beban subsidi yang kita keluarkan pada tahun sudah.

Itu antara lain sebab harga minyak USD100 setong, mujurlah pada tahun ini harga minyak turun kepada USD80 setong. Apabila harga minyak turun, ia memberi dua kesan. Kesan yang pertama, pulangan kita daripada segi dividen, daripada PETRONAS dan cukai- *petroleum tax* (PTA) ini juga akan turun. Walau bagaimanapun, subsidi yang kita berikan untuk menampung diesel dan juga petrol itu juga akan turun sedikit. Kita sentiasa meneliti tentang perkara ini.

Pernah satu ketika, apabila harga minyak menjadi hanya USD 30 setong, maka kita tidak jadi melaksanakan subsidi bersasar itu, dan harga minyak pun turun lebih rendah daripada RM2.05 bagi RON 95. Akan tetapi, setakat ini kita masih lagi mengeluarkan subsidi yang banyak, masih lagi lebih daripada RM20 bilion untuk tahun ini dan saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Hatta yang mencadangkan supaya kita buat juga untuk RON 95, bukan hanya diesel. Kita ambil perhatian.

Ini mengenai *scam* kewangan. Pelbagai pihak dalam kerajaan bekerjasama untuk mengatasi isu jenayah siber atau penipuan dalam talian. Pihak-pihak itu ialah Kementerian Kewangan, Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, Kementerian Dalam Negeri, polis, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Suruhanjaya Syarikat, Kementerian Komunikasi Digital, Suruhanjaya Komunikasi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dan *National Anti-Financial Crime Centre* (NFCC). Maka, ia merangkumi tiga aspek teras:

- (i) langkah-langkah pencegahan;
- (ii) penguatkuasaan; dan
- (iii) pendidikan dan kesedaran.

Dalam usaha membanteras jenayah penipuan kewangan dengan lebih berkesan, kerajaan melalui agensi sokongan telah menubuhkan NSRC pada Oktober 2022 yang bermaksud Pusat Respons Scams Kebangsaan. Sehingga Januari 2023, hampir 17 ribu panggilan telefon telah kita terima melalui *hotline*.

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh *call* sekejap lagi, nombor 997. Di situ, mereka akan tanya kita apakah masalah *scam* yang kita hadapi. 997. Kalau nombor kecemasan yang lain 999, yang ini 997. PDRM telah membuka 751 Kertas Siasatan, telah membekukan RM24.3 juta bagi tujuan siasatan dan kesalahan penggubahan wang haram. Bagi industri kewangan, Bank Negara telah menetapkan keperluan untuk semua bank sentiasa mengawal dengan standard keselamatan sentiasa berada pada tahap tertinggi, terutama bagi perkhidmatan perbankan internet, dan mudah alih.

Di Malaysia, kebanyakan kejadian kehilangan wang dalam akaun berpunca daripada keupayaan penjenayah memperdaya pemilik akaun untuk menyerahkan maklumat peribadi termasuk kata laluan kepada penjenayah secara sedar atau tidak sedar, melalui muat turun perisian hasad atau *malware*. Jadi, kita kena berhati-hatilah tentang perkara ini.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, sila.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, Yang Berhormat Datuk Hisamudin.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Kalau kita lihat di Kuala Lumpur ini, *parking*- yang kita masuk ke tempat-tempat *parking* ini, di *shopping mall* dan tempat-tempat lain, sekarang ini saya perhatikan kita banyak pakai *debit card*, daripada dahulu kita pakai *Touch 'n Go*. *Touch 'n Go* ini tidak melibatkan akaun bank kita. Akan tetapi, apabila kita pakai *debit card* ini, saya khuatir apabila berleluasa kita pakai *debit card*, syarikat-syarikat yang kutip duit ini kita tidak tahu syarikat apa. Mereka bukan agensi kerajaan kita boleh percaya. So, apabila kita *touch* kad debit kita, dia *booking* dahulu RM10, RM20 selepas itu keluar bayar RM3.

Jadi saya *worried*, saya bimbang jika benda ini berleluasa kita benarkan, dia akan dapat data-data pengguna kita dan dia boleh jadi *scammer* ini. Dia boleh dapat data ini dengan mudah. Kalau kita dahulu kita pakai *Touch 'n Go*, rakyat rasa selamat sebab ia tidak melibatkan akaun. Akan tetapi, apabila kita pakai *debit card* ini, masuk ke *shopping mall* semua, kita ada rasa bimbang sedikit.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, saya setuju apa Yang Berhormat Datuk Hisamudin Yahaya menyebut itu. Jadi, kita kena harus berhati-hati.

Angka yang saya nyatakan dalam Dewan Rakyat, penipuan *scam* ini untuk negara kita hampir 22,000 orang telah menjadi mangsa dan kerugian sekitar RM850 juta, Yang Berhormat Datuk. Itu satu perkara yang amat tinggi dan kita harap pihak kita sentiasa berhati-hati terutama menggunakan kad-kad yang mereka boleh mengakses menggunakan perisian-perisian hasad terhadap akaun kita.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah Musa memohon kerajaan untuk menjelaskan Garis Panduan Perolehan Program Penggunaan Barangan Perkhidmatan Hasil R&D yang boleh diharmonikan dengan Garis Panduan Perolehan Hijau 3.0. Pada masa ini, tiada dasar khusus berkaitan penggunaan barangan dan perkhidmatan hasil R&D itu.

Manakala Garis Panduan Perolehan Hijau 3.0 dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan 1.9, Dasar Perolehan Hijau Kerajaan, dengan izin, *Government Green Procurement*. Selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan inovasi tempatan dalam perkhidmatan awam, MOSTI dengan kerjasama Kementerian Kewangan sedang meneliti cadangan untuk memperkenalkan dasar penggunaan barangan perkhidmatan dan teknologi hasil penyelidikan R&D tempatan dalam perolehan kerajaan yang akan diselaraskan dengan PK 1.4, Dasar Bahan, Barangan dan Perkhidmatan Tempatan dan Perolehan Kerajaan, yang berkuat kuasa akan datang.

Usaha ini menyasarkan peningkatan penggunaan hasil R&D tempatan, termasuk hasil R&D berkaitan hijau. Sedikit lagi.

*Soft loan* negeri Terengganu. Isu mengenai *soft loan* melibatkan negeri Terengganu telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Hussin Ismail. Untuk makluman, Kementerian Kewangan sentiasa mengambil perhatian terhadap perkhidmatan bekalan air untuk rakyat termasuklah di kawasan Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Untuk rekod sehingga 28 Februari, jumlah pengeluaran pinjaman bagi projek bekalan air adalah sebanyak RM404,231,594 atau 89.44 peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman. Bagi tahun 2023, peruntukan sebanyak RM8.1 juta disediakan di bawah maksud P23, NRCC bagi tiga buah projek bekalan air negeri Terengganu iaitu Projek Membina dan Menyiapkan Loji Rawatan Air di Tasik Kenyir di Hulu Terengganu, Projek Pemasangan Sistem Retikulasi Air di daerah Kuala Terengganu dan Marang, dan Projek Kajian Pemeliharaan Sumber Air.

Akhir, bayaran royalti wang ihsan kepada negeri Kelantan dan Terengganu telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Apandi Mohamad dan Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris. Selaras dengan ucapan Belanjawan 2023 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24 Februari, Kementerian Kewangan sedang dalam tindakan merangka semula dasar dan skop penggunaan wang ihsan kepada kedua-dua negeri Kelantan dan Terengganu supaya penggunaan dana tersebut dapat diselaraskan dengan agenda nasional bagi mengurangkan tahap kemiskinan untuk kedua-dua negeri di Pantai Timur Semenanjung itu.

#### ■1220

Walau bagaimanapun, hasil petroleum akan dibayar terus kepada negeri sekiranya didapati dan diperoleh minyak dalam perairan wilayah tiga batu nautika yang diukur pada garis air surut selaras dengan Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750]. Ketika ini, penyaluran wang ihsan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu, merupakan budi bicara Kerajaan Persekutuan memandangkan tiada petroleum yang diperoleh berdasarkan peruntukan Akta 750 tersebut.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Pada tahun 2018, telah ada satu keputusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu untuk memansuhkan penggunaan perkataan "*Ihsan*" dan digantikan dengan "*Royalti*" dan dia akan bayar secara langsung kepada Perbendaharaan Negeri. Isu tiga batu nautika penguasaan negeri tidak berbangkit berdasar kepada *statement* pada tahun 2018. Ini kerana isu tiga batu nautika berbangkit ini setelah perubahan Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 1999. Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya. Yang Berhormat Senator Haji Apandi sebut tadi iaitu pada tahun 2018, Perdana Menteri orang lainlah ya. Saya ingin memaklumkan bahawa wang ihsan yang kita bayar, sebagai contoh untuk Kelantan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM344.6 juta, untuk Terengganu sebanyak RM1.693 bilion. Masalahnya, untuk Kelantan, dia hanya 25 peratus daripada hasil. Akan tetapi, untuk Terengganu, sebanyak 95 peratus daripada hasil negeri.

Jadi, saya kira negeri Terengganu hendaklah memikirkan bagaimana untuk mencari hasil selain daripada wang ihsan. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya sambung tadi Kelantan, Terengganu fasal royalti minyak. Tok Mat, boleh ya? Royalti dihentikan semasa pemerintahan PAS pada tahun 1999- saya sambung tadi- selepas Kerajaan PAS menjadi kerajaan pada masa itu. Selepas itu, dibuka balik kepada sebutan royalti setelah kerajaan PAS menjadi Kerajaan negeri bersama dengan Kerajaan Pusat baru-baru ini. Selepas itu, hari ini kita bincang balik fasal royalti dan wang ihsan. Jadi, saya ada sedikit rasa tidak faham. Satu.

Kedua, berkenaan dengan menyalurkan wang royalti. Ada terdengar wang akan disalurkan secara terus kepada rakyat. Jadi, nampak situ ada soalan daripada rakyat Terengganu, apa wang akan disalurkan kepada sebuah agensi pusat di negeri- contoh, JPP pada satu ketika dahulu- dan wang tersebut tidak disalurkan kepada Kerajaan negeri. Kerana apa? Kerana Kerajaan negeri sekarang ini pembangkang. Mohon penjelasan Tok Mat. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali. Baru-baru ini kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu ada berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya kira tentulah perkara itu antara tajuk utama yang dibincangkan. Biarlah mereka terus berunding dan mudah-mudahan merupakan berita-berita yang tertentu daripada rundingan itu. Setakat ini, saya hanya boleh mengatakan yang demikian. Belum ada sebarang keputusan muktamad berapa dan apa langkah seterusnya mengenai royalti, wang ihsan yang dibincangkan untuk Kelantan dan Terengganu ini.

Walau bagaimanapun, kita tidak dapat menafikan kewujudan Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] itu. Oleh itu, mengenai akta itu, masih lagi ada perkataan, apa yang disebut sebagai *want and saved* dalam bahasa Inggeris, iaitu sekiranya didapati dan diperoleh dalam perairan wilayah tiga batu nautika, barulah diberikan royalti itu [Akta 750]. Walau bagaimanapun, kita terus berundinglah, dua-dua Yang Berhormat Kelantan dan Terengganu yang membangkitkan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan. Seterusnya saya menjemput Kementerian Pengangkutan. Silakan.

## 12.25 tgh.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan lima orang Ahli Yang Berhormat Senator terhadap kementerian ini yang membahaskan dan menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan.

Bahagian kawalan tiket bas ekspres dan harga tiket penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan sesi penggulangan perbahasan ini dengan menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz berkaitan harga tiket bas ekspres dan harga tiket kapal terbang yang dimaklumkan tinggi dan tidak terkawal sehingga membebankan rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga hari ini, terdapat sebanyak 3,655 permit kenderaan bas telah dikeluarkan oleh kementerian ini kepada 180 orang pengendali bas ekspres. Sehubungan dengan itu, harga tambang bas ekspres hanya boleh dikenakan kepada jarak perjalanan melebihi 32 kilometer seperti yang termaktub di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]. Kadar tambang bas ekspres ditentukan mengikut kelas jenis ekonomi dan kadar 9.3 sen per kilometer, manakala bagi jenis eksekutif pula dengan kadar 15 sen sekilometer.

Berkaitan dengan kawalan harga tiket kapal terbang pula, penetapan tambang penerbangan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian, kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sentiasa memantau harga tiket penerbangan bagi semua laluan penerbangan domestik termasuk laluan-laluan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak khususnya bagi tempoh musim perayaan.

Dalam hubungan ini, pihak syarikat penerbangan ada melaksanakan inisiatif khas bagi menawarkan tiket penerbangan pada harga yang rendah. Sebagai contoh, dengan izin, *AirAsia Aviation Group Limited* telah menyediakan sebanyak 52 penerbangan tambahan pada tambang rendah tetap dari Kuala Lumpur dan Johor Bahru ke enam buah destinasi iaitu Kota Kinabalu, Tawau di Sabah serta Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri di Sarawak dari 17 hingga 30 Januari 2023 sempena sambutan Tahun Baru Cina yang lepas.

*AirAsia Aviation Group Limited* juga menyediakan sebanyak 62 penerbangan tambahan iaitu dengan tambahan 11,400 - tempat duduk pada tambang rendah tetap dari Kuala Lumpur dan Johor ke tujuh buah destinasi iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau di Sabah serta Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri di Sarawak dari 19 hingga 21 April 2023 dan 28 hingga 30 April 2023 sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang.

Manakala Malaysia Airlines Berhad pula menawarkan program khas untuk pelajar iaitu *MHexplorer* di mana para pelajar yang berdaftar dengan program tersebut layak menikmati diskaun sehingga 30 peratus daripada harga tiket penerbangan, di samping manfaat lain seperti elaun bagasi tambahan sebanyak 10 kilogram dan tawaran khas untuk ahli keluarga serta rakan-rakan pelajar.

Kementerian Pengangkutan akan terus dari semasa ke semasa mengadakan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat penerbangan bagi memastikan kadar tambang yang dikenakan adalah kompetitif dan berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew telah mencadangkan supaya kementerian mempertimbangkan untuk membina sebuah laluan kereta api untuk menyambungkan Pantai Barat Sarawak dengan Pantai Timur Sabah dan akhirnya ke Nusantara di Kalimantan.

#### ■1230

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pengangkutan mengikuti rapat perkembangan ibu kota baharu Indonesia iaitu Nusantara di Kalimantan Timur dan impaknya terhadap sektor pengangkutan di Sabah dan Sarawak. Pada ketika ini, pihak kementerian belum mempunyai cadangan ataupun menerima apa-apa permohonan rasmi untuk mewujudkan rangkaian kereta api menghubungkan Sarawak, Brunei, Sabah dan Nusantara, ibu kota baharu Indonesia.

Di Sarawak, tumpuan diberikan kepada penyediaan rangkaian rel bandar di mana dengan izin, projek *Kuching Urban Transportation System* yang diterajui oleh Sarawak Metro. Manakala di Sabah pula, tumpuan diberikan kepada penambahbaikan infrastruktur kereta api serta mutu perkhidmatan kereta api Sabah yang diterajui oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah. Namun begitu, pihak Kementerian Pengangkutan bersedia untuk membantu mana-mana pihak yang berminat untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan projek seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff telah membangkitkan supaya perkhidmatan laluan Keretapi Tanah Melayu Berhad dari Kuala Lumpur ke Wakaf Bharu, Kelantan dibuka semula.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini, pihak kementerian tiada cadangan untuk membuka semula laluan terus dari Kuala Lumpur ke Wakaf Bharu. Ini disebabkan laluan terus tersebut didapati tidak *cost effective*. Perkhidmatan ini menelan kos operasi yang tinggi dan telah mengakibatkan kerugian setiap tahun. Pihak KTMB melihat bahawa jadual tren berkenaan tidak boleh dibuat secara ulang alik disebabkan tren akan balik tanpa penumpang. Dengan jumlah penumpang ataupun dengan jumlah penumpang yang amat kecil, sekali gus menyebabkan kerugian yang besar kepada pihak Keretapi Tanah Melayu.

Seterusnya berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff lagi, untuk membuka sebuah Muzium Keretapi Tanah Melayu di Dabong. Pihak kementerian mengambil maklum dan berterima kasih atas cadangan tersebut. Pada masa ini, tiada perancangan untuk membina sebuah muzium kereta api di Dabong, Kelantan. Walau bagaimanapun, kementerian ini berharap agar perkhidmatan kereta api yang akan ditambah baik dan projek naik taraf stesen KTM Dabong dapat memberikan manfaat yang besar kepada penduduk setempat serta dapat mengembangkan industri pelancongan di Dabong.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebagai bekas wakil rakyat Kuala Krai, Dabong itu agak sentimental bagi saya. Masa banjir besar ya, jalan kereta api Dabong ke Wakaf Bharu memang rosak, hancur jambatannya. Alasan untuk tidak meneruskan semula perkhidmatan antara Kuala Lumpur ke Wakaf Bharu itu ialah kerana jumlah penumpang yang kecil dan kos yang tinggi. Jadi, ertinya rugi.

Saya hendak tanya, sektor mana dalam perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu atau kereta api Malaysia sekarang yang beroleh keuntungan? Sektor mana ya, kerana sebelum ini kita tahu mana-mana sektor pun tidak pernah untung. Jadi, adakah sekarang ini ada sektor yang untung, maka fokus di situ dan tidak sektor ke pantai timur? Terima kasih.

**Datuk Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan maklumat data itu, saya tidak ada di sini, yang mana untung, yang mana rugi secara terperinci. Saya akan bagi jawapan yang bertulis yang mana untung dan yang mana rugi, ya. Baik yang menuju ke pantai barat ataupun yang termasuk dalam Lembah Klang ini. *Insyaa-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris telah menyentuh isu berkaitan Projek Kedah Aerotropolis. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di bawah Seksyen 5 Akta Penerbangan Awam 1969 iaitu Akta 3 dan Peraturan-peraturan Penerbangan Awam (Pengendalian Aerodrom) 2016, kuasa untuk membenarkan penubuhan sesebuah aerodrom adalah dipertanggungjawabkan di bawah kuasa Menteri Pengangkutan. Sehubungan itu, mana-mana pihak yang ingin menubuhkan dan membina sebuah aerodrom perlu memohon kebenaran daripada Kementerian Pengangkutan dengan disokong oleh dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat yang komprehensif.

Beberapa siri perbincangan dan mesyuarat telah diadakan dengan pihak Kerajaan Negeri Kedah bagi memperincikan cadangan pembangunan KXP. Pada setiap masa, Kementerian Pengangkutan telah memaklumkan kepada pihak pemaju dan Kerajaan Negeri Kedah bahawa cadangan projek pembangunan KXP adalah tertakluk kepada kajian *National Airport Strategic Plan* (NASP), dengan izin.

Dalam hubungan ini, setakat ini, surat yang pernah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Kedah kepada Kementerian Pengangkutan adalah surat bertarikh 3 Januari 2021 supaya Kementerian Pengangkutan memberikan kebenaran kepada pembangunan projek KXP dan Kedah Aerotropolis dengan memberi pengecualian ketika tempoh menunggu menyiapkan kajian *National Airport Strategic Plan* atau menggunakan dapatan data-data kajian awalan terdahulu sebagai interim NASP.

Dalam hubungan ini, KXP Airport City Holdings Sdn. Bhd. selaku pemaju telah meneruskan kajian dan telah memuktamadkan kajian pembangunan KXP serta mengemukakan kepada Kementerian Pengangkutan Pelan Induk Utama Pembangunan Kedah Aerotropolis yang mengandungi laporan teknikal dan komersial pada 18 Januari tahun 2023.

Selepas Pelan Induk Utama Pembangunan Kedah Aerotropolis dimuktamadkan, belum ada permohonan rasmi yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kedah berhubung penubuhan KXP secara terperinci yang memperjelaskan spesifikasi teknikal konsep lapangan terbang di mana konsep ini telah beberapa kali diubah, pembiayaan, tempoh pembangunan, operator lapangan terbang, kawasan-kawasan yang terlibat serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan untuk dipertimbangkan Kementerian Pengangkutan.

Untuk mana-mana permohonan projek pembangunan aerodrom termasuklah lapangan terbang di Malaysia, permohonan tersebut perlulah dibuat mengikut Akta Penerbangan Awam 1969 dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan sentiasa mengambil sikap yang terbuka terhadap sebarang cadangan pembangunan daripada kerajaan negeri, mahupun pihak pelabur swasta yang membawa manfaat ekonomi, berdaya saing dan menyumbang kepada pembangunan yang lestari.

Akhir sekali, bagi pihak Kementerian Pengangkutan, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan saranan yang dikemukakan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Dipersilakan.

## 12.38 tgh.

**Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Bagi yang Islam, selamat menunaikan ibadah puasa.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan atas peluang yang diberikan kepada saya untuk penggulungan bagi menjawab persoalan serta isu-isu yang menyentuh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Memang masalah keterjaminan makanan menjadi isu di peringkat antarabangsa terutama sekarang ini masalah *climate change* yang melanda dunia menyebabkan fokus terhadap keluaran makanan kadang-kadang terganggu. Sekarang, di seluruh negara Eropah menghadapi inflasi yang begitu tinggi terutama di Britain dan juga Amerika Syarikat terutama dalam bidang pemakanan. *Climate change* ini mengakibatkan fokus keluaran makanan terganggu. Misalnya di Amerika Syarikat, termasuklah berlaku gangguan bekalan telur yang begitu ketara. Cuaca yang melanda tidak menentu di sesuatu tempat.

## ■1240

Begitu juga di negara kita Malaysia seperti banjir yg berlaku di Kelantan, Terengganu dan Pahang diikuti dengan banjir yang berlaku di Johor dan masih lagi termenung banjir itu di Johor menyebabkan penghasilan makanan terganggu.

Oleh itu, fokus kepada keterjaminan makanan ini diambil berat oleh para Senator saya amat mengalu-alukan kerana ia satu pandangan yang diberikan semuanya baik memberi pandangan, teguran dan saranan kepada pihak kerajaan.



Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh mencadangkan supaya kerajaan perlu memastikan kelangsungan program makanan yang lebih baik supaya aspek keterjaminan makanan negara berada di tahap yang memuaskan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, dalam merangka hala tuju fokus dan keutamaan Kementerian bagi memacu sektor Agromakanan negara pihak Kementerian telah menyediakan sebuah pelan jangka panjang Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 yang dibuat oleh kerajaan sebelum ini, dan dirangka dalam masa sepuluh tahun kita terima pakai untuk meneruskannya.

Untuk makluman, keseluruhan kerangka Dasar Agromakanan Negara 2.0 merangkumi beberapa elemen termasuk penyertaan dasar, prinsip dasar, objektif dasar, serta teras dasar. Ia bertujuan untuk memberi satu panduan yang inklusif dan ekstensif dalam agenda pemodenan sektor agromakanan dalam 10 tahun tempoh pelaksanaan. DAN 2.0 menggariskan lima dasar besar:

- (i) mendukung pemodenan dan pertanian pintar;
- (ii) memperkukuh pasaran domestik meningkatkan hasil keluaran yang mempunyai permintaan tinggi dan produk berorientasi eksport;
- (iii) membangun bakat yang memenuhi permintaan industri;
- (iv) meningkatkan amalan pertanian dan sistem makanan yang mampan;
- (v) menyediakan ekosistem perniagaan yang kondusif dan kerangka institusi yang kukuh.

Yang Berhormat senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, sahabat lama, dan memang pun terlibat dalam pertanian...

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Lama dan selamanya Yang Berhormat... [Ketawa]

**Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu:** Mencadangkan bahawa kerajaan perlu memberi keutamaan untuk menggalakkan *reverse investment* dalam sektor agromakanan dan pertanian.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaburan timbal balik atau *reverse investment* merupakan satu alternatif yang diperkenalkan oleh Kementerian ini bagi meningkatkan sumber bekalan makanan serta memperkukuh jaminan bekalan makanan dalam negara. Pelabur yang terlibat perlu membawa balik komoditi makanan hasil pelaburan yang dibuat ke Malaysia untuk memenuhi keperluan dalam negara.

Usaha telah dilaksanakan di peringkat Kementerian termasuklah pengeluaran satu garis panduan umum untuk diguna pakai oleh pelabur. Contohnya *reverse investment* ini amat penting seperti soya buat masa sekarang ini tidak dapat lagi diusahakan di Malaysia. Ia perlu diusahakan ditanam di luar negara tetapi ia suatu- bahan yang cukup penting untuk makanan ternakan. Maka *reverse investment* ini amat perlu terutama dalam bidang seperti saya sebut contohnya soya. Walaupun di Indonesia telah ada percubaan untuk menanam soya tetapi pengeluarannya belum sampai ke peringkat mencukupi kegunaan di dalam negara itu. Kita di peringkat ini masih lagi soya misalnya diimport sepenuhnya dari luar negara untuk makanan ternakan.

Antara kandungan dalam garis panduan tersebut adalah menjelaskan tafsir dan konsep pelaburan timbal balik yang diterima pakai dalam konteks sektor agromakanan. Pertama, penerokaan dan perkembangan operasi pelaburan tempatan ke luar negara dalam aktiviti pertanian. Dilaksanakan secara kaedah usaha sama atau pakatan pihak iaitu pelabur rakan usaha sama atau petani di negara berkaitan serta pembiayaan untuk membawa masuk komoditi makanan yang dikenal pasti di dalam negara.

Komoditi dibawa masuk akan dianggap sebagai sebahagian keluaran dalam negara dan komoditi dibawa masuk hendaklah bersumberkan sepenuhnya daripada pelaburan yang dibuat setiap peringkat di sepanjang rantai nilai pengeluaran.

Negara-negara yg dianggap sesuai untuk membuat *reverse investment* itu seperti Indonesia, Australia, Thailand, Papua New Guinea, Pakistan bagi penghasilan daging lembu, kerbau, kambing, kambing biri-biri India serta Indonesia bagi jagung dan sumber makanan ternakan lain. Memang di antara pelabur-pelabur besar kurang untuk mengembangkan ternakan terutama kambing dan lembu kerana kos di Malaysia ini masih lagi tinggi dari sudut pengeluaran berbanding dengan kos di negara lain. Kita kementerian sedang berusaha dengan berlipat ganda supaya ternakan lembu kambing dan sebagainya dapat diusahakan di tanah air kita. Walau bagaimanapun, hanya syarikat swasta besar dan syarikat berkaitan kerajaan yang dilihat berkeupayaan kukuh daripada segi kewangan dan teknologi digalakkan untuk terlibat dalam pelaburan ini.

Jadi tak tahulah kalau Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail hendak baut pelaburan di laur negara...

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Kalau dapat dukungan, *insya-Allah*.

**Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail turut menyatakan kebimbangan berhubung dengan kehilangan graduan pertanian di sekor bukan pertanian. Memang sektor pertanian ini kalau selepas graduan terlibat dengan sektor pertanian lambat mendatangkan hasil sementara hendak buat, hendak bajak, hendak dapat kalau ternak dan sebagainya tiga hingga enam bulan, kadang-kadang setahun mendapatkan hasil. Akan tetapi kalau kerja lain kalau makan gaji mudah dapat *return* daripada ia mula bekerja.

Oleh sebab itu, anak-anak muda kita di antaranya mereka suka terlibat yang *quick return* misalnya mereka sedia walaupun bahaya setiap hari mereka sanggup menjadi pemandu *grab* motosikal ataupun kereta. Mereka bergelut kerana ia mendapat *quick return* pada setiap hari tetapi dalam bidang pertanian ini ia pendapatan yang lumayan tetapi *return* yang agak lambat. Ini antara punca yang kita sedang usahakan supaya para graduan pada masa akan datang akan lebih tercebur dalam bidang pertanian.

Ternyata sekarang ini sudah ada anak-anak muda yang berjaya dalam sektor pertanian ini misalnya bidang tanaman saya sebut di sini Encik Mohd Asnaf Bin Mohd Roslan daripada sijil kemahiran tanaman dan telah berjaya pendapatan bulannya RM5,000 hingga RM6,000 sebulan. Mikrofon ini tarik air liur, kering... [Ketawa] Hendak minum tidak boleh.

Bidang ruminan misalnya Encik Saiful Sharil bin Saidali dia berjaya mendapat RM4,000 hingga RM5,000 sebulan. Begitu juga bidang perikanan yang berjaya anak muda dapat RM3,000 hingga RM5,000 sebulan iaitu saudara Zakaria bin Abdul Rahman. Banyak lagi saya hendak sebut di sini- ini tren baharu sekarang ini anak-anak muda kita terutama graduan sama ada dari institut pertanian ataupun universiti yang lain terlibat dalam bidang pertanian ini...

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu:** Akan tetapi, saya sebut tadi ia *return* nya itu agak lambat tetapi selepas dapat *return* kita lihat ia kukuh kedudukannya tetapi macam pertanian ini ia bergantung juga kepada soal cuaca, banjir dan sebagainya yang menyebabkan kadangkala berlaku kerugian yang mereka terpaksa memulakan usaha baharu itu menelan belanja yang agak banyak...

■1250

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Yang Berhormat Menteri boleh mencelah ya?

**Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat ada pertanyaan?

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Minta penjelasan, minta penjelasan.

**Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu:** Oh, ada.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan soalan mengenai lulusan bidang pertanian yang memilih jalur lain untuk membina kerjayanya. Agak malang sedemikian kerana disebutkan tadi masa depannya kalau betul-betul kita ada keterlibatan, cukup cerah untuk graduan ini. Jadi, apa langkah yang dibuat oleh kementerian supaya graduan-graduan ini mempunyai jati diri, semangat dan juga peluang-peluang yang terbuka bermula daripada pendedahan di universiti-universiti ataupun institut pengajian khususnya yang kita tahu Universiti Putra Malaysia yang asalnya memang fokusnya kepada pertanian.

Adakah kementerian akan memberikan tumpuan kepada universiti sedemikian supaya peruntukan yang mencukupi disediakan dan bidang-bidang yang dilatih betul-betul dicari oleh pasaran sehingga mereka sebenarnya diambil sebelum lagi mereka keluar daripada universiti. Adakah itu boleh kita laksanakan. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu:** Ia sedang dilaksanakan secara giat sekarang ini terutama AgroBank menyediakan peruntukan yang banyak untuk para petani muda ini. Memang sekarang disebut bahawa keterjaminan makanan menjadi tajuk utama. Maka berlumba-lumba orang datang untuk cebur diri dalam bidang pertanian ini.

Bagi saya yang membuat lawatan beberapa buah tempat, saya lebih gemar untuk membantu mereka yang telah berusaha tetapi tidak cukup modal untuk dibesarkan. Dia ada minat dalam bidang itu, dia usaha tetapi tidak cukup modal untuk membesar. Maka kita akan berusaha, pihak kementerian bersama dengan Agrobank membantu mereka seperti ini. Dia minat daripada awal. Sekarang memang banyak juga tokoh-tokoh yang bersara yang terlibat dalam pertanian. Ini sebab mereka lihat daripada segi pendapatannya saya sebut tadi bukan *quick return*, tetapi jangka panjang.

Misalnya Tan Sri Harris Salleh memang sekarang ini terlibat dalam pertanian yang begitu hebat. Tan Sri Hamid Bador walaupun baru tidak sampai dua tahun kita lihat dia dapat memasarkan pertaniannya begitu hebat sekali. Banyak lagi dan mereka lihat potensi bidang ini masa depan. Akan tetapi anak-anak muda perlu diberi dorongan daripada universiti, daripada kolej tentang masa depan hal bidang pertanian ini. Memang telah ramai anak muda yang terlibat misalnya kalau di Kedah, pemandu-pemandu dron anak-anak muda yang baru bergraduasi mereka terlibat dalam menabur baja racun dan sebagainya menggunakan dan perlu kepada mereka yang ada kelulusan teknologi dan sebagainya. Mereka telah cebur sekarang ini dan tugas kita memberi galakan.

Ini juga pandangan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding...

**Tuan Haji Hussin bin Ismail:** Mohon mencelah Yang Berhormat Menteri.

Adakah kemungkinan sebenarnya kurikulum atau sistem pendidikan dalam beberapa bidang profesional ini perlu diubah. Saya menyebutkan ini sebab saya melihat kadang-kadang produk daripada institut pengajian tinggi dilihat macam melahirkan produk profesional tetapi mereka tidak yakin dengan medan yang mereka belajar ataupun pelajari. Mungkinkah kerana banyak *theoretical knowledge* berbanding dengan *applied knowledge* akhirnya mereka keluar mereka menjadi *job seeker* bukan menjadi *job creator*. Mohon komen Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu:** Saya setuju benda seperti itu sebab dia ada semangat dan kerajinan. Saya lihat misalnya disebut contoh di Bukit Mertajam. Berlaku pelbagai perkembangan industri di sekitarnya termasuk di Mak Mandin, di Prai dan sebagainya. Akan tetapi ada sekumpulan mereka terus terlibat dalam bidang pertanian terutama di kalangan kaum Tiong Hua. Tanahnya tidak luas. Barangkali setengah ekar atau satu ekar tetapi mereka menanam berulang kalau diambil kangkung kemudian ditanam sawi kemudian cili dan sebagainya bahkan mereka hidup dengan agak senang.

*Market* misalnya tempat menjual makanan itu mengambil kontrak dengan mereka secara bulanan atau tahunan kerana mereka boleh *supply*. Mereka tidak terpengaruh dengan perkembangan di sekeliling tetapi terus dalam bidang pertanian. Ini yang perlu ada. Begitulah juga kita lihat atas kerajinan, kesungguhan, *effort* yang diletakkan. Misalnya daerah Sekinchan melahirkan hasil padi yang paling tinggi di Malaysia.

Mereka menganggap mereka buat kerja sawah padi bukan misalnya anak muda kata, "Aku tidak ada kerja. Aku hanya buat bendang." Akan tetapi kalau kita tanya orang Sekinchan, "Kamu kerja apa? Saya bersawah padi."

Mereka susun jadual mereka seperti mereka pergi ke pejabat. Ertinya *time* untuk turun ke sawah dan mengusahakan sawah mereka mendatangkan hasil yang tinggi. Kalau kita sanggup bekerja begitu, boleh keluarkan hasil 10 tan satu hektar seperti di Sekinchan sekarang ini, Malaysia akan capai SSL tidak lama lagi. Usaha ini perlu diteruskan kerana tidak boleh lagi dalam bidang pertanian dikatakan kerja sebagai sambilan. Kena *put full effort* dan masa depan yang cukup cemerlang sama ada di Malaysia ataupun di peringkat antarabangsa.

Program kesedaran kepada pelajar-pelajar sekolah. Program Green Team dana Yayasan Pelajaran Peladang dalam bidang pertanian sedang diusahakan. Kursus-kursus pensijilan seperti Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia, Sijil Pertanian, Sijil Veterinar Malaysia dan Sijil Perikanan. Ini banyak yang *graduate* baru ini hampir 600 orang dalam pelbagai bidang dan setakat ini yang *graduate* dalam bidang pertanian di bawah Kementerian Pertanian sama ada sijil atau diploma 65 peratus mendapat pekerjaan dan ada di antara mereka yang terlibat dalam pertanian dan sangat berjaya. Kursus-kursus jangka pendek diteruskan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Susan juga turut mencadangkan supaya kementerian ini memberikan bimbingan kepada petani. Yang saya sebutkan tadi ada kursus pendek, ada kursus panjang, sentiasa dibuka untuk kursus kepada para petani. Yang Berhormat Senator Susan sekali lagi juga mencadangkan supaya kerajaan memberi peruntukan dan usaha yang lebih diperlukan untuk pembukaan kawasan tanah di pedalaman supaya dapat diusahakan sama ada secara persendirian ataupun usaha-usaha dengan pihak swasta. Soal tanah ini di bawah kuasa kerajaan negeri.

Akan tetapi pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri supaya- begitu juga mesyuarat baru-baru ini hal keterjaminan makanan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kerajaan-kerajaan negeri dijemput, ada Menteri-Menteri Besar yang hadir atau wakil Menteri Besar dibincangkan supaya kerajaan negeri memberi kerjasama penuh terutamanya hal-hal tanah supaya dapat dikembangkan hal keterjaminan makanan ini dengan segera.

KPKM melalui Jabatan Pertanian telah merekodkan seluas...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Datuk Razali bin Idris:** Berkaitan dengan tanah. Yang saya hendak minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri ialah tanah Kerajaan Pusat. Saya sudah bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri hari itu dia masih lagi jawab perkara yang sama, tanah kerajaan negeri. Tanah Kerajaan Pusat seperti tanah Angkatan Tentera Malaysia banyak tanah kosong dan satu ketika dahulu pernah Menteri MINDEF buat berbincang dengan Menteri Pertanian untuk memberi kelonggaran supaya tanah mereka boleh digunakan.

Jadi soalan saya hari ini apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia dan memberi peluang kepada anak muda yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu:** Terima kasih. Memang kementerian berbincang dan Kementerian Pertahanan melalui LTAT dan mereka telah bersetuju untuk mengusahakan tanaman *grain corn* tidak lama lagi, jagung bijian yang ini usaha-usaha. Begitulah juga kementerian-kementerian lain sama ada FELCRA, sama ada pihak FELDA dan sebagainya yang berada mesyuaratnya di bawah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita bercakap soal-soal ini supaya dapat diusahakan tanaman-tanaman yang boleh terutama mengurangkan kos makanan ternakan.

## ■1300

Sekarang ini, kita import jagung dan juga soya. Soya misalnya, buat masa ini sukar lagi ditanam di Malaysia tetapi *green corn* telah dibuat percubaan dan akan diusahakan secara berskala besar mulai tahun ini supaya salah satu- komponen makanan itu dapat diusahakan di Malaysia. Pada masa yang sama, diusahakan juga makanan-makanan yang lain seperti daripada bahan sawit dan juga kalau lihat di Thailand sekarang ini iaitu *Black Soldier Fly* iaitu daripada ulat yang diusahakan untuk makanan ayam dan amat berjaya di sana. Di sini, di peringkat permulaan dan kajian. Barangkali ini salah satu yang akan menjadi makanan ternakan khasnya ayam, *Black Soldier Fly* yang amat menghasilkan protein yang banyak kepada makanan khasnya ayam.

Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali, orang kampung. Jawatankuasa yang diperlukan untuk menyemak kembali keperluan dan kelulusan import dan eksport. Memang, jawatankuasa ini terus berada, hal kawalan import dan eksport. Ia dipengerusikan oleh Menteri Pertanian, oleh saya sendirilah dengan jawatankuasa yang ada di bawahnya itu iaitu daripada DVS, ini Bahagian Veterinar, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, LKIM dan MAQIS. Semua jabatan ini akan berpadu tenaga untuk kita meluluskan import atau eksport bahan pertanian ke luar negara. Jawatankuasa juga mengambil pandangan Kementerian Kesihatan dalam sesuatu barang yang nak diekspor ataupun diimport.

Oleh sebab saya kena menjawab semua mengambil masa yang panjang dan saya akan jawab secara bertulis dengan teliti kepada mereka yang membuat pertanyaan. Saya mengharapkan supaya hal keterjaminan makanan ini menjadi perkara besar yang kita perlu fikirkan bersama. Bukan soal politik, soal kenegerian dan sebagainya. Ini hal kemanusiaan sebab masalahnya ialah masalah besar dan sekarang inflasi saya sebutkan tadi sedang melanda Eropah.

Kita harap ia tidak melanda negara kita terutama hal makanan ini dengan begitu ketara. Kalau ada satu perkara, kita atasi bersama. Inilah harapan pihak kementerian. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Senator yang memberikan pandangan, teguran dan kritikan. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Datuk John Ambrose:** Yang Berhormat Menteri, ada saya tengok...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat dah habis dia punya jawapan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan atas jawapan-jawapan yang diberikan. Selepas ini Kementerian Luar Negeri.

Oleh sebab tidak ada isu untuk dijawab, saya terus kepada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan. Dipersilakan.

1.03 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam sejahtera dan salam perpaduan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Sri dan Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan penuh tawaduk dan rendah diri saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri serta seluruh warga Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) merafak sembah menjunjung kasih dan mohon menggulung atas Usul Menjunjung Kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Seperti mana Titah Baginda, perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat merangkumi penekanan ke atas aspek peningkatan akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki, khususnya di kalangan kumpulan B40, pelaksanaan hala tuju baharu Program Perumahan Rakyat (PPR), program pembasmian miskin tegar, pengurangan risiko bencana banjir dan penyelenggaraan infrastruktur untuk kesejahteraan rakyat. Maka, perkara-perkara itu dapat disimpulkan kepada dua bidang khusus di bawah KPKT iaitu pertama, perumahan dan yang kedua merupakan soal kesejahteraan komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk isu perumahan, ada empat segmen yang kita pecahkan iaitu yang pertama sekali menyentuh soal komitmen dan strategi kerajaan terhadap pembinaan serta ekosistem Rumah Mampu Milik ataupun ringkasnya RMM. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan komited untuk meneruskan inisiatif penyediaan rumah RMM ini yang berdaya huni dan berkualiti seperti mana di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas yang telah menyasarkan sebanyak 500,000 unit RMM di seluruh negara.

Dalam hal ini, peranan untuk KPKT ini ada dua iaitu pertama adalah sebagai penyelaras bagi penyediaan dan yang kedua- dari sudut pelaporan. Ini kerana bila kita sebut isu rumah ini, ada pelbagai agensi penyedia. Antaranya iaitu Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga pihak ataupun pemaju swasta. Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 108,373 unit RMM telah siap dibina, 131,573 unit dalam pembinaan manakala bakinya dalam perancangan untuk kita sasarkan, mencapai sasaran 500,000 unit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee ada bertanya soal bilangan projek kos rendah atau mampu milik yang akan dibina. Maka, itulah jawabannya.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang telah bertanya berkaitan soal Rumah Mampu Milik, skim perumahan belia dan juga program *Rent-To-Own* (RTO), dengan izin. Kementerian ingin berterima kasih dan berkongsi bahawa untuk program RTO ini kita ada dua iaitu pertama berkaitan dengan program perumahan rakyat di bawah PPR ini. Sebenarnya sebelum saya masuk kepada RTO tetapi untuk keseluruhan program perumahan rakyat, sejak tahun 1982, terdapat 159 projek PPR yang merangkumi 99,296 yang telah siap dibina. Sebanyak 24 pula dalam peringkat pembinaan, merangkumi 9,737 unit.

Melalui Belanjawan Madani 2023, projek PPR baharu dan sambungan bakal menerima peruntukan sebanyak RM389.5 juta yang kita cadangkan untuk membina sebuah PPR di setiap negeri yang dijangkakan akan memanfaatkan sehingga 12,400 bakal penghuni baharu.

Program yang kedua iaitu program rumah mampu mesra rakyat yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang memberikan manfaat kepada golongan B40. Sehingga 31 Januari 2023, sebanyak 55,055 unit rumah RMR telah siap dibangunkan manakala 4,181 unit sedang dalam pembinaan dan baki 657 unit dalam perancangan.

Kini masuk bab RTO. Di bawah RTO, bawah PPR tadi sebenarnya kita ada skim RTO yang telah diperkenalkan sejak tahun 2017. Skim RTO ini kita telah laksanakan di 14 buah PPR di seluruh negara yang melibatkan 6,166 unit. Sehingga 31 Januari, sebanyak 4,690 - keluarga telah pun ditawarkan skim RTO PPR. Manakala selain itu, skim pembiayaan RTO PR1MA juga diperkenalkan bagi meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia khusus golongan berpendapatan pertengahan ataupun M40.

Perkara yang ketiga ataupun dalam bahagian yang sama ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di peringkat KPKT juga kita sedang merancang pembinaan Rumah Belia Madani (RBM) yang berkonsepkan rumah transit di kawasan Lembah Klang. RBM ini iaitu inisiatif kerajaan untuk menyediakan rumah secara transit bagi golongan belia yang berumur di bawah 35 tahun ke bawah, yang mana antara konsepnya kita mencadangkan agar ada juga elemen penyimpanan ataupun *for savings*, dengan izin, supaya apabila kumpulan belia itu tamat menetap di rumah transit, mereka ada sedikit dana untuk meneruskan kehidupan sama ada untuk membeli ataupun mencari rumah yang lebih bersesuaian.

#### ■1310

Selain itu, Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang juga bertanyakan soal kuota dan status terkini pemilikan ataupun pembinaan 500,000 unit RMM bagi kumpulan di Sabah.

Untuk komitmen Kerajaan Negeri Sabah, kerajaan negeri telah menyasarkan penyediaan sebanyak 2,323 buah unit, itu untuk makluman Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam telah membangkitkan soal kadar sewa rumah yang tinggi di kawasan bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan laporan *survey* Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, perbelanjaan berkaitan perumahan menyumbang kepada 23.6 peratus daripada perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan.

Bagi melindungi kepentingan serta hak penyewa dan juga pemilik kediaman, KPKT sebenarnya sedang menggubal Akta Sewaan Kediaman- *Residential Tenancy Act* (RTA).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara perkara-perkara yang terkandung dalam RUU Sewaan Kediaman ialah perkara-perkara seperti perjanjian sewaan kediaman, tanggungjawab penyewa dan pemilik kediaman serta tindakan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang kedua di bawah perumahan pula ialah soal penambahbaikan daripada segi hala tuju program PPR yang ada pada hari ini. Seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam sekali lagi, ingin mengetahui bahawa kaedah bagaimana untuk pengisian itu dilakukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan PPR ini memang terbuka kepada semua yang memenuhi syarat kelayakan lain serta berpendapatan bawah RM5,000 sebulan. Kerajaan telah menyediakan platform permohonan PPR secara dalam talian iaitu Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN) bagi memastikan rakyat dapat mengemukakan permohonan dengan mudah dan cepat tanpa mengira tempat dan masa. Di samping itu, setiap kerajaan negeri juga ada sistem permohonan secara dalam talian juga supaya ada sifat yang lebih cekap, mesra dan mudah.

Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj bertanyakan soal aspek kualiti dalam pembinaan PPR supaya kita dapat wujudkan suasana yang lebih selesa dan kondusif.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah pun bersetuju dengan hala tuju baharu bahawa pelaksanaan PPR akan datang ini adalah dengan penetapan saiz keluasan yang baharu iaitu seluas 750 kaki persegi selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan daya huni penduduk PPR.

Kedua, KPKT sentiasa mencari reka bentuk terbaik mengikut keperluan semasa termasuk juga akan dilengkapi dengan *rainwater harvesting system* iaitu sistem untuk kita mempergunakan kembali air hujan dan reka bentuk yang sebenarnya telah terbukti diguna pakai di negeri lain.

Ketiga, KPKT akan memastikan aspek komersial diambil kira supaya perumahan yang dimajukan adalah lebih mesra penghuni dan berdaya huni termasuk soal *accessibility* ataupun juga kelangsungan rumah tersebut.

Seterusnya...

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Silakan, Yang Berhormat Senator.

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Terima kasih atas maklumat bahawa rumah PPR ini saiz minimumnya 750 kaki persegi. Saya memohonlah kerajaan supaya berlaku adil dan bersimpati dengan cara kehidupan kita di Malaysia ini. Saiz 750 kaki persegi ini Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh memberikan keselesaan kepada sebuah keluarga. Bukan yang besar; yang *medium size* pun.

Jadi, kita hendak mencadangkan, kalau boleh dipertimbangkan. Ini mesti dibincangkan dengan pihak-pihak yang membangunkan kawasan ini supaya paling tidak pun 900 kaki persegi setelah diambil kira kemudahan-kemudahan yang diperlukan, pembahagian bilik anak lelaki, perempuan- 750 kaki persegi memang tidak akan dapat menepati keperluan keselesaan pada zaman ini. Paling minimum 900 kaki persegi. Terima kasih.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, ketika ini saiz PPR yang sedia ada berbeza. Ada yang saiz sebesar 600 kaki persegi, ada yang 650 kaki persegi dan juga kadangkala binaan rumah itu pun ada yang hanya ada satu buah bilik mahupun dua buah bilik. Maka apabila ditetapkan saiz yang baharu, hala tuju kita ini, 750 kaki persegi ini juga mencakupi supaya setiap rumah itu ada tiga buah bilik tidur kerana itu memenuhi juga budaya dan juga keperluan masyarakat kita.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Mohon mencekik fasal kaki persegi ini.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Boleh.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Saya setuju dengan pendapat sahabat saya, Yang Berhormat Dr. Hatta tadi. *At least* di Kuala Lumpur ini Yang Berhormat, 850 kaki persegi. Mana boleh kita buat 730 kaki persegi. 730 kaki persegi ini *you* fikir betul-betul, tengok mana kedudukan dapur, bilik pertama, kedua, bilik air. Berapa bilik air *you all* hendak buat? Hal ini kena pertimbangkan. Sebab apa? Kalau kehidupan di bandar ini, 850 kaki persegi *at least* syarat kita hendak buat. Kalau *you* cakap tadi 630 kaki persegi, berapa ratus, itu rumah lama dahulu. Zaman 70-an, *area* Samping Flat dekat KL. Itu zaman 70-an, 600 lebih kaki persegi. Memang ada masalah. Dulu satu buah bilik sahaja, Yang Berhormat Dr. Hatta.

Di situlah tempat ibu, di situlah tempat anak, di situlah tempat hendak membesar. Jadi, anak dia ini masalah sosial, Tuan Yang di-Pertua. Lelaki, perempuan apabila bapa duduk serumah, anak lelaki, anak perempuannya ini balik keluar dari rumah duduk dekat KLCC, berjalan sampai malam, nanti baru dia balik. Ini masalah sosial.

Kita kerajaan sekarang, kena elakkan masalah sosial ini. Bukan sahaja setakat kita hendak bina rumah, berapa kaki persegi. Kita hendak masalah *in the future*, kita punya generasi akan datang ini tidak ada masalah sosial- 850 kaki persegi, 900 kaki persegi memang sesuai. Saya setuju dengan cadangan dengan Yang Berhormat Dr. Hatta.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Memang saya ambil maklum cadangan yang dikemukakan tetapi persetujuan ini pun telah dicapai sejak tahun 2022. Perkara ini sudah menjadi ketetapan hala tuju yang ditetapkan yang mana melainkan kalau kita hendak runtuai kembali. Cuma apabila disebut soal saiz yang dikemukakan itu, itu termasuk kalau dalam rumah, tiga buah bilik tidur dan dua buah bilik air. Sementara daripada segi pembangunan infrastruktur di sekeliling PPR itu, yang saya sebutkan tadi juga merangkumi keperluan komersial ataupun keperluan kehidupan itu sendiri.

Ini adalah kerana syarat-syarat yang ditetapkan itu juga merangkumi perbincangan ataupun kita juga ada terikat dengan, sebagai contoh, syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang UBBL tadilah.



Jadi, sebenarnya sebagai contoh, PPR ketika ini kita sudah pastikan ada kemudahan komuniti, sama ada kalau permintaan di situ merupakan soal surau ataupun kemudahan dewan, perkara itu memang telah dimasukkan dalam perancangan. Jadi sebab itu, memang kepayahan ataupun kesukaran yang kita hadapi dalam atau pun PPR sekitar Lembah Klang ini, kebanyakannya PPR yang dibina tahun 90an ataupun lebih awal, yang saiznya sekitar 600 kaki persegi.

Sebenarnya, ada penambahbaikan yang kerajaan telah usahakan dan sebab itu bagi saya, memang perkara ini kita kena sentiasa peka dan mencari jalan untuk terus memperbaiki mutu kehidupan tidak kira kumpulan ataupun golongan masyarakat kita. Seterusnya, bagi membantu penduduk di kawasan PPR ini, kerajaan sebenarnya juga ada Dasar Komuniti Negara. Ini lebih kepada aspek untuk melihat soal kebajikan dan sosial mereka untuk kawasan persekitaran. Sebanyak 19 buah pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) telah pun ditubuhkan.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri terlajak ke perkara lain...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Boleh.

**Datuk Razali bin Idris:** ...Saya hendak tanya berkenaan dengan perumahan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya difahamkan perumahan Skim Rumah Pertamaku akan dimansuhkan pada 1 April yang mana Skim Rumah Pertamaku ini dilancarkan pada tahun 2011. So, mohon pencerahan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, memang ada dalam jawapan saya nanti sebab Yang Berhormat Senator Hasbie bin Muda ada bertanya isu yang sama. Kalau saya boleh, sebab masa pun tidak banyak. Mungkin saya jawablah soalan Yang Berhormat Senator...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab, jawab.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** ...Sebab ini isu yang agak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada tujuh minit lebih lagi.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Oleh sebab saya tahu Tuan Yang di-Pertua amat berdisiplin. Jadi saya terpaksa patuhi yang ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

■1320

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi, mana yang dicelah, disoal itu, elok beri reaksi. Macam tadi ada celahan berhubung dengan ukuran lapan kaki lebih itu. Mungkin dikatakan, "Dibawa balik kepada Majlis untuk penelitian." Sedap hati Yang Berhormat.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Saya tahu. Cuma, saya tidak boleh beri harapan yang terlalu mengungg.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah. Bawa balik.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Baik, Tuan Yang di-Pertua. Baiklah, saya bawa balik.

Okey, Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan yang telah dibangkitkan oleh sebenarnya Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie dan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, sememangnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program SRP ini telah diumumkan semasa Belanjawan 2011 yang mana yuran jaminan ini kepada Cagamas ditanggung oleh kerajaan, dan kemudiannya Cagamas pula menyediakan jaminan supaya pembeli rumah mendapat amaun pinjaman yang lebih tinggi daripada institusi kewangan.

Sepanjang tempoh pelaksanaan program SRP, sebanyak RM19.9 bilion nilai pembiayaan telah memberi manfaat kepada 86,708 orang peminjam. Namun begitu, tarikh tutup permohonan SRP telah ditetapkan pada 31 Mac 2023.

Jadi, walaupun program SRP ini tidak diteruskan pada tahun 2023, KPKT sebenarnya telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu pembeli rumah seperti berikut: pertama, di bawah kerjasama Kementerian Kewangan menerusi Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia ataupun i-Biaya. Salah satu inisiatif ini Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) iaitu berbeza dengan konsep SRP ini. Ini merupakan pembiayaan perumahan tanpa perlu membayar wang pendahuluan yang ditawarkan kepada golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau kumpulan *gig economy*. Jadi, sebenarnya SJKP ini lebih bersasar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, melalui Belanjawan Madani 2023 melalui SJKP ini juga, kerajaan bersedia menjamin nilai pinjaman sehingga RM5 bilion bagi memanfaatkan 20,000 orang peminjam perumahan khususnya pembeli rumah pertama. Kebiasaannya, SJKP ini dulu kalau tiga, empat tahun kebelakangan ini, paling tinggi RM2 bilion. Jadi, kali ini kita tingkatkan sehingga RM5 bilion.

Di bawah skim ini juga, sebanyak 16,808 pinjaman pembiayaan telah diluluskan. Sejumlah 65.11 peratus pemohon yang berjaya adalah dalam julat umur 35 tahun ke bawah. Nilai keseluruhan pembiayaan yang telah diluluskan oleh SJKP sehingga hari ini adalah sebanyak RM2.32 bilion.

Jadi, jaminan yang diberikan juga kepada mereka yang layak dan memenuhi syarat-syarat itu juga boleh mencecah 100 peratus daripada jumlah pinjaman yang mereka perlukan. Jadi, isu yang terkait itu, bagi saya, ada ruang sebenarnya untuk kita membantu kumpulan pembeli rumah pertama.

Kedua pula, inisiatif di bawah i-MILIKI ini merupakan pengecualian sepenuhnya duti setem bagi rumah bernilai RM500,000 ke bawah dan pengecualian duti setem sebanyak 75 peratus- ini peningkatan. Kalau dulu 50 peratus, yang ini 75 peratus bagi rumah bernilai RM500,000 sehingga RM1 juta. Harap ini dapat memberi pencerahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kalau saya dapat kembali pada isu perumahan yang ketiga, yang sepatutnya adalah berkaitan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bagi mendapat maklum balas dalam isu rumah lewat, sakit dan juga terbengkalai.

Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee bertanya secara spesifik jumlah rumah kos rendah atau kos sederhana yang sebenarnya terbengkalai atau sakit di Malaysia. Berdasarkan rekod Jabatan Perumahan Negara (JPN) sehingga 28 Februari 2023, projek sakit dan terbengkalai bagi rumah yang berharga di bawah RM150,000 iaitu sebanyak 14 projek sakit iaitu 2,218 unit, manakala 60 buah projek terbengkalai iaitu 14,582 unit rumah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, KPKT ketika ini sedang menyusun kembali supaya tindakan itu lebih berstrategik dan bersasar melalui penubuhan *taskforce* projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai. Seperti mana yang saya telah menjawab dalam Dewan Negara yang mulia ini, empat elemen yang kita tumpukan iaitu soal pengenalpastian, penyelesaian, pencegahan dan cadangan model ke hadapan. Perinciannya saya telah bangkitkan sebelum ini.

Cuma, ada lagi yang boleh saya terangkan bahawa minggu ini juga kita akan menyelesaikan soal untuk melibatkan lebih banyak pihak termasuk kerajaan negeri melalui kerjasama pintar supaya usaha untuk menyelamatkan ini- kerana ada negeri-negeri yang sebenarnya telah lebih bersungguh-sungguh. Kalau saya boleh sebut dalam Dewan ini, antara negeri yang telah mempunyai jawatankuasa khas untuk projek sakit, dan terbengkalai iaitu negeri Johor dan Selangor. Manakala negeri-negeri lain ini masih bersifat runcit dan projek.

Jadi, yang ini memang kita akan umumkan kerjasama yang lebih erat dengan peringkat negeri dengan pengharapan supaya peringkat negeri juga akan mengambil inisiatif yang lebih menyeluruh kerana bila berlaku projek sakit ataupun terbengkalai, ia juga meliputi, mencakupi ataupun merangkumi kuasa-kuasa di bawah kerajaan negeri seperti soal kelulusan projek, soal utiliti dan sebagainya.

Seterusnya, kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua. Tadi isu rumah. Kalau dalam tempoh 30 saat ini, saya tidak tahu boleh sempat atau tidak. Soal kesejahteraan komuniti. Yang Berhormat ada bertanya soal, walaupun agak *general*, isu bantuan kerajaan kepada mangsa banjir. Ringkas sahaja. Di bawah KPT pun kita ada, untuk makluman Yang Berhormat, iaitu kita ada Program Baik Pulih Rumah Di Bandar yang mana kadar bantuan yang ditetapkan untuk program ini adalah sebanyak RM15,000 di Semenanjung dan RM17,000 di Sabah dan Sarawak.

Jadi, sekiranya ada Yang Berhormat tahu rumah yang perlu kita bantu untuk perbaiki, boleh panjangkan permohonan melalui pihak berkuasa tempatan. Saya rasa itu sahaja masa yang telah diberikan kepada saya. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab, *insya-Allah*, saya akan pastikan jawapan itu sampai secara bertulis dalam tempoh lima hari bekerja. Sekian, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh sebab Kementerian Pertahanan memaklumkan kepada saya bahawa ia tiada hal yang timbul untuk dijawab, maka tidaklah dipanggil kementerian tersebut pada saat ini.

Oleh itu, kita teruskan tanggungjawab menjawab soalan dan menghurai oleh menteri-menteri kepada Kementerian Kerja Raya.

**1.28 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berkenan menyampaikan Titah Diraja di Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Majlis Parlimen Kelima Belas.

Patik menzahirkan rasa syukur atas hikmah kebijaksanaan yang dizahirkan oleh Baginda Tuanku bagi memastikan terbelanya nasib bangsa dan negara, keprihatinan dan kebijaksanaan Baginda Tuanku membuat keputusan yang tepat mempertahankan keluhuran Perlembagaan demi keutamaan kestabilan ekonomi, politik dan kemakmuran masyarakat majmuk agar terus terpelihara di Malaysia. Menjunjung kasih Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja 2023 menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya sepanjang sesi perbahasan yang lalu. Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan itu. Saya akan menggunakan kesempatan ini dengan sebaik mungkin bagi memberikan jawapan bagi setiap persoalan dan cadangan Ahli Yang Berhormat Senator tersebut.

■1330

Saya mulakan dengan tajuk Lebuhraya Pan Borneo yang mendapat perhatian khusus Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris; dan Ahli Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris dan Ahli Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose telah membangkitkan isu penyiapan projek Lebuhraya Pan Borneo.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Projek Lebuhraya Pan Borneo merupakan kaedah penyelesaian jangka masa panjang yang sedang dilaksanakan kerajaan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang selamat dan selesa di negeri Sabah. Projek ini merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk memperbaiki dan menaik taraf jalan persekutuan yang sedia ada, khususnya Laluan 1, Laluan 22 dan Laluan 13 yang telah uzur dan berada dalam kondisi tidak tersenarai dalam untuk dibaiki. Ini termasuklah penyediaan lampu jalan, kemudahan pusingan, pusat rehat dan rawat, dan hentian sebelah.

Di samping itu juga, Kementerian Kerja Raya melalui JKR Sabah selaku pegawai penguasa projek akan melaksanakan pemeriksaan terhadap kualiti kerja secara berkala untuk memastikan kontraktor sentiasa mematuhi skop pembinaan seperti dalam konteks. Usaha-usaha ini mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan rangkaian infrastruktur jalan raya yang terancang, sistematik dan efisien khususnya kepada rakyat Sabah.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose juga turut membangkitkan isu perparitan antara perkampungan dan projek LPB Sabah. Pihak kementerian melalui JKR Sabah selaku pegawai penguasa projek mengambil maklum aduan tersebut terhadap saiz parit yang sempit serta tidak membenarkan penduduk setempat untuk membuat penyambungan parit ke sistem perparitan Lebuhraya Pan Borneo Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, fungsi utama sistem perparitan jalan ini adalah untuk mengalirkan air daripada permukaan dan di bawah struktur jalan untuk mengekalkan kestabilan dan ketahanan jalan. Selaras dengan seksyen 85(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], parit daripada perumahan atau kampung tidak dibenarkan disambungkan terus ke parit jalan raya, melainkan jika terdapat kelulusan daripada majlis daerah setempat, meneliti plan pembangunan yang dikemukakan oleh pemohon.

Secara keseluruhannya, LPB Sabah ini telah direka, dibentuk oleh kepakaran tempatan, khususnya jurutera-jurutera dan juruperunding-juruperunding Sabah yang berkecualan dengan mengambil kira aspek kejuruteraan serta memenuhi kriteria pihak Jabatan Pengairan dan Saliran bagi memastikan jalan raya baharu yang dibina tidak akan menyebabkan masalah banjir yang lebih teruk di satu-satu kawasan. Pihak kerajaan juga sentiasa memantau dan sekiranya perlu, menyemak semula reka bentuk sistem perparitan berdasarkan kepada keadaan-keadaan semasa dan maklum balas penduduk.

Di samping itu juga, JKR Sabah selaku pegawai penguasa projek akan melaksanakan pemeriksaan terhadap kualiti kerja secara berkala untuk memastikan kontraktor sentiasa mematuhi skop pembinaan seperti mana dalam kontrak. Usaha-usaha ini mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan rangkaian infrastruktur jalan raya yang terancang, sistematik dan efisien buat rakyat Sabah, khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew membangkitkan isu berkenaan jalan perhubungan antara Miri ke Niah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, jalan yang dimaksudkan dari Miri ke Niah adalah sebahagian daripada skop kerja Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Buat masa ini, kerja-kerja menaik taraf jalan tersebut daripada dua buah lorong kepada empat buah lorong masih dilaksanakan dan dijangka akan siap selewat-lewatnya September 2023. Oleh itu, dimohon kesabaran Ahli Yang Berhormat dan pengguna jalan raya yang lain dalam tempoh tersebut sehingga kerja-kerja pembinaan siap sepenuhnya.

Bagi cadangan pembinaan laluan kereta api menyambungkan pantai barat ke pantai timur dan seterusnya ke Nusantara, Kalimantan, perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Sehubungan dengan itu, Ahli Yang Berhormat bolehlah memanjangkan cadangan tersebut bagi pertimbangan lanjut Kementerian Pengangkutan.

Berkenaan dengan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada tajuk ini iaitu lebuhraya melibatkan Semenanjung Malaysia. Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff dan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail telah menanyakan berkenaan berkaitan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya telah menubuhkan satu pasukan bagi membincangkan penyata kehendak untuk meneliti isu-isu seperti skop-skop kerja, penentuan jajaran, anggaran kos dan lain-lain hal teknikal berkaitan cadangan projek LPT3. Cadangan projek LPT3 tersebut akan dilaksanakan secara kerjasama awam-swasta setelah penyata kehendak selesai dimuktamadkan.

Cadangan projek ini seterusnya akan diangkat ke Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Bagi proses untuk permohonan bagi cadangan, akan diiklankan secara tender terbuka kepada syarikat-syarikat konsesi yang berminat untuk melaksanakan projek berkenaan.

Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff membangkitkan tentang isu jalan raya ke lokasi peranginan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, semakan kementerian ini mendapati bahawa jalan-jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator iaitu jalan raya ke lokasi peranginan Pantai Pulau Nami, Pantai Impian, Pantai Kemayang, Pantai Melawi dan Pantai Aur di Kelantan merupakan jalan negeri. Oleh yang demikian, perancangan bagi membangunkan jalan-jalan tersebut adalah di luar bidang kuasa kementerian kami.

Ahli Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol telah membangkitkan tentang penyelenggaraan Jalan Sangan ke Nanga Merit. Bagi penyelenggaraan Jalan Sangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator adalah terletak di bawah kuasa jalan negeri. Kementerian ini hanya bertanggungjawab dalam pemantauan dan penyelenggaraan jalan persekutuan sahaja. Manakala bagi penyelenggaraan jalan negeri, ia adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, sekian sahaja ucapan penggulungan saya mengenai mereka yang menyentuh di bawah Kementerian Kerja Raya. Segala teguran dan cadangan akan diambil perhatian sewajarnya oleh pihak kementerian. Kami merakamkan ucapan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator khususnya Tuan Yang di-Pertua kerana telah mengizinkan kami menyampaikan segala yang telah dibangkitkan oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kembali dan diucapkan terima kasih juga atas usaha memberi huraian tersebut.

Kementerian Pendidikan, sila.

### 1.38 ptg.

**Menteri Pendidikan [Puan Fadhlina binti Sidek]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan merafak sembah dan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah yang telah disampaikan dalam Istiadat Pembukaan Parlimen bagi Penggal Kedua tahun 2023.

KPM selanjutnya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya difahamkan ada 19 orang Ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang telah mengambil bahagian dalam memberikan pandangan, saranan, teguran yang konstruktif dan cadangan dalam pelbagai konteks, khususnya yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung Titah Diraja pada tengah hari ini, saya berhasrat untuk menumpukan penggulungan ini kepada lima kluster Ahli Yang Berhormat sekalian iaitu guru, pembangunan dan infrastruktur, kurikulum dan pembelajaran murid, dasar-dasar pendidikan serta pengoperasian institusi pendidikan. Terdahulu, saya Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa, biasanya saya akan ambil kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan untuk memastikan bahawa mereka berada dalam Dewan. Jika tidak ada dalam Dewan Tuan Yang di-Pertua, saya akan berikan jawapan secara bertulis.

### ■1340

Tuan Yang di-Pertua, menerusi tujuh teras nadi keunggulan KPM, kebajikan guru sentiasa menjadi keutamaan dan KPM telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan bahawa kebajikan guru dan juga berkaitan dengan tugas dan beban guru ini sentiasa menjadi keutamaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Amir bin Ghazali tidak ada dalam Dewan. Saya *skip* dengan izin. Saya berikan jawapan kemudian, Tuan Yang di-Pertua. Boleh begitu?

Baik, saya pergi kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew ada di hadapan saya. Membangkitkan tentang guru baharu yang tidak melaporkan diri di negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 17,410 orang guru baharu yang ditempatkan ke negeri Sarawak pada tahun 2012 hingga 2021. Daripada jumlah tersebut, seramai 430 orang guru baharu telah menolak tawaran penempatan ke negeri Sarawak. Di samping itu, pada tahun 2022 hingga Mac 2023, seramai 230 permohonan pertukaran guru keluar dari Sarawak telah diluluskan daripada sejumlah 1,386 permohonan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bilangan guru di Sarawak yang telah meletak atau melepaskan jawatan dari tahun 2015 sehingga Mac 2023 adalah seramai 278 orang. Manakala guru yang telah memohon untuk bersara pilihan di Sarawak dari tahun 2015 hingga Mac 2023 adalah seramai 878 orang.

Ahli Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad ada? Tidak ada.

Yang Berhormat seterusnya Yang Berhormat Tuan Robert sekali lagi telah menyentuh berkaitan kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat empat buah kampus IPG di negeri Sarawak daripada jumlah keseluruhan 27 buah kampus. IPG tersebut ialah IPG Kampus Batu Lintang, IPG Kampus Tun Abdul Razak, IPG Kampus Sarawak, dan IPG Kampus Rajang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratus anak Sarawak yang berada di empat buah kampus tersebut sebanyak 60.05 peratus. Ini menunjukkan bahawa penempatan anak-anak Sarawak di empat buah IPGK melebihi 50 peratus mengikut bidang pengkhususan masing-masing.

Ahli Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair rakan saya. Ada dalam Dewan? Ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia melambai tadi tu.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Beliau telah menyentuh tentang pembelajaran murid terutama di Sekolah Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM komited dalam menyediakan pendidikan untuk semua murid tanpa mengira jenis sekolah serta lokasi pendidikan dan juga taraf pendidikan ataupun keluarga kanak-kanak ini. Bagi merealisasikan komitmen ini, saya yakin guru-guru yang mengajar semua jenis sekolah...

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya. Boleh tanya?

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Boleh...

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Boleh saya habiskan yang ini? Ini jawapan untuk soalan yang Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, ataupun yang lepas?

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Ini ada kaitan dengan luar bandar.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Apakah dia?

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Ini ada kaitan dengan pelajar-pelajar kita yang ada empat segmen. Satu, di pedalaman, luar bandar, semi bandar dan bandar.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua bagi saya habiskan jawapan saya terlebih dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Baik, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi merealisasikan komitmen ini, saya yakin guru-guru yang mengajar di semua jenis sekolah di bawah KPM mempunyai pengetahuan pedagogi yang mantap.

Justeru, KPM sentiasa memberi tumpuan dalam tiga aspek iaitu pemantapan di peringkat pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan, pemerkasaan profesionalisme dan kelestarian kesejahteraan. Menerusi pembangunan profesionalisme berterusan, kualiti guru yang mengajar di kesemua sekolah di bawah KPM akan sentiasa dipertingkatkan selaras dengan keperluan semasa. Ini akan memastikan bahawa semua guru di semua sekolah khususnya di semua sekolah KPM berkualiti, kompeten dan kekal bermotivasi dalam menjalankan tugas.

Selain daripada kualiti guru dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran, sumber pendidikan yang berkualiti memainkan peranan untuk meningkatkan penguasaan, pengetahuan, kemahiran serta pemupukan sikap dan nilai murni murid. KPM menyediakan sumber pendidikan yang pelbagai, interaktif dan menyeronokkan bagi memperluaskan peluang murid untuk belajar, meningkatkan motivasi dan prestasi dalam usaha membangunkan potensi serta bakat mereka secara menyeluruh kepada semua sekolah di bawah KPM.

Kita sentiasa, Ahli Yang Berhormat, berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran yang sama rata termasuklah murid di kawasan luar bandar dan pedalaman serta kumpulan murid B40 dengan menyediakan sumber pendidikan dalam pelbagai format yang mengambil kira kebolehcapaian dan akses murid kepada sumber pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk bagi laluan kepada rakan saya sebentar tadi untuk mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab beberapa perkara yang diutarakan dengan sempurna. Jadi, di sini saya ingin mengesyorkan dan memberi sedikit cadangan dalam pendemokrasian pendidikan liberalisasi pendidikan yang kita capai sekarang.

Cumanya, dalam tahun ini dan tahun lepas, saya melihat bila Yang Berhormat Menteri menyebut kita melahirkan guru-guru yang kompeten, anak-anak yang bakal dikeluarkan daripada sekolah kompeten. Saya ingin bertanya, sama ada Kementerian Pendidikan bersinergi dengan kementerian-kementerian lain untuk *upgrade* kan Internet di luar bandar. Dalam sistem kita di Malaysia, kita ada pedalaman- *interior* di Sabah dan Sarawak. Di luar bandar, di semi bandar dan bandar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh buat soalan tetapi tidak boleh buat ucapan.

**Datuk Dr. Azhar bin Ahmad:** Baik, jadi saya ingin mengesyorkan, memberi cadangan mempersoalkan semasa tempoh COVID-19 hari itu betapa susahnyanya guru-guru, anak-anak kita yang lari ke pokok sana, pokok sini untuk mendapatkan Internet dalam Malaysia yang baharu.

Jadi, saya mengesyorkan Kementerian Pendidikan walaupun saya tahu Kementerian Pendidikan tidak boleh buat seorang. Dia mesti bersinergi dengan semua kementerian untuk *upgrade* kan kita punya sistem Internet. Jadi, barulah dikatakan kompeten. Jadi saya cadangkan mengesyorkan agar Internet di luar bandar mesti didahulukan sebelum perkara-perkara lain kita bercakap yang pastinya kita mesti menjadi *priorities* kepada pendemokrasian pendidikan di luar bandar dengan mengakses Internet ke tahap yang cemerlang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad atas syor dan juga pandangan yang bagi saya cukup konstruktif.

Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya untuk memberikan sedikit jawapan daripada peringkat KPM berkaitan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tersebut. Pertamanya, saya ingin tegaskan bahawa bagi tujuan memperbaiki infrastruktur, ekosistem yang terkait rapat dengan Internet ini memang KPM bekerjasama dengan rapat bersama dengan kementerian-kementerian yang lain khususnya Kementerian Komunikasi dan Digital. Itu yang pertama.

Kedua, Ahli Yang Berhormat, senario Yang Berhormat kongsi khususnya terkait dengan COVID-19 ketika itu. Itu ialah keperluan yang dibuat ataupun pendekatan yang dibuat ketika itu tanpa dasar pendidikan digital negara. Akan tetapi hari ini Yang Berhormat, untuk memastikan infrastruktur murid yang sudah pun fasih digital dan memastikan berterusan proses memastikan guru-guru kita ini juga fasih digital, jadi KPM akan memuktamadkan dalam masa terdekat dasar pendidikan digital bagi memastikan keseluruhan ekosistem pendidikan digital ini akan menjadi lebih kukuh dan memastikan tiada kesenjangan dalam konteks khususnya Internet dan juga bahan-bahan yang terkait rapat dengan pendidikan digital.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat Menteri menyambung, saya sekadar untuk mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang Peraturan Mesyuarat 36 iaitu yang mengatakan jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh Ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah. Jadi Yang Berhormat fikirlah bila ada teguran itu hendak beralah ke tidak. Oleh sebab kita jarang menengok kitab mesyuarat ini. Saya bawa ke perhatian kita. Sekiranya Yang Berhormat itu membenarkan, elok disoal dengan jelas. Sila.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya ingin menjawab Ahli Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen, ada dalam Dewan? Tidak ada. Baik.

Sekali lagi Ahli Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair turut membangkitkan tentang kesejahteraan murid dalam konteks Malaysia MADANI.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan Malaysia MADANI yang ditunjangi oleh Kerajaan Perpaduan berteraskan Enam Rukun Madani sebagai penanda arah dalam menentukan hala tuju negara.

#### ■1350

Secara umumnya, Malaysia MADANI merupakan panduan dan ikhtiar secara bersepadu dan holistik sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi. KPM menyambut baik perancangan hala tuju Malaysia Madani dengan menggariskan tujuh buah teras utama nadi keunggulan KPM dan salah satu sebagai daripada tujuh- teras tersebut, memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah ataupun, dengan izin, iaitu pembentukan adab, akhlak dan integriti bagi mewujudkan suasana harmoni serta menjadi panduan KPM dalam memastikan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam buku Malaysia Madani itu dengan akronim 'MADANI' itu, setiap akronim MADANI itu menyentuh tentang pendidikan. Jadi saya sarankan Yang Berhormat Dato' Kesavadas untuk bersama dengan saya, untuk membaca kembali setiap akronim itu yang menyentuh sisi-sisi pendidikan yang bagi saya memberikan banyak pandangan yang cukup penting dan signifikan, untuk bagaimana kita mengaplikasikan konteks madani itu dalam bidang pendidikan.

Ahli Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan, membangkitkan tentang mengelompokkan mata pelajaran mengikut aliran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan KSSM pada tahun 2017 mengambil kira hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, yang melakarkan aspirasi murid bagi memenuhi keperluan negara.



Sehubungan dengan itu, KPM bertanggungjawab membangunkan potensi murid berdasarkan kecenderungan minat dan kebolehan. Perkara ini memerlukan akses kepada gabungan mata pelajaran yang menarik dan berdaya maju sebagai pilihan laluan akademik atau kerjaya setiap murid. Gabungan mata pelajaran yang ditawarkan adalah bidang STAM, bahasa, pengajian Islam serta sastera ikhtisas dan kemanusiaan.

Walau bagaimanapun, pihak sekolah boleh membenarkan permohonan murid untuk mengikuti mata pelajaran lain tertakluk kepada kesediaan guru dan prasarana yang terdapat di sekolah. Pihak sekolah boleh membenarkan permohonan murid untuk mengikuti mata pelajaran lain tertakluk kepada kesediaan guru dan juga prasarana tersebut. KPM sentiasa meneliti semua- kelompok mata pelajaran untuk ditawarkan dalam kokurikulum baharu yang akan datang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita juga sentiasa memastikan anak murid kita ini mendapat bimbingan daripada guru-guru dalam proses menentukan hala tuju, karier, minat, kecenderungan dan potensi mereka. Jadi Yang Berhormat, walaupun dalam konteks kita melihat kepada mata pelajaran itu harus bersifat berdaya maju, harus progresif tetapi ia juga dengan panduan daripada guru bimbingan dari semasa ke semasa.

KPM juga sentiasa bersedia untuk meneliti semula dari semasa ke semasa keperluan-keperluan yang terkait rapat dengan kokurikulum ini dan juga keperluan-keperluan semasa yang menuntut anak-anak murid kita ini lebih berdaya saing dan juga mengikut keperluan semasa. Silakan Yang Berhormat.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Mohon mencilah, Tuan Yang di-Pertua. Antara juga perkara yang saya timbulkan dalam soal pengelompokan ialah soal dikotomi. Pengasingan sehingga pelajar sains seolah-olah gersang daripada penghayatan pada keluhuran sastera. Pelajar sastera pula seolah-olah gersang perhatian daripada sains. Saya fikir ini satu fenomena yang sangat buruk untuk masa depan anak didik kita supaya menjadi insan, sosok yang bersepadu.

Jadi kalau dapat juga perkara ini, Yang Berhormat jelaskan langkah-langkah supaya jangan berlaku dikotomi. Aliran tidak apa, tetapi jangan sampai yang sastera tidak tahu sains, yang sains tidak tahu sastera. Ini sangat melanggar fitrah insan, terima kasih.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Terima kasih Yang Berhormat, saya ambil perhatian penuh terhadap saranan Yang Berhormat tersebut. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Akmaz Ehtook, ada? Tidak ada rugi- hendak jawab soalan dia ini. Tidak ada juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Akmaz tidak hadir.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Tidak ada, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Agaknya dalam antara hendak dan belum.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** [Ketawa] Baik Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan Ahli Yang Berhormat Tuan Mohd Hasbie bin Muda. Sentiasa muda dalam Dewan... ada? Baik.

Yang Berhormat mencadangkan agar literasi kewangan didedahkan daripada peringkat awal. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pendidikan kewangan merupakan elemen pendidikan yang telah diberi perhatian sejak tahun 2012 oleh KPM.

Elemen pendidikan kewangan telah wujud melalui penerapan enam standard cilik kewangan secara langsung dan merentas kokurikulum dalam semua mata pelajaran melalui dokumen standard kokurikulum dan pentaksiran sekolah rendah dan menengah, serta kokurikulum standard pra sekolah kebangsaan melalui tahun 2017.

Ahli-ahli Yang Berhormat, enam standard tersebut merupakan wang, sumber pendapatan dan kerjaya, tanggungjawab dan membuat keputusan kewangan, pengurusan dan perancangan kewangan, simpanan dan pelaburan, pengurusan kredit dan hutang serta pengurusan risiko, perlindungan dan insurans bermula dari Tahun 1 sehingga Tingkatan 5 secara berperingkat.

Kalau Ahli Yang Berhormat masih ada anak di sekolah boleh periksa sama ada proses ini, semua enam standard ini berlaku atau tidak dalam bermula dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 secara berperingkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa memastikan enam standard celik kewangan ini diintegrasikan dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran mengikut topik, tema dan bidang yang bersesuaian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Husain bin Awang, ada dalam Dewan...? Ada, *alhamdulillah*. KPM ingin menjelaskan bahawa kokurikulum mata pelajaran berkaitan dengan Pendidikan Islam digubal untuk membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah yang berilmu, beriman, bertakwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan sunah serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara demi kesejahteraan dunia dan akhirat.

Kandungan kokurikulum Pendidikan Islam juga berfokuskan kepada ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan untuk memastikan amalan yang baik dipraktikkan oleh setiap individu murid dalam kehidupan seharian dan bukan hanya tertumpu kepada peperiksaan semata-mata. Selaras dengan hasrat kementerian untuk melahirkan anak yang baik lagi cerdik yang mempunyai keteguhan rohani, keterampilan diri, sahsiah terpuji, kemantapan jati diri dan mampu mendepani cabaran masa hadapan berdasarkan aspek karamah insaniah.

KPM juga menyediakan Modul Pembentukan Karakter dan Nilai (MPKN) yang merupakan bahan sokongan kepada guru Pendidikan Islam bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam proses PdP. Ia dibina berdasarkan Dokumen Standard Kokurikulum dan Pentaksiran selaras dengan 16 nilai murni yang diperakui oleh Jawatankuasa Pendidikan Akhlak 1976 dan nilai khusus dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komponen yang terdapat dalam Pendidikan Islam khususnya terdiri daripada al-Quran, hadis, akidah, ibadah, sirah, adab dan jawi bagi sekolah rendah. Manakala sekolah menengah terdiri daripada al-Quran, hadis, akidah, fiqah, sirah dan ketamadunan Islam serta akhlak. Kesemua bidang ini bertujuan melahirkan warganegara yang baik selari dengan keperluan falsafah pendidikan negara yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, sosial dan intelek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPM sentiasa melaksanakan pengesanan dan penilaian berterusan terhadap murid bagi menilai keberkesanan dan kesesuaian kokurikulum yang sedang diguna pakai. Sebagai contoh Ahli Yang Berhormat, penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) dilaksanakan secara berterusan bermula daripada peringkat rendah ke menengah.

PBD juga dilaksanakan bagi menilai akhlak dan tingkah laku secara pemerhatian semasa PdP dan kita juga melakukan pelbagai libat urus dengan pemegang taruh bagi mendapat maklum balas secara berterusan untuk tujuan penambahbaikan serta kesesuaian kandungan dan pelaksanaan kurikulum sedia ada.

Walau bagaimanapun ingin saya ingatkan kepada semua bahawa untuk memastikan keberkesanan pendidikan Islam secara menyeluruh, peranan ibu bapa di rumah Ahli Yang Berhormat, juga penting serta komuniti supaya apa yang diterapkan, apa yang kami ajar di dalam kelas dapat diamalkan dan disambut oleh ibu bapa dan dibudayakan di rumah sebagai teras untuk menerapkan nilai-nilai Islam yang baik di rumah khususnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat rakan saya juga Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff, membangkitkan tentang mewajibkan bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Manakala Ahli Yang Berhormat Prof. Datuk Seri Awang bin Sariyan, menyentuh tentang pemeraksanaan bahasa kebangsaan sebagai tunjang kepada ilmu dalam sistem pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahasa Melayu merupakan bahasa penghantar utama di semua institusi pendidikan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan selaras dengan subseksyen 17(1), Akta Pendidikan 1996. Walaupun Bahasa Melayu bukan bahasa penghantar di sekolah jenis kebangsaan, namun Bahasa Melayu masih menjadi mata pelajaran teras di sekolah tersebut.

Selain itu, Bahasa Melayu juga merupakan mata pelajaran wajib lulus di peringkat SPM. Di samping itu, Bahasa Melayu merupakan bahasa penghantar di semua sekolah swasta yang melaksanakan kurikulum kebangsaan.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Boleh saya mencelah Yang Berhormat.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Bagi sekolah antarabangsa pula...

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Boleh saya mencelah sedikit?

**Menteri Pendidikan [Puan Fadhlina binti Sidek]:** Silakan Yang Berhormat.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Gagasan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Aspek yang mana itu Yang Berhormat?

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Tentang Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan. Adakah rancangan Kementerian Pendidikan untuk melakukan satu unjuran supaya ada peningkatan peratusan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar di sekolah jenis kebangsaan, bukan hanya sebagai mata pelajaran, supaya beransur-ansur Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa negara milik pemegang MyKad dan MyKid itu menjadi bahasa utama dalam sistem pendidikan.

Bahkan bermula dengan 30 peratus, 50 peratus dan sebagainya dalam semua mata pelajaran merentas. Barulah ertinya Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu itu merentas. Itu yang pertama.

#### ■1400

Kedua, hakikat yang juga perlu diperhatikan ialah soal adanya dwistandard, iaitu silibus atau sukatan pelajaran dan buku teks mata pelajaran Bahasa Melayu untuk SK berbeza daripada sukatan dan buku teks Bahasa Melayu SJK. Jadi, kalau ini berlaku berterusan, kita akan sentiasa memiliki dwistandard. Jadi, patutnya anak-anak bukan Melayu, walaupun di sekolah jenis kebangsaan, akhirnya mencapai keterampilan bahasa Kebangsaannya, setaraf dengan anak SK. Saya harap ini diberi perhatian. Terima kasih.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Jawapan untuk Ahli Yang Berhormat itu saya fikir saya ambil perhatian penuh. Memandangkan memang Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan yang saya hendak jawab ini juga saya hendak sentuh tentang walaupun sekolah antarabangsa Bahasa Melayu diajar sebagai mata pelajaran wajib kepada murid warganegara Malaysia tetapi mata pelajaran Bahasa Melayu ini terbuka untuk dipelajari oleh murid warganegara asing di sekolah antarabangsa.

Jadi, kita sudah pun memulakan proses ini Ahli Yang Berhormat, untuk memastikan bahawa sebagaimana anjuran Yang Berhormat tadi bahawa ia turut harus dilihat dalam konteks yang lebih besar, bahawa penguasaan ini bukan setakat pengantar tetapi juga boleh menjadi bahasa di antara semua yang berada di tanah Malaysia ini.

Berkaitan dengan silibus ini Yang Berhormat, saya ingin tegaskan bahawa silibus Bahasa Melayu untuk semua sekolah standard, sama. Akan tetapi, yang membezakannya iaitu kedalaman, itu sahaja yang membezakannya, ke dalam pengajarannya, kedalaman penguasaannya, silibus sama. Kita pertahankan silibus itu sama, tetapi kedalaman itu kita bagi ruang kepada guru-guru untuk melihat kepada keupayaan, kemampuan anak-anak ini menguasai Bahasa Melayu yang saya fikir untuk setakat ini kita tidak pernah kompromi dalam soal kualiti dan juga standard Bahasa Melayu di mana-mana sekolah pun.

Ahli Yang Berhormat, KPM melalui Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan pelbagai usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, KPM telah mengambil pelbagai usaha untuk meningkatkan keupayaan penguasaan Bahasa Melayu di kalangan murid termasuklah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekadar untuk menimbulkan apa yang masih jelas, Yang Berhormat Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan itu Pengerusi Lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Ya, sebab itu saya ambil serius Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beliau boleh bisik sahaja dekat Yang Berhormat sebagai dalam satu kementerian.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Akan tetapi penting juga untuk dimaklumkan di dalam Dewan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Betapa seriusnya kita Tuan Yang di-Pertua tentang Bahasa Melayu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.*

**Puan Fadhlina binti Sidek:** Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi, pelbagai inisiatif telah kita laksanakan termasuklah dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025. Penggubalan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KBSM) untuk menyetarakan penguasaan dan pemerolehan Bahasa Melayu dalam kalangan penutur, kursus peningkatan profesionalisme Guru Bahasa Melayu, ini juga antara lain, kita juga meningkatkan Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru iaitu Kursus Pembinaan Munshi Dewan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dan Munshi Muda daripada INTAN. Menerbitkan bahan rujukan, buku panduan dan pedoman Bahasa Melayu yang boleh digunakan oleh murid dan guru, membangunkan Jendela DBP sebagai pelantar pusat sehentian digital.

Di samping itu Ahli Yang Berhormat, menerusi Belanjawan 2023 juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM20 juta sebagai usaha untuk mempergiat aktiviti terjemahan karya Bahasa Melayu. KPM yakin usaha untuk memperkukuhkan penguasaan Bahasa Melayu ini sentiasa akan dimartabatkan dari semasa ke semasa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga soalan yang berkaitan dengan Tuan Amir tidak ada, Datuk Dominic ada...? Ada.

Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic telah bertanya dan mencadangkan pemansuhan pendidikan Tingkatan 6 dan menggantikannya dengan program matrikulasi. Masa saya sudah tamat Tuan Yang di-Pertua, belum lagi? Ada lagi 25 saat. Okey, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan Tingkatan 6 merupakan salah sebuah laluan pendidikan lepasan menengah yang ditawarkan oleh KPM selaras dengan Akta Pendidikan 1996.

Ini bermakna Yang Berhormat, pendidikan Tingkatan 6 ini adalah selaras dengan Akta Pendidikan dan diberikan jaminan di bawah Akta Pendidikan bahawa pendidikan Tingkatan 6 ini mesti wujud untuk diteruskan.

Kewujudan Tingkatan 6 bertujuan untuk memastikan semua murid di peringkat menengah- Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan untuk jawapan ini. Peringkat menengah atas yang mengikuti pendidikan tersebut menerima kelayakan setanding dengan piawaian antarabangsa iaitu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.

Untuk makluman, STPM diiktiraf oleh *Cambridge Assessment International Education* dengan izin, untuk kemasukan ke universiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan Tingkatan 6 mempunyai matlamat dan sasarannya yang tersendiri berbanding program pendidikan lepas menengah bawah KPM termasuk Program Matrikulasi serta Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Malaysia.

Pendidikan Tingkatan 6 bermatlamat untuk memperluaskan akses pendidikan lepas menengah kepada murid-murid menerusi 643 buah pusat Tingkatan 6 pelbagai mod di seluruh negara. Memandangkan sambutan yang sangat menggalakkan, KPM akan memperluaskan lagi Kolej Tingkatan Enam pada tahun 2023 di Pahang dengan pembukaan Kolej Tingkatan Enam Astana, Kuantan dan Kolej Tingkatan Enam Seri Lipis, Pahang. Di samping itu, sebuah Kolej Tingkatan Enam di negeri Kelantan telah diluluskan peruntukan pembinaan dalam RMKe-12.

Semua universiti awam Malaysia mengiktiraf STPM, manakala lebih daripada 2,000 buah universiti di seluruh dunia juga mengiktiraf kelayakan STPM. Pelajar lepasan STPM berpeluang melanjutkan pelajaran ke luar negara seperti Amerika Syarikat, semua negara Komanwel serta negara Timur Tengah. Untuk itu, tidak ada keperluan ketika ini untuk KPM memansuhkan Tingkatan 6.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas semua yang telah pun meluangkan masa untuk memberikan pandangan-pandangan dalam Titah Diraja ini. Bagi yang tidak sempat saya jawab secara lisan pada hari ini, saya akan bekalkan jawapan secara bertulis Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumusalam* dan terima kasih kembali atas jawapan tersebut kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Sekarang sepatutnya kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tetapi oleh sebab tiada hal yang disabitkan soalan dengan kementerian itu, ia dilangkau. Terus kepada Kementerian Pendidikan Tinggi.

## 2.07 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Mohammad Yusof bin Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan pendidikan tinggi sepanjang sesi perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Bagi menjawab dan mengulas segala perkara yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan pada 21 Mac 2023 hingga 23 Mac 2023, saya akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat satu persatu.

Pertama, pertanyaan diajukan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew, ada? Mengenai bilangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk Politeknik dan Kolej Komuniti yang terletak di Wilayah Borneo.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 11 buah universiti awam di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lima universiti awam yang berada di Sarawak terdiri daripada tiga cawangan UiTM iaitu: UiTM Kampus Mukah; UiTM Kampus Samarahan; dan UiTM Kampus Samarahan 2.

Sebuah cawangan UNIMAS di Kota Samarahan dan sebuah cawangan UPM yang terletak di Bintulu. Manakala sebanyak lima buah universiti awam di Sabah terdiri daripada dua buah cawangan UiTM iaitu: UiTM Kampus Kota Kinabalu; dan UiTM Tawau serta tiga buah cawangan UMS iaitu UMS Kampus Kota Kinabalu dan UMS Kampus Tawau serta UMS Kampus Sandakan.

Manakala terdapat sebuah universiti awam di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu UMS Kampus Labuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, secara keseluruhannya terdapat tiga buah politeknik masing-masing di Sarawak dan Sabah iaitu: Politeknik Kuching; Politeknik METrO Betong; Politeknik Mukah; Politeknik Kota Kinabalu; Politeknik Tawau; dan Politeknik Sandakan.

Terdapat tujuh buah kolej komuniti di Sarawak iaitu di: Kuching; Betong; Sibu; Mas Gading; Miri; Santubong; dan Sarikei.

Manakala di Sabah pula terdapat lapan buah kolej komuniti yang terletak di: Beaufort; Kota Marudu; Lahad Datu; Penampang; Sandakan; Semporna; Tambunan; dan Tawau.

Kesemua IPT ini menawarkan kursus pengajian dan program latihan dalam pelbagai bidang pengajian dan peringkat daripada Sijil, Diploma, Ijazah Pertama, Ijazah Lanjutan dan Doktor Falsafah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara kedua, terdapat beberapa isu yang disertakan cadangan Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan iaitu:

■1410

- (i) isu ranking dan penarafan universiti;
- (ii) cabaran penulisan dan penerbitan dalam jurnal-jurnal antarabangsa; dan
- (iii) cadangan penubuhan satu pasukan penilai jurnal dan terbitan berindeks tinggi di rantau ini.

Dalam konteks *ranking* dan penerapan universiti, kementerian tidak meletakkan sasaran malah tidak mewajibkan universiti di Malaysia untuk mengejar kedudukan ranking di peringkat antarabangsa.

Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil pendirian bahawa aspek yang perlu dititikberatkan dalam sektor pendidikan tinggi negara ialah kualiti akademik dan proses pengajaran dan bukannya ketaasuban mengejar ranking atau penerapan.

Malah, pendirian ini sebenarnya selari dengan amalan oleh kebanyakan universiti-universiti berprestij tersohor dunia. Namun begitu, adalah tidak dinafikan dalam sesetengah keadaan, ranking boleh digunakan sebagai kayu ukur dan penanda aras yang berguna untuk menentukan kekuatan sistem pendidikan negara.

Namun, ranking tidak sepatutnya dilihat sebagai ukuran kualiti pendidikan yang tunggal, konklusif dan muktamad. Disebabkan ranking antarabangsa pada masa ini sangat menjurus kepada hasil penyelidikan, maka ranking universiti dunia hanyalah salah satu daripada kayu pengukur yang dipantau oleh kementerian dalam usaha untuk meningkatkan penyampaian pelajar dan institusi di negara ini...

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Boleh saya mencelah, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Ya.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Tentang penarafan laporan ranking ini. *Alhamdulillah*, kalau demikian pendirian KPT. Akan tetapi, realiti saban hari kita membaca media, itulah yang menjadi rebutan semua IPT.

Mana-mana IPT yang mendapat kedudukan yang hebat, mendapat biaya lebih besar daripada KPT. Itu yang saya ketahui kerana saya sendiri juga pernah menjadi warga universiti.

Jadi, juga kesan negatif kepada ahli akademik yang telah terlalu tertumpu pada penerbitan berindeks tinggi dan lupa kepada kerja kesukarelawanan, dan lupa kepada kerja sosial, bahkan lupa juga kepada pembinaan makhluk ataupun warga kampus yang bersepadu. Terima kasih. Saya harap ini diberi perhatian kerana ini realiti dalam media.

Tiap-tiap hari, semua universiti cuba memaparkan kehebatan *ranking* itu. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Terima kasih juga atas saranan yang disebut tadi. Saya akan mengambil perhatian terhadap cadangan tersebut. *Insha-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, berhubung cabaran penulisan dan penerbitan dalam jurnal-jurnal antarabangsa serta cadangan menubuhkan pasukan penilai jurnal dan terbitan berindeks tinggi yang memberi tumpuan kepada alam Melayu, kementerian menerima baik saranan ini.

Malah, pihak kementerian sangat mengalu-alukan saranan yang boleh membantu mengukuhkan pengajian dan alam Melayu. Justeru, saya ingin tegaskan yang pihak kementerian akan memberi perhatian untuk mengkaji dan memperhalus saranan oleh Yang Berhormat perkara ini.

KPT sememangnya amat menitik berat dan menggalakkan penyelidik menerbitkan artikel-artikel penyelidikan mereka di dalam jurnal ilmiah yang berkualiti tinggi. Buat masa ini, KPT telah pun mewujudkan sistem repositori jurnal.

Sistem ini bertujuan untuk mengumpul jurnal-jurnal terbitan Malaysia yang akan dalam usaha memastikan jurnal-jurnal ini memenuhi kriteria serta garis panduan penerbitan jurnal ilmiah Malaysia. Kriteria ini telah dibangunkan oleh pakar dalam penerbitan jurnal ilmiah peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selain itu, kriteria yang diguna pakai juga merujuk kepada kriteria penilaian serantau dan antarabangsa seperti, dengan izin, *Scopus*, *Web of Science and Asean Citation Index*. Malah, kualiti penerbitan jurnal ilmiah Malaysia dinilai setiap tahun berdasarkan kriteria penilaian *MyCite* yang merupakan pangkalan data *citations* Malaysia yang menilai kualiti penerbitan ilmiah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh ialah, apa yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak tanya sama ada hadir?

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Ada hadir tidak ini? Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Tidak ada.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Okey, terima kasih. Memang / ada pandangan yang berlainan, seperti yang mengatakan *ranking* universiti itu. Tadi, Yang Berhormat Profesor mengatakan, memang.

Akan tetapi, bagi saya adalah penting kerana kita tidak boleh lari daripada hakikat yang *ranking* universiti itu adalah penting kerana sesebuah universiti yang baik atau tidak memanglah di seluruh negara di dunia ini menggunakan *ranking* yang sama.

Oleh itu, saya katakan jika penerbitan penyelidikan itu adalah penting, kritikal, di negara kita IPTA/IPTS mestilah mengikut kriteria-kriteria yang diadakan oleh *university ranking* ini. Terima kasih.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kes itu. Saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, penjelasan seorang dahulu. Sila jawab, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Kita mengambil kira pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau tadi.

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya suka ungkapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi; bukan konklusif, bukan muktamad, bukan tunggal.

Itulah kata kunci yang mesti dipegang oleh KPT dan difahami oleh pimpinan semua IPT di Malaysia. Akan tetapi, sebagai warga kampus yang 20 tahun lebih berada di kampus, saya faham. Itulah pegangan kebanyakan pimpinan IPT. Tanyalah Naib Canselor mana pun; *ranking*.

Seolah-olah itulah yang muktamad, sehinggakan semua tenaga akademik seolah-olah dikerah hingga lupa kepada tanggungjawab sosial, lupa kepada tanggungjawab pembinaan sahsiah insan di bawah didikannya kerana mengejar jurnal *Scopus*, ISI dan sebagainya. Saya suka kembali kepada pegangan KPT. Kalau itu jadi pegangan, kita tabik dan kita hormati. *Insyah-Allah*.

Kedua, masih ada kaitan; antara jurnal dengan buku. Sarjana menulis buku mendapat markah yang sangat rendah. Bahkan pernah pada satu waktu, saya didatangi oleh seorang Naib Canselor sebuah universiti dahulu. "Minta maaf Prof., saya tahu Prof. menulis banyak buku tetapi tidak ada markah untuk buku." Baru-baru ini sahaja dinaikkan, diberi sedikit markah.

Akan tetapi, masih jauh lebih rendah daripada jurnal. Walhal para sarjana dari dahulu kala yang Islam, bukan Islam, menghasilkan buku sebagai suatu bentuk kesatuan ilmu. Jurnal baru menampilkan satu bentuk picisan, satu sisi kajian empirikal, kajian semasa.

Ini bagi saya, itu semacam latihan akademik sahaja untuk menghasilkan jurnal. Akan tetapi buku, tidak semua sarjana bisa menghasilkan buku kerana hendak menjalin bab demi bab, dan turutan; setiap urutan antara bab demi bab itu bukan mudah.

Jadi saya harap, KPT juga menegaskan hal ini kepada pimpinan universiti. Berikanlah keadilan kepada sarjana yang menghasilkan buku. Bukulah yang abadi sifatnya. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Saya akan mengambil kira segala pandangan itu. *Insyah-Allah*, kita akan bincang di peringkat kementerian nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita harap itu bukan hanya ambil perhatian. Ia merupakan produktiviti ilmu dan ini banyak dibahaskan kira-kira dua tahun yang lalu dan terus sampai ke hari ini. Harap kementerian dapat mengambil kira secara serius.

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Baik, baik. Baik, Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Isu keempat dan yang terakhir telah diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda, ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda...?

**Dato' Mohammad Yusof bin Apdal:** Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu literasi kewangan dan mencadangkan agar KPT bergiat secara aktif dalam proses pendidikan literasi kewangan terutamanya di universiti.

Dalam hal ini, kementerian sememangnya menerapkan elemen literasi kewangan melalui penawaran mata pelajaran pengajian umum yang menyaksikan kursus asas keusahawanan telah diwajibkan kepada semua pelajar universiti awam.

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada konsep dan teori keusahawanan yang turut merangkumi literasi kewangan. Modul-modul seperti kreativiti dan inovasi dalam perniagaan, menilai peluang perniagaan, perancangan perniagaan dan mengurus projek perniagaan dapat meningkatkan literasi pelajar dalam pengurusan kewangan dan perniagaan.



## ■1420

KPT yakin ilmu yang diperoleh pelajar melalui kursus ini akan membentuk mereka menjadi lebih celik dalam urusan kewangan selain lebih arif dan bijak dalam membuat keputusan berhubung kewangan peribadi setelah ber-graduate.

Akhir kata, kementerian merakamkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan dan cakna mengenai isu-isu pendidikan tinggi sepanjang sesi perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Saya akhiri penggulangan saya pada hari ini dengan ucapan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Pendidikan Tinggi.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Diharap Kementerian Pembangunan Wanita bersiap sedia selepas itu sebagai kementerian yang akhir bagi sesi kita hari ini.

## 2.21 ptg.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Arthur Joseph Kurup]:** Salam sejahtera dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Meja rehal terjatuh]* Mohon maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Orang lagikan jatuh, inikan pula rehal.

**Datuk Arthur Joseph Kurup:** Kita perlu perbaiki teknologi ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Silakan.

**Datuk Arthur Joseph Kurup:** *[Berpantun]*

*Daun selasih di atas para,  
Buat hidangan si anak teruna;  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana,  
Giliran MOSTI menggulung Titah Diraja.*

Terlebih dahulu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas keprihatinan Baginda terhadap agenda pemerkasaan teknologi dan inovasi negara demi kemakmuran rakyat selaras dengan hasrat MOSTI merakamkan sains dan menginsankan teknologi.

Patik juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Baginda Tuanku atas kepercayaan terhadap kepimpinan Kerajaan Perpaduan yang jelas menterjemahkan konsep dan falsafah Kerajaan Madani melalui penubuhan Majlis Madani supaya difahami dan menyantuni semua pihak.

Saya ingin merakamkan juga ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan mengambil peluang untuk menyatakan cadangan, teguran serta pandangan masing-masing sama ada secara langsung mahupun tidak langsung yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Selaras dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, MOSTI tersedia perancangan dengan gerak kerja, dengan pelan tindakan yang strategik bagi menyokong dan meningkatkan aspek sains, teknologi, inovasi dan ekonomi negara. MOSTI juga membangunkan dasar inisiatif berkaitan serta pelan hala tuju sains, teknologi dan inovasi melalui Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 yang kini disusun semula sasaran nasional bagi memastikan pembangunan STI negara di landaskan yang tepat.

Ternyata ketidakstabilan kedudukan fiskal negara berpunca daripada keruncingan ekonomi dunia turut memberi kesan kepada peningkatan kos sara hidup rakyat, yakni pengaplikasian teknologi tempatan amat penting bagi menghasilkan solusi penyelesaian bernilai tinggi dengan kos rendah supaya syarikat tempatan mampu mengolah sistem perniagaan yang lebih dinamik demi kelangsungan pengoperasiannya dalam tempoh pemulihan ekonomi ini.

Suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat Senator mengenai isu kepentingan pembangunan STI negara yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa. Yang Berhormat Senator ada..., hadir?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datuk Arthur Joseph Kurup:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang bertanya terutamanya mengenai program penggunaan barangan dan perkhidmatan hasil penyelidikan dan pembangunan tempatan dalam perolehan kerajaan. Dalam hal ini, MOSTI juga menghargai usaha dan minat Yang Berhormat Senator terhadap butiran, syarat dan cara pelaksanaan program ini yang turut diutarakan semasa kunjungan hormat ke MOSTI pada bulan lepas.

Yang Berhormat Senator juga turut mengutarakan kerisauan bahawa pereka cipta teknologi tempatan belum mempunyai keupayaan penyediaan perkhidmatan teknologi yang mampu berdaya saing dengan pembekal antarabangsa yang lain dan menyarankan supaya satu garis panduan yang jelas dan realistik diharmonikan bersama Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan 3.0 demi memastikan ianya selari dengan trend dunia ke arah kelestarian teknologi hijau supaya dimanfaatkan oleh syarikat tempatan negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan teknologi baharu muncul sedang pesat membangun di dunia, di mana bidang kecerdasan buatan, *internet* kebendaan (IoT), robotik dan automasi mula diasimilasi dalam kerja seharian kita. Namun begitu, penggunaan teknologi dalam negara lazimnya dibangunkan hasil kerjasama kepakaran luar negara yang tinggi kosnya.

Menyedari hakikat permintaan tinggi terhadap pasaran teknologi dalam negara, adalah wajar bakat *inventor*, penyelidik, dan *technopreneur* tempatan diketengahkan bagi menghasilkan penyelesaian kepada isu-isu kritikal negara melalui teknologi dan inovasi. Ini selaras dengan sasaran Malaysia sebagai negara pengeluar teknologi menjelang tahun 2030.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Garis Panduan Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Hasil Penyelidikan dan Pembangunan Tempatan dalam Perolehan Kerajaan atau dikenali sebagai mySTI akan dilaksanakan mulai pada tahun ini tertakluk pada kelulusan belanjawan MOSTI oleh Dewan yang mulia ini. Garis panduan mySTI bertujuan untuk merangsang daya cipta dan daya saing syarikat teknologi bagi memperkasakan lagi usaha pengkomersialan teknologi dan inovasi tempatan. Barangan dan perkhidmatan yang dikenal pasti berpotensi dan layak akan diberi penandaan logo mySTI.

Justeru, melayakkan ia diberi keutamaan dalam pasaran tempatan sebagai permulaan memfokuskan kepada perolehan kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, permohonan logo mySTI dan pendaftaran ke dalam sistem perolehan kelak adalah terbuka dengan syarat:

- (i) semua syarikat yang berdaftar dengan pihak berkuasa yang berkaitan, contoh SSM, mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa;
- (ii) barangan dan perkhidmatan dihasilkan melalui inovasi dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan tempatan dan pengenalpastian adalah melalui pendaftaran harta intelek atau Borang Pendedahan Penciptaan; dan
- (iii) pemilik atau pencipta mesti produk asal orang tempatan.

MOSTI juga sedang memuktamadkan inventori yang akan menghimpunkan barangan dan perkhidmatan yang diluluskan logo mySTI dari seluruh negara sebagai rujukan kepada pihak kerajaan atau kontraktor luar semasa proses perolehan. Program ini akan dilaksanakan secara rintis selama dua tahun mulai suku ke-dua tahun 2023. Pelaksanaan rintis ini akan membantu pihak kerajaan untuk menentukan mekanisme yang terbaik bagi pelaksanaan penuh kelak.

Selain itu, penandaan dan perekodan mySTI ini akan merangkumi semua kategori dan bidang teknologi seperti *Industry4WRD*, aeroangkasa, elektrik dan elektronik, farmaseutikal serta ekonomi digital termasuk teknologi hijau. Ini seterusnya dapat membolehkan pengharmonian bersama dengan Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan 3.0.

MOSTI bersedia untuk mengerakkan program mySTI supaya akses pasaran diperluaskan bagi produk dan perkhidmatan tempatan yang telah melalui proses R&D yang getir bagi memantapkan fungsi, kualiti dan kredibilitinya. Antara...

#### ■1430

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehlah itu. Dia sudah duduk, bolehlah itu.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Boleh ya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian atas program yang sangat diperlukan oleh ekosistem inovasi tempatan, *alhamdulillah*. Usaha kementerian dan Yang Berhormat Menteri untuk menekankan perkara yang boleh membantu industri patut dicontohi oleh kementerian-kementerian yang lain. Soalan tambahan saya ialah apakah pemantauan keberkesanan program yang akan diletakkan ke atas syarikat-syarikat tempatan yang terlibat terutamanya selepas mendapat kontrak kerajaan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Arthur Joseph Kurup:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Sebenarnya soalan yang sangat baik untuk memastikan bahawa peruntukan yang dibelanjakan, usaha itu ia dapat memberikan impak kepada golongan sasaran. Selepas sebuah syarikat mendapat penandaan logo dan telah masuk ke program MySTI, kita akan mewujudkan satu Jawatankuasa. Jawatankuasa ini akan memantau pelaksanaan program MySTI dan itu akan diletakkan secara langsung di bawah tadbir urus MySTI.

Selain daripada itu, dalam proses ini kita akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain yang juga akan mewujudkan proses ataupun jawatankuasa masing-masing di bawah kementerian yang berkaitan, juga untuk memantau, untuk memastikan supaya pelaksanaan program itu ataupun peruntukan yang dibelanjakan itu akan mencapai sasaran yang ditentukan.

MOSTI bersedia untuk menggerakkan program MySTI supaya akses pasaran diperluaskan bagi produk dan perkhidmatan tempatan yang telah melalui proses R&D yang getir bagi memantapkan fungsi kualiti dan kredibilitinya. Antara penyelesaian teknologi yang turut diketengahkan supaya produk dan perkhidmatan tempatan boleh ditambah baik secara berterusan melalui program MYHackathon serta Sandbox Technology dan Inovasi Nasional atau dikenali sebagai NTIS. Namun sesungguhnya, hasrat yang murni ini memerlukan kerjasama serta komitmen pelaksanaan yang konsisten daripada semua pihak untuk dijayakan dalam jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengambil maklum akan setiap cadangan dan isu yang diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan akan sentiasa berusaha serta komited dalam mengambil tindakan proaktif terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dengan itu, sekian sahaja maklum balas saya tentang isu-isu di bawah MOSTI yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam perbahasan Titah Diraja di Dewan Negara bagi Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh bidang kuasa MOSTI. Sekian, dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dipersilakan.

**2.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hajah Raj Munni binti Sabu]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia MADANI... *[Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, gembira untuk kembali ke Dewan yang mulia, Dewan Negara. *Insyah-Allah*. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas dan menyentuh isu-isu di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) semasa mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari 21 Mac sehinggalah ke 23 Mac.

Seramai lapan orang Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja berkaitan dengan kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengambil catatan kehadiran keberadaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan perbahasan. Pertama h Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Ras Adiba binti Mohd Radzi, tiada; Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, rakan saya, rakan lama' Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang, tiada; Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz, ada; Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff ada, sahabat saya, sahabat lama saya; Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, ada, sahabat saya juga; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin, hadir; dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang, tiada.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab bagi beberapa yang hadir di dalam Dewan yang mulia ini, *insyiah-Allah*. Pertama, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook. Beliau telah bertanya tentang pusat jagaan selepas bersalin. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu pengawalan kualiti pusat jagaan selepas bersalin seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan, ingin saya maklumkan bahawa pusat penjagaan ibu bersalin ataupun *confinement center* tidak didaftarkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Untuk lanjut, saya tidak dapat memberikan penjelasan lagi sebab ia tidak diletak di bawah KPWKM.

Kedua, soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan ini adalah berkaitan dengan apakah persediaan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan warga emas berada dalam persekitaran yang selamat. Dasar Warga Emas Negara merupakan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, penuaan positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Salah satu strategi Dasar Warga Emas Negara iaitu keselamatan dan perlindungan. Strategi ini adalah bagi melindungi hak mendapatkan keselamatan dan perlindungan warga emas dalam semua aspek diutamakan tanpa mengira latar belakang mereka. Akses warga emas kepada keperluan asas, keselamatan sosial dan perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan serta penderaan perlu dijamin dalam peruntukan undang-undang.

Antara strategi dalam memastikan warga emas hidup dalam persekitaran yang selamat dan mesra warga emas adalah seperti berikut:

- (i) memperkasakan organisasi kejiwaan sedia ada untuk kejiwaan yang lebih selamat;
- (ii) membangun dan menetapkan standard keselamatan dalam rumah dan komuniti untuk warga emas;
- (iii) mempertingkatkan dan memperluaskan perkhidmatan kaunter dan tempat duduk khas bagi warga emas di agensi-agensi kerajaan dan swasta, di stesen dan juga dalam pengangkutan awam, tempat-tempat letak kereta dan di taman-taman rekreasi, pusat hiburan dan juga pusat membeli-belah; dan
- (iv) menaik taraf semua kemudahan sedia ada supaya mesra warga emas seperti mana kemudahan sukan, rekreasi, pusat membeli-belah, rumah ibadat dan juga bangunan awam.

Yang Berhormat Senator turut bertanya, sejauh mana akta-akta dan polisi-polisi yang digubal dapat memastikan keselamatan warga emas terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, kementerian telah selesai melaksanakan satu kajian berkenaan pewujudan satu akta khusus bagi warga emas iaitu kajian kandungan pendekatan dan skop bagi pewujudan satu akta khusus untuk warga emas di Malaysia.

Pasukan petugas khas telah dilantik yang terdiri daripada pelbagai kementerian dan jabatan serta badan-badan profesional, ahli-ahli akademik serta individu yang berpengetahuan dan berpengalaman berkenaan isu-isu warga emas untuk meneliti hasil kajian tersebut dan seterusnya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia, Akta Warga Emas ini akan dibentangkan *insya-Allah*, dalam tahun hadapan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Akan a/ Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab soalan saya satu sahaja. Akan tetapi saya hendak tanya, adakah terlepas pandang tentang isu ataupun cadangan saya untuk diadakan kursus pra perkahwinan untuk pasangan bukan Islam. Ini kerana saya rasa saya cerita panjang lebar, mungkin pegawai terlepas dengar atau apa, tidak tahulah. Terima kasih.

**Puan Hajah Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan pergi ke situ Tuan Akan, *insya-Allah*. Itu yang paling akhir sebab ada beberapa, ada dua orang lagi Ahli Yang Berhormat Senator bertanya persoalan yang lebih kurang sama.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Juhani binti Abd Aziz, terkait dengan bagaimana merapatkan jurang gender.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator dan Ahli Dewan yang mulia juga komitmen kerajaan dalam usaha merapatkan jurang gender diterjemahkan menerusi dasar, program serta inisiatif secara berterusan untuk memastikan inklusiviti dalam agenda pembangunan negara.

Agenda memperkasakan wanita serta menggalakkan penyertaan wanita adalah berdasarkan bersandarkan kepada aspirasi yang telah digariskan di bawah Dasar Wanita Negara serta Rancangan Malaysia Ke-12 di bawah Bab 5, Strategi F(3) iaitu memperkasakan wanita dengan menggalakkan kesaksamaan gender.

Dasar Wanita Negara mendukung cita-cita untuk mencapai kesaksamaan gender dan pembangunan negara yang seimbang dan lestari dengan mengambil kira isu, peluang, cabaran dan persekitaran masa kini dan akan datang. Dalam memastikan perspektif gender dalam perancangan dalam pembuat keputusan, pelantikan *Gender Focal Point* (GFP) serta penubuhan pasukan *Gender Focal Team* (GFT) telah pun dibuat di setiap kementerian dan agensi-agensi kerajaan. Selain daripada itu kerajaan juga telah melaksanakan dan menambah baik ke dasar polisi serta akta ke arah menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif.

Antaranya, menerusi akta pindaan Akta Kerja 1955 tahun 2022, Akta Antigangguan Seksual 2022 dan pernyataan dasar 30 peratus wanita di peringkat pembuatan keputusan. Isu gender merupakan isu merentas agensi yang memerlukan penglibatan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak. KPWKMS sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dan menyokong usaha-usaha untuk merapatkan jurang gender. Pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan termasuklah Yang Berhormat Senator turut kami ambil perhatian untuk diambil kira pada masa depan.

Kementerian juga telah menubuhkan Majlis Wanita Keluarga Negara yang dianggotai oleh wanita daripada pelbagai bidang dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sebagai salah satu inisiatif dalam memperkasakan wanita. Majlis ini adalah sebagai *platform* dalam membincangkan isu-isu yang berkaitan wanita dan keluarga sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah yang berkaitan dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Akmaz a/l Ehtook berkaitan dengan pusat jagaan selepas bersalin. Berkenaan dengan isu pengawalan kualiti pusat jagaan selepas bersalin seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Akmaz, ingin saya maklumkan bahawa pusat penjagaan ibu bersalin dan *confinement centre* ini tidak didaftarkan di bawah Akta Pusat Jagaan. Ini juga soalan yang tadi.

Seterusnya untuk Yang Berhormat Tuan Akmaz adalah tentang kursus asas pra-perkahwinan dan SmartStart. Tuan Yang di-Pertua, kursus pra-perkahwinan ini dinyatakan bagi memastikan pasangan yang ingin berkahwin ini dibekalkan dengan ilmu kekeluargaan dahulu sebelum langkah ke fasa hidup berkeluarga. Itu merupakan saranan Yang Berhormat Senator.

Mengenai cadangan ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara mempunyai satu kursus berkaitan pra-perkahwinan ini yang dipanggil SmartStart. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, kursus pra-perkahwinan SmartStart 2.0 iaitu modul yang ditambah baik daripada modul asal menyediakan kaedah pelaksanaan secara fizikal dan juga secara dalam talian.

Kursus yang baharu yang ditambah baik ini hanya bermula ditawarkan pada tahun 2023. Bagi tahun 2023 pelaksanaan kursus secara dalam talian melalui LPPKN, di setiap negeri telah pun menyasarkan penyertaan sebanyak 420 orang peserta. Manakala penawaran kursus melalui rakan strategik badan bukan kerajaan (NGO) diberi pilihan pelaksanaan secara sama ada fizikal atau pun secara talian.

Bagi cadangan mewajibkan kursus ini kepada pasangan bukan Islam, kementerian sedang dalam proses penyediaan kertas cadangan bagi menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji ke boleh laksanakan mewajibkan kursus pra-perkahwinan kepada pasangan bukan Islam dan jawatankuasa ini akan menjalankan kajian bagi mencadangkan program-program bersesuaian dan akan dibentangkan kepada Kabinet dalam tempoh masa yang akan datang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Aziz bin Ariffin berkenaan isu bilangan dan inisiatif ibu tunggal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz Ariffin.

Saya ingin memaklumkan bahawa data ibu tunggal adalah berdasarkan penemuan utama data banci penduduk dan perumahan tahun 2020 iaitu Banci Malaysia 2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang telah merekodkan jumlah ibu tunggal pada tahun 2020 meningkat kepada 940,735 orang berbanding 808,787 orang pada tahun 2010. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KPWKW menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bagi menyantuni golongan wanita termasuklah ibu-ibu tunggal. Antaranya seperti program advokasi penjana ekonomi dan literasi kewangan.

Program-program ini telah membantu membangunkan kapasiti wanita melalui kursus-kursus dan latihan-latihan yang memberi bimbingan mengenai pengurusan kewangan serta menggalakkan wanita untuk menceburi bidang keusahawanan. Sepanjang tahun 2022, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Pembangunan Wanita telah melaksanakan sebanyak 445 program ekonomi yang berkait dengan kemahiran yang melibatkan seramai 67,516 orang peserta dan 165 program literasi kewangan yang melibatkan seramai 57,766 orang peserta dan sejumlah 156 program advokasi penjana pendapatan yang melibatkan seramai 12,231 orang peserta.

Untuk makluman, kementerian memberikan bantuan kepada ibu tunggal yang memerlukan bantuan. Kementerian juga mengalu-alukan sokongan padu daripada ibu-ibu tunggal yang berjaya dalam pelbagai bidang untuk membantu ibu-ibu tunggal yang memerlukan bantuan. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua adalah yang berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati. Ada, kan? Tidak hadir. Saya *skip*. Kita akan bagi jawapan secara bertulis.

Seterusnya yang terakhir Tuan Yang di-Pertua soalan daripada tiga orang Senator. Rangkuman daripada soalan-soalan tiga orang Senator, iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina; Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen; dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain yang tidak hadir, yang tidak ada di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan rasa terima kasih atas keprihatinan tiga orang Senator yang telah membangkitkan masalah berkaitan kekurangan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat di pusat-pusat penempatan sementara (PPS) bagi mangsa bencana.

JKM mempunyai pegawai dan kakitangan yang terhad untuk di tempatkan di setiap PPS yang diaktifkan lebih-lebih lagi sekiranya banjir berlaku dalam skala besar dan banyak PPS yang beroperasi pada masa yang sama dalam satu-satu masa.

Di samping bertugas menguruskan bencana banjir, pegawai JKM juga perlu menjalankan tugas hakiki yang lain seperti pengurusan bantuan bulanan, pengurusan kes kanak-kanak, pengurusan kes warga emas, orang-orang kurang upaya dan tugas-tugas pengurusan kerja sosial yang lain yang ada di pejabat dan juga di lapangan.

Sebagai langkah bagi memastikan perkhidmatan pengurusan mangsa bencana dapat terus dilaksanakan dengan sempurna, JKM telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan komuniti dengan melantik ketua komuniti, ketua agensi tempatan, pengetua, guru-guru besar dan lain-lain sukarelawan komuniti sebagai penyelia dan juga Ahli Jawatankuasa dan juga petugas di PPS yang diaktifkan semasa berlakunya banjir besar.

Ketua komuniti akan menjalankan tugas-tugas semasa bagi pengaktifan PPS termasuklah melakukan pendaftaran serta pengagihan barang keperluan asas bencana sementara agensi-agensi kerajaan lain termasuklah JKM untuk tiba ke lokasi bencana.

Latih amal dan simulasi pengurusan mangsa bencana di PPS juga perlu diberikan kepada komuniti, ketua komuniti dan sukarelawan-sukarelawan ini supaya mereka faham dan yakin untuk melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan. Ini kerana tugas-tugas ini Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua merupakan tanggungjawab kita secara bersama.

Melalui pendekatan komuniti *empowerment and resilient during disaster* akan membolehkan ketua-ketua komuniti untuk membuka dan mengoperasi PPS dengan pemantauan yang minimum daripada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pada masa yang sama, kementerian turut memobilisasikan, pertama, sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah pun diwujudkan sejak tahun 1985 dan ditukar nama kepada Sukarelawan Kebajikan pada tahun 2012. Kedua juga memobilisasikan pegawai-pegawai JKM di setiap daerah dan pada masa yang sama yang ketiga, sukarelawan-sukarelawan daripada NGO-NGO yang mahu membantu.

Berkaitan dengan pendaftaran mangsa di PPS. JKM bertanggungjawab mendaftarkan mangsa bencana yang dipindahkan ke sesebuah pusat pemindahan sementara. Ini bagi tujuan penyaluran bantuan yang sewajarnya selain memastikan keperluan asas, makanan dan perkhidmatan dapat disediakan secukupnya. Selain itu, bagi mangsa yang tidak berpindah, pendaftaran akan dilakukan oleh ketua komuniti atau ketua masyarakat setempat di mana mereka tinggal.

#### ■1450

Kaedah ini akan memudahkan pengesahan mangsa dilakukan oleh ketua-ketua komuniti mereka, seterusnya menyelaraskan sebarang bantuan dan perkhidmatan yang diperlukan dari semasa ke semasa. Senarai mangsa-mangsa bencana yang telah didaftarkan oleh pihak-pihak yang berkenaan akan disahkan dan dimuktamadkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah di bawah pejabat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga turut membangkitkan berkaitan pengurusan bantuan mangsa banjir. Sebagai makluman Dewan yang mulia, pengurusan bencana merupakan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri serta digerakkan di peringkat pihak berkuasa tempatan. Sehubungan itu, kerjasama erat antara pelbagai agensi Persekutuan dan negeri serta PBT, sentiasa dititikberatkan dan termaktub dalam Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara (MKN 20).

Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) diberikan tanggungjawab menguruskan dan memberikan perkhidmatan kepada mangsa bencana yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) berdaftar. Antara kemudahan yang disediakan oleh JKM ialah barang-barang keperluan asas mangsa bencana seperti khemah, *comforter*, selimut, kain pelikat, kain batik, *hygiene kit* dan juga tikar, makan, minum serta perkhidmatan-perkhidmatan kaunseling dan intervensi-intervensi *psychological* daripada kaunselor-kaunselor JKM.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, berakhirlah sesi penggulungan saya mewakili Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyuarakan pandangan, cadangan, penambahbaikan, teguran yang melibatkan kumpulan-kumpulan sasar yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sesungguhnya saya menghargai segala yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan KPWK akan sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan input-input yang diterima. Kerjasama dan sokongan yang ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat terhadap beberapa inisiatif kementerian, terutamanya dalam mengendalikan isu-isu yang sangat dekat di hati kita ini semoga dapat diberikan perhatian dan mendapat manfaat kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan 'Aiman Athirah' binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.



Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana usul yang telah diluluskan lebih awal tadi, selesai giliran kementerian menjawab perbahasan Titah Diraja yang diuntukkan pada hari ini. Giliran kementerian yang seterusnya akan dilaksanakan pada hari esok, Selasa 28 Mac 2023.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 28 Mac 2023. Terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.53 petang]***